

JENDELA 2020

SOROTAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK



JENDELA 2020

SOROTAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK



**PEJABAT SETIAUSAHA
PERSEKUTUAN SARAWAK**

Cetakan Pertama 2021
© Jabatan Persekutuan Sarawak

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik , rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Persekutuan Sarawak. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Dicetak oleh
PPKS Production Sdn. Bhd.
Jalan Canna Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 Kuching, Sarawak
Tel : 082 364 198

Kandungan

<i>Sidang Pengarang</i>	v
<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
<i>Sambutan Hari Malaysia</i>	xi
<i>Majlis Anugerah Konvensyen Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak</i>	xiii

Sektor Ekonomi

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	1
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan	3
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Batang Lupar	6
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sarawak	7
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	9
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	11
Lembaga Koko Malaysia	12
Lembaga Lada Malaysia	14
Lembaga Minyak Sawit Malaysia Sarawak	15

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak 23

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta 25

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 26

Sektor Keselamatan

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sarawak	29
Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri Cawangan Sarawak	30
Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Negeri Sarawak	32
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak	33
Ibu Pejabat Penjara Negeri Sarawak	34
Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak	35
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	37
Jabatan Peguam Negara Malaysia, Sarawak	39
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	40
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak	41
Majlis Keselamatan Negara	42
Agenси Penguatkuasaan Maritim Malaysia	43
Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak	45
Jabatan Sukarelawan Malaysia Negeri Sarawak	46
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	48

KANDUNGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	16
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Bandar	17
Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	18
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	20

Sektor Pembangunan

Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	50
Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak	53
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian	54

Sektor Pendidikan

Institut Kemahiran Mara Bintulu	56
Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak	60
Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak	62
Institut Kemahiran Mara Kuching	65
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak	67
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri	69
Jemaah Nazir Negeri Sarawak	71
Kolej Komuniti Mas Gading	72
Kolej Komuniti Miri	74
Kolej Komuniti Sarikei	76
Maktab Rendah Sains Mara Betong, Sarawak	78
Maktab Rendah Sains Mara Mukah, Sarawak	79

Politeknik Kuching, Sarawak	81
Politeknik Mukah, Sarawak	82
Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak	84
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak	86

Sektor Sosial

Jabatan Penyiaran Negeri Sarawak	88
Perbadanan Produktiviti Malaysia	89
Arkib Negara Malaysia, Negeri Sarawak	90
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak	91
Institut Tadbiran Awam Negara Wilayah Sarawak	92
Jabatan Belia dan Sukan	93
Jabatan Kemajuan Masyarakat	95
Jabatan Kimia Malaysia, Sarawak	96
Jabatan Mineral dan Geosains	97
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Negeri Sarawak	99
Jabatan Penerangan	100
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak	101
Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak	102
Jabatan Perangkaan Malaysia	104
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak	105
Pejabat Pesuruhjaya Sukan Negeri Sarawak	107
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia	108
Jabatan Perhubungan Perusahaan	109
Telekom Malaysia	110
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak	111
<i>Senarai Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sarawak Mengikut Sektor</i>	114

Sidang Pengarang

**Penaung**

YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar

Penasihat

Norizan bin Jili

Ketua Editor

Muhammad Iqbal bin Ismail

Editor

Dayang Raihana binti Abang Ikhsan

Editor Bersekutu

Hajijah binti Haji Mainol

Lily Joo

Ahli Jawatankuasa

Ahmad Zaki bin Affendi

Vicki Christine Vincent Ahang

Mohamad Huzaifah bin Hamdan

Micheal Wilter Siris

Azlan bin Kasah

Taufiqul Hakim bin Mok Abdullah

Stephen Embuyan

Noor Suriati binti Mohamad

Nurzahraa' Syamimi binti Raduan





Kata Pengantar

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Pribatin

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya (Jendela 2020 - Sorotan Agensi Persekutuan Sarawak) Buku Laporan Tahunan Agensi-agensi Persekutuan di Negeri Sarawak Tahun 2020 berjaya diterbitkan. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak sebelum ini, YBhg. Datuk Mohd Shahabuddin Bin Omar kerana telah membuktikan kecemerlangan tinggi dalam menggalas tugas dan amanah selama ini sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak yang ke-19. Sekalung penghargaan diucapkan juga kepada Sidang Pengarang dan semua agensi-agensi Persekutuan di Negeri Sarawak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Kita sedia maklum, tahun 2020 telah memaksa kita semua untuk menerapkan norma baru dalam setiap tindakan dan perkara yang dilakukan. Penularan Covid-19 turut menjadi cabaran berat kepada semua sektor termasuk perkhidmatan awam negara. Walaupun berdepan dengan isu penularan Covid-19, harapan rakyat terhadap perkhidmatan yang cekap, bersih dan berintegriti tidak pernah luntur. Oleh itu, harapan ini perlu dipenuhi. Bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan pencapaian yang terbaik, budaya kerja norma baru perlu diterapkan dalam perkhidmatan awam. Ini penting kerana perkhidmatan awam merupakan jentera yang menggerakkan proses merangka, mengolah dan merealisasikan dasar-dasar negara. Seterusnya dapat mengukuhkan kredibiliti perkhidmatan awam sebagai tunjang utama kepada kejayaan negara demi kesejahteraan rakyat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada agensi-agensi perkhidmatan barisan hadapan di Sarawak dalam menangani isu Covid-19.

Saya menyeru kepada semua agensi-agensi agar terus mengekalkan kerjasama yang ada pada masa-masa akan datang. Bekerjalah sebagai sebuah pasukan yang saling berinteraksi antara satu dengan yang lain. Penjawat awam perlu menjadi pemudah cara dalam urusan rakyat.

Sekian.

Wabilahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR
Setiausaha Persekutuan Sarawak
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak



Kata Pengantar

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Pribatin

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku Jendela 2020: Sorotan Agensi Persekutuan Sarawak berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Sidang Pengarang dan semua agensi Persekutuan di Negeri Sarawak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Kita sedia maklum bahawa tahun 2020 telah memaksa kita untuk menerapkan norma baharu dalam setiap tindakan dan perkara yang dilakukan. Penularan wabak Covid-19 turut menjadi cabaran berat kepada semua sektor termasuk perkhidmatan awam negara. Walaupun berdepan dengan isu penularan Covid-19, harapan rakyat terhadap perkhidmatan yang cekap, bersih dan berintegriti tidak pernah luntur. Oleh itu, harapan ini perlu dipenuhi. Bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan pencapaian yang terbaik, budaya kerja norma baharu perlu diterapkan dalam perkhidmatan awam. Ini penting kerana perkhidmatan awam merupakan jentera yang menggerakkan proses merangka, mengolah dan merealisasikan dasar-dasar negara. Seterusnya dapat mengukuhkan kredibiliti perkhidmatan awam sebagai tunjang utama kepada kejayaan negara demi kesejahteraan rakyat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada agensi-agensi perkhidmatan barisan hadapan di Sarawak dalam menangani isu Covid-19.

Saya menyeru kepada semua agensi agar terus mengekalkan kerjasama yang ada pada masa-masa akan datang. Bekerjalah sebagai sebuah pasukan yang saling berinteraksi antara satu dengan yang lain. Penjawat awam perlu menjadi pemudah cara dalam urusan rakyat.

Sekian.

Wabilahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK HAJI MOHD SHAHABUDDIN BIN OMAR

Setiausaha Persekutuan Sarawak

(17 Mei 2019 hingga 3 April 2021)

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak



Prakata

Salam sejahtera dan salam Malaysia prihatin

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita telah berjaya menerbitkan Abuku Jendela 2020: Sorotan Agensi Persekutuan Sarawak. Buku ini merupakan buku pertama yang diterbitkan dan melibatkan semua agensi Persekutuan di negeri Sarawak. Buku ini merakamkan pelbagai aktiviti agensi-agensi persekutuan di Sarawak sepanjang tahun 2020.

Penerbitan buku ini terhasil melalui kerjasama yang telah diberikan oleh semua agensi Persekutuan di negeri Sarawak yang telah berkongsi laporan aktiviti agensi masing-masing kepada Sidang Pengarang. Tanpa maklumat tersebut, buku ini tidak mungkin dapat diterbitkan. Terima kasih kepada Sidang Pengarang yang telah bekerjasama dan bertungkus-lumus dalam menjayakan penerbitan buku. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini terutamanya kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak yang telah banyak membantu melancarkan proses penerbitan buku ini.

Pandemik Covid-19 menuntut kita untuk berubah. Dahulunya, mesyuarat secara bersemuka, kini berubah kepada penggunaan teknologi digital seperti Google Meet, Zoom, Skype for Business yang membuktikan jarak bukan halangan untuk menyelesaikan urusan. Begitu juga dengan penggunaan pelitup muka dan penjarakan sosial perlu sentiasa kita amalkan dalam norma kerja seharian. Peperangan kita berdepan dengan pandemik Covid-19 masih belum selesai. Oleh itu sentiasa patuhi norma baharu kerja, kita jaga kita, dan jalalah kebersihan diri dan keluarga agar kita terhindar daripada virus Covid-19.

Sekian, terima kasih.

SIDANG PENGARANG





SAMBUTAN HARI MALAYSIA

Pada 16 September 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah menghadiri Sambutan Hari Malaysia Tahun 2020 yang diadakan di Stadium Tertutup Sibu yang telah dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.

Majlis ini dihadiri oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia serta isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Aidi Mokhtar, Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Saifuddin

Abdullah merangkap pengurus penganjur Hari Malaysia 2020, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom, Menteri Utiliti merangkap pengurus penganjur bersama Hari Malaysia 2020 dan tetamu kehormat lain.





MAJLIS ANUGERAH KONVENTSYEN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK

Pada 16 Disember 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah menghadiri Majlis Anugerah Konvensyen Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak Tahun 2020 yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak.

Tema pada tahun ini, *Innovation for Service Delivery Excellence*. Dalam ucapan perasmian YAB Ketua Menteri Sarawak menggesa penjawat awam di Sarawak, khususnya perlu memperkuatkkan budaya inovasi sebagai faktor utama bagi memacu Sarawak ke arah negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Dalam majlis tersebut, sebanyak enam buah kumpulan pemenang telah membawa pulang anugerah yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sarawak. Jabatan Penjara Malaysia Cawangan Bintulu telah memenangi Anugerah Ureka, Kumpulan BTS 2.0 dari Pejabat Pentadbiran

Bahagian Bintulu bagi Anugerah Inovasi Digital 2020, manakala bagi Anugerah Inovasi Sosial pula dimenangi oleh Kumpulan Q-INNO dari Jabatan Kerja Raya Bintulu.

Anugerah Inovasi Ketua Menteri Sarawak telah dimenangi oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak bagi Kategori Agensi Negeri. Kategori Agensi Persekutuan dimenangi oleh Kumpulan Dua Taruh² Semong, iaitu dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sarawak dan Anugerah Khas Inovasi 2020 telah dimenangi oleh Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Sebanyak 27 buah kumpulan dari jabatan/agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah bertanding di peringkat akhir.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Datuk Amar Mohd Asfia Awang Nassar, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Jaul Samion dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datu Dr. Sabariah Putit dan ketua-ketua jabatan Persekutuan dan Negeri.





Sektor Ekonomi

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merupakan agensi pemasaran yang ditubuhkan bagi tujuan menyelia, menyelaras, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia. FAMA juga turut terlibat secara langsung dalam aktiviti pemasaran dengan membuat pembelian dan jualan hasil pertanian petani di Sarawak. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah (MANRED) turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM200,000.00 sebagai modal pusingan tambahan kepada FAMA untuk membeli hasil pertanian daripada petani-petani di seluruh Sarawak. Ini menunjukkan kerjasama yang amat baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan pemasaran pertanian di Sarawak.

Bagi tahun 2020, jumlah belian yang dibuat FAMA adalah sebanyak RM689,861.88 bersamaan dengan 442.75 metrik tan. Manakala nilai jualan pula adalah sebanyak RM723,188.43 bersamaan dengan 405.80 metrik tan. Penglibatan secara langsung FAMA dalam urus niaga ini adalah untuk membantu petani kecil yang tidak dapat memasarkan hasil pertanian dan juga bagi menjamin bekalan hasil pertanian di pasaran setempat dan juga Semenanjung Malaysia mencukupi.



Aktiviti belian nanas di Sungai Ilas, Sarikei



Aktiviti belian pisang tanduk di Kampung Empelam, Kabong



Pembungkusan pisang tanduk untuk dieksport ke Semenanjung Malaysia



Aktiviti belian tembikai di Bahagian Miri



Aktiviti belian buah naga di Bahagian Bintulu

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTUAN

Pengurusan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad Wilayah Sarawak mengemukakan tiga pencapaian penting yang telah dianugerahkan oleh Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad semasa Anugerah Kualiti dan Inovasi FELCRA Berhad tahun 2020, iaitu:

1. Tempat Pertama Peningkatan Hasil Sawit Kawasan P&P/Ladang Komersial Tertinggi.
2. Peningkatan Tertinggi OER Projek P&P/Ladang Komersial.
3. Laporan QA Kawasan P&P/Ladang Komersial Terbaik.

Tempat Pertama Peningkatan Hasil Sawit Kawasan P&P/Ladang Komersial Tertinggi

Penerima Anugerah Peningkatan Hasil Sawit Kawasan P&P/Ladang Komersial Tertinggi untuk FELCRA Berhad seluruh Malaysia ialah Kawasan Igan Jaya, Mukah, Sarawak.

Kategori	Pemenang	Penerima Hadiah	Jenis Hadiah
Peningkatan Hasil Sawit Kawasan P&P/Ladang Komersial Tertinggi (Tempat Pertama)	FELCRA Berhad Igan Jaya, Mukah, Sarawak	Pejabat Kawasan Igan Jaya Mohamad Syazwan bin Mohamed Annuar (Mewakili Staf Kawasan)	<ul style="list-style-type: none"> • Trofi • Sijil Penghargaan • RM25,000.00

Maklumat Asas Ladang


Nama Kawasan	: FELCRA Berhad Kawasan Igan Jaya
Luas Ladang	: 2,625.92 Hektar
Luas Hasil	: 2,576.46 Hektar
Umur Pokok	: 12 Tahun
Bilangan Peserta	: 2,385 orang
Pencapaian Hasil Tahun 2019	: 26.75 mt/hek

Peningkatan Tertinggi OER Projek P&P/Ladang Komersial

Penerima Anugerah Peningkatan Tertinggi OER Projek P&P/Ladang Komersial untuk FELCRA Berhad seluruh Malaysia ialah Kawasan Igan Jaya, Mukah, Sarawak.



Kategori	Pemenang	Penerima Hadiah	Jenis Hadiah
OER Projek P&P/Ladang Komersial Peningkatan Tertinggi	Projek FELCRA Berhad Igan Jaya, Mukah, Sarawak	Projek FB Igan Jaya	Sijil Penghargaan
	Mohamad Syazwan bin Mohamed Annuar (Pengurus Kawasan)	RM1,500.00	
	Ahmad Farid bin Mokhtar (Penyelia Ladang)	RM750.00	
	Amaye bin Muhammad (Penyelia Ladang)		



Felcra Berhad Kawasan Igan Jaya


**Laporan QA Kawasan P&P/Ladang Komersial Terbaik**

Penerima Anugerah Peningkatan Tertinggi OER Projek P&P/Ladang Komersial untuk FELCRA Berhad seluruh Malaysia ialah Kawasan Miri, Sarawak.

Kategori	Pemenang	Penerima Hadiah	Tempoh Berkhidmat	Jenis Hadiah
Laporan QA Kawasan P&P / Ladang Komersial Terbaik	FELCRA Berhad Miri, Sarawak	Pejabat Kawasan Miri		Sijil Penghargaan
		Shahriman bin Salim (Pengurus Kawasan)	1 Ogos 2014 - 1 Ogos 2019	RM800.00
		Mohd Azrul bin Oyab (Pengurus Kawasan)	2 Ogos 2019 hingga kini	RM1,200.00
		Mohd Azrul bin Oyab (Mewakili Staf Kawasan)		RM3,000.00

Maklumat Asas Ladang

Nama Kawasan : FELCRA Berhad Kawasan Miri
 Luas Ladang : 922.04 Hektar
 Luas Hasil : 922.04 Hektar
 Umur Pokok : 12 - 21 Tahun
 Bilangan Peserta : 409 orang
 Pencapaian Hasil Tahun 2019 : 19.16 mt/hek



Felcra Berhad Kawasan Miri



PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) BATANG LUPAR

Setakat tahun 2020, hanya projek Lingga/Banting bernilai kontrak RM102,500.075.00 sahaja yang sedang dalam pelaksanaan. Projek ini juga masih di peringkat awal pembangunan dan penyediaan infra bagi pengairan dan saliran. Skop keseluruhan projek ini terdiri daripada: 10km *main access road from junction at Lingga to barrage including R.C Box Culvert*, 2.7km *main access road from barrage structure to Banting, Barrage structure with tilting gates and M&E Equipments, Diversion canal, River Closures, Irrigation Conveyance Canal, Intake Structure, Irrigation End Control and Tidal Gates, Pumping Station No. 2 with barrack and substation, bund and drains at Block C & D, laying of pipes from pumping station to Block C & D and HT/LT electrical works*. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan tapak (*site clearing*), kerja tanah (*earthworks*) dan kerja-kerja membina jalan (*roadworks*) sahaja yang dilaksanakan setakat tahun 2020. Berikut adalah butiran projek:

Tajuk Projek: Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran Jelapang Padi Lingga/Banting serta Kerja-kerja Berkaitan, Sri Aman, Sarawak- Fasa 1 (Blok C dan D).

- | | |
|-----------------------------|---|
| 1. No. Kontrak | : MOA/BPSP/2/2018 |
| 2. Nama Kontraktor | : HMN Nadhir Sdn Bhd |
| 3. Harga Kontrak | : RM 102,500,075.00 |
| 4. Tempoh Kontrak | : 130 Minggu (30 Bulan) |
| 5. Tarikh Milik Tapak | : 23 Mac 2020 |
| 6. Tarikh Siap | : 19 September 2022 |
| 7. Status Projek | : Dalam Pelaksanaan |
| 8. Status Kemajuan Projek | : 15.13% |
| 9. Pemilik Projek Pertanian | : Bahagian Pengairan dan Saliran |
| 10. Pelaksana Projek | : Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar |



Tapak bina dari pandangan atas



Sand Filling Ch 1 + 280



Excavation Work Perimeter Drain At Block C



25 Meter Wide Drain At Ch 6 + 100



Construct Of Bund Of Ch 0 + 900



Delivery Of Sand Shipment To Jetty

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sarawak (KPDNHEP) dengan kerjasama Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah menganjurkan program Sesi Pocket Talk YB Menteri, Dato Sri Alexander Nanta Linggi bersama-sama Industri Francais di Sarawak sebagai salah satu siri jelajah pembangunan domestik francais Malaysia. Program ini telah diadakan pada 3 Julai 2020, bertempat di Wisma Sugar Bun, Kuching dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YBhg. Dato' Mohd. Roslan bin Mahayuddin, Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, YBrs. Dr. Alauddin bin Sidal, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, YBhg. Dato' Stanley Tan, Pengarah KPDNHEP Sarawak dan YBrs. Tuan Ismainur bin Amat Bakeron, Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan KPDNHEP. Program ini bertujuan untuk memperkuatkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini khususnya di negeri Sarawak bagi membeli barang buatan Malaysia.

kenamaan yang turut hadir dalam majlis ini ialah YB Datuk Haji Mohd. Naroden bin Haji Majais, Menteri Muda Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana Sarawak, YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YBhg. Dato' Mohd. Roslan bin Mahayuddin, Ketua Pengarah, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, YBrs. Dr. Alauddin bin Sidal, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, YBhg. Dato' Stanley Tan, Pengarah KPDNHEP Sarawak dan YBrs. Tuan Ismainur bin Amat Bakeron, Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan KPDNHEP. Program ini bertujuan untuk memperkuatkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini khususnya di negeri Sarawak bagi membeli barang buatan Malaysia.

Karnival Kepenggunaan, Kempen Beli Barang Malaysia dan Sambutan Hari Malaysia Daerah Kapit 2020

Karnival ini telah diadakan pada 15 hingga 18 September 2020. bertempat di Kubu Fort Sylvia, Kapit. Karnival ini telah dirasmikan oleh Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Mentari Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Ahli Parlimen P216 Hulu Rajang, YB Encik Wilson Nyabong Anak Ijang, Ahli DUN N.

61 Pelagus, YB Encik Jefferson Jamit Anak Unyat, Ahli DUN N.63 Bukit Goram, YBrs. Dr. Alauddin bin Sidal, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, YBhg. Dato' Stanley Tan, Pengarah KPDNHEP Sarawak dan YBrs. Tuan Nyurak Keti, Residen Bahagian Kapit. Karnival Kepenggunaan ini merupakan landasan untuk menyampaikan maklumat tentang fungsi kementerian kepada masyarakat peniaga dan pengguna. Kempen beli barang buatan Malaysia merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barang tempatan sekali gus membantu menjana ekonomi penduduk tempatan. Sambutan Hari Malaysia Daerah Kapit 2020 ini juga diharap dapat memupuk semangat cinta kepada negara.

Program Citarasa Malaysia@Bumi Kenyalang pada 4 Julai 2020 bertempat di Vivacity Mall, Kuching dan telah dirasmikan oleh Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Mentari Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetamu



Pocket Talk YB Menteri KPDNHEP bersama Industri Francais pada 3 Julai 2020



Program Citarasa Malaysia@Bumi Kenyalang pada 4 Julai 2020



Karnival Kepenggunaan, Kempen Beli Barang Malaysia dan Sambutan Hari Malaysia Daerah Kapit 2020 pada 15 – 18 September 2020

PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

Sepanjang tahun 2020, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak telah terlibat dalam dua aktiviti utama, iaitu Hari Kraf Kebangsaan 2020 dan Pelancaran Kraf Komuniti Ku (KKK).

Hari Kraf Kebangsaan 2020

Hari Kraf Kebangsaan (HKK) 2020 telah diadakan pada 26 Februari hingga 9 Mac 2020 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Program promosi kraf ini merupakan acara tahunan pada peringkat kebangsaan dan telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak telah menghantar 44 usahawan kraf tempatan bagi menyertai program yang diadakan selama 13 hari dengan jumlah jualan bernilai RM636,320.00 iaitu kenaikan sebanyak 102% berbanding dengan pencapaian jualan pada tahun 2019 dengan jumlah usahawan yang sama. Kejayaan ini juga telah disumbangkan melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategik iaitu Majlis Kraf Sarawak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak, Sarawak Energy, Jabatan Perhutanan Sarawak, SEDC dan STIDC.

Penyertaan usahawan pada sambutan HKK2020 kali ini banyak disertai oleh usahawan dari bidang hasil rimba, aneka kraf, tekstil, hasil tanah dan logam. Pecahan penyertaan adalah seperti dibawah:

Penyertaan Usahawan Sempena Hari Kraf Kebangsaan 2020

Bidang Kraf	Jumlah Penyertaan Usahawan
Hasil Rimba	18 usahawan
Aneka Kraf	16 usahawan
Tekstil	5 usahawan
Hasil Tanah	3 usahawan
Logam	2 usahawan



Hari Kraf Kebangsaan 2020

Pelancaran Kraf Komuniti Ku (KKK) Batang Sadong

Kraf Komuniti Ku merupakan inisiatif dan usaha Kraftangan Malaysia untuk memperkasakan usahawan kraf sedia ada dan mewujudkan kumpulan komuniti kraf baharu yang terdiri daripada komuniti golongan belia/beliawanis, asnaf, orang kelainan upaya (OKU), golongan kategori B40 (bandar/desa), golongan suri/ibu tunggal, serta orang asli etnik Sabah dan Sarawak di satu-satu kawasan atau daerah. Projek KKK mendekatkan lagi komuniti setempat bagi mengenali produk kraf serta terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perusahaan kraf untuk menjana pendapatan utama dan sampingan. Projek ini turut melibatkan Pihak Berkua Tempatan, agensi kerajaan dan swasta serta Badan Bukan Kerajaan untuk membangunkan komuniti kraf.

Projek Kraf Komuniti Ku (KKK) Batang Sadong telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada 18 Oktober 2020 di Dewan Komuniti Sadong Jaya. Projek KKK ini adalah yang kedua dilancarkan di Sarawak selepas KKK Lawas pada bulan Ogos 2016.

Kraf Komuniti Ku Batang Sadong merangkumi 3 daerah, iaitu Simunjan, Gedong dan Sadong Jaya. Ketiga-tiga daerah ini berada dalam parlimen P200 Batang Sadong. Antara aktiviti kraf yang dijalankan ialah bidang kraf tenunan songket dan jahitan di Gedong, anyaman bemban dan jahitan di Simunjan, anyaman begerang, batik blok, jahitan dan kraf parang di Sadong Jaya.

Pihak Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak telah berjaya mewujudkan tiga komuniti kraf baharu selain memperkasa 4 komuniti sedia ada. Program ini telah memberi impak yang tinggi terutama dalam membantu meningkatkan pendapatan isi rumah hampir 260 peserta dari tiga daerah tersebut.



Pelancaran Kraf Komuniti Ku (KKK) Batang Sadong

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Sarawak telah melaksanakan dua aktiviti utama sepanjang tahun 2020, iaitu Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Semop dan Program Tanaman Kontan.

Program Penempatan Semula Nelayan (PSN) Semop

Program Penempatan Semula Nelayan Semop merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui LKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri sebagai satu usaha bagi membantu meningkatkan taraf sosial masyarakat nelayan dengan menempatkan mereka di satu kawasan kediaman yang lebih terancang dan kondusif. Antara lain objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk membantu nelayan yang tidak mempunyai rumah atau memiliki rumah yang usang dan tidak selamat untuk didiami.

Pada 21 dan 22 September 2020, sesi temuduga telah diadakan bagi memilih peserta yang benar-benar layak menerima bantuan tersebut. Seramai 175 orang peserta telah dipilih untuk mengikuti sesi temuduga tersebut yang turut melibatkan kementerian, jabatan dan agensi lain. Antara jabatan dan agensi yang terlibat termasuk Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah (MANRED), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Sarawak, Pejabat Daerah Daro, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Agro Bank dan Persatuan Nelayan Kawasan Brunei.



Bilangan rumah yang telah siap ialah sebanyak 300 unit. LKIM telah meluluskan peruntukan berjumlah RM23,500,000.00 untuk pembinaan rumah dan kemudahan asas, manakala Kerajaan Negeri menyediakan tapak tanah dan infrastruktur asas bagi PSN Semop.

Tanaman Kontan

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan Program Tanaman Kontan untuk golongan nelayan. Program ini merupakan inisiatif untuk menggalakkan para nelayan terlibat dalam bidang pertanian sebagai sumber mata pencarian tambahan dan sebagai persediaan untuk menghadapi musim laut bergelora serta sebagai langkah untuk mengurangkan kos sara hidup nelayan.

Seramai 180 orang peserta telah terpilih terdiri daripada kalangan ahli Persatuan Nelayan di seluruh Negeri Sarawak untuk mengikuti program ini. Para peserta akan menerima bantuan dalam bentuk peralatan mengikut jenis tanaman yang dipilih oleh setiap peserta. Mereka juga akan diberikan pendedahan dan latihan kemahiran pengendalian aktiviti tanaman secara moden seperti sistem fertigasi.

Kursus kemahiran yang diadakan adalah dibawah kendalian tenaga pengajar daripada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak. Para peserta boleh memilih salah satu daripada teknik penanaman seperti fertigasi, sistem polybag dan tanaman secara konvensional. Manakala dari aspek pemilihan jenis tanaman, para peserta boleh memilih jenis tanaman yang memiliki jangka masa tumbuh yang kurang daripada 3 bulan penghasilan seperti tanaman cili, timun, sayuran dan tembakai. Aktiviti kursus dibahagikan kepada empat fasa mengikut kawasan yang terbahagi kepada Fasa 1 untuk Wilayah Kuching, Fasa 2 untuk Wilayah Betong, Fasa 3 untuk Wilayah Mukah dan Fasa 4 untuk Wilayah Miri. Kesemua kursus dilaksanakan di antara 27 November 2020 hingga 7 Disember 2020.



LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Lembaga Koko Malaysia, Sarawak agensi persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia telah mendapatkan peruntukan di bawah projek pembangunan RMK11 bagi Program Pembangunan Rantaian Kluster Koko. Program Rantaian Kluster Koko ini berkonsepkan *FROM FARM TO TABLE* atau *BEAN TO BAR*. Salah satu daripada komponen program ini adalah pembangunan Pusat Pemprosesan Biji Koko dan Coklat (PPBKC) di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Kota Samarahan Sarawak. Pembangunan PPBKC ini diperuntukkan sejumlah RM4.65 juta dan mula dibangunkan pada bulan Julai 2019 dan siap dalam bulan Disember 2020. Antara fasiliti yang terdapat di PPBKC ini ialah pusat pemprosesan biji koko basah dan pengeringan biji koko, stor biji koko kering, makmal kawalan kualiti biji koko, pemprosesan koko likur, pemprosesan coklat blok, pemprosesan coklat panning, ruang pembangunan produk akhir coklat, galeri jualan produk koko dan coklat, DIY coklat, ruang pameran dan maklumat sepanjang laluan dan pandangan dalam bangunan operasi pemprosesan koko dan coklat serta kemudahan ‘Cocoa Café’. Pembangunan PPBKC ini telah menyediakan kemudahan lengkap rantaian koko daripada pengumpulan dan pemprosesan primer biji koko sehingga penghasilan produk coklat dan galeri jualan serta Cocoa Café. Rantaian koko yang lengkap dalam satu kawasan/kemudahan ini adalah yang pertama di Sarawak dan satu-satunya di LKM seluruh Malaysia. Gabungan kemudahan sedia ada di PPPK Kota Samarahan dan PPBKC menjadikan keseluruhan kawasan Lembaga Koko Malaysia di Kota Samarahan ini dijenamakan sebagai “Kompleks Sara Cocoa Cluster”. Kompleks ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2021 dan terbuka kepada orang awam untuk lawatan dan menikmati produk coklat berasal dari Sarawak.

“KOKO MALAYSIA KHASIATNYA SEJATI, LAZATNYA MENYEGARKAN” – “NANG BELALAK”



Mesyuarat bulanan tapak projek yang dipengerusikan oleh SO Projek - Tuan Haji Haya Ramba (Pengarah Teknologi Huluan Koko merangkap Pengurus LKM PPPK Kota Samarahan)

Pemantauan perlaksanaan projek oleh agensi pusat dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berdasarkan model bangunan





Kompleks Sara Cocoa Cluster

LEMBAGA LADA MALAYSIA

Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) ke kebun lada di kawasan Puncak Borneo

Pada 6 Mei 2020, YB Tuan Willie Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengadakan lawatan kerja ke kebun lada milik Encik Betis anak Simam yang terletak di Kampung Jambu, Jalan Padawan, Kuching. Lawatan tersebut merupakan kunjungan sulung beliau setelah dilantik ke jawatan tersebut. Beliau sempat berbual bersama pemilik kebun mengenai perkembangan dan isu yang dihadapi oleh pekebun tersebut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 yang lalu.



Majlis Penyerahan Bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) PRIHATIN dan Skim Tanaman Baharu Lada.

Pada tahun ini, kerajaan telah meluluskan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin 2020 bagi membantu pekebun kecil yang terkesan disebabkan penularan wabak Covid-19 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM16.1 juta. Melalui PRE ini, pekebun kecil lada telah dibantu dengan penyaluran baucar input pertanian dan peralatan ladang bagi meringankan beban yang dihadapi mereka.

Majlis Penyerahan Bantuan PRE Prihatin dan Skim Bantuan Tanaman Baharu Lada telah diadakan seperti berikut:

Tarikh	Lokasi
28 September 2020	Ibu Pejabat Lembaga Lada Malaysia, Kuching
2 Oktober 2020	Dewan Serbaguna Teng Bukap, Padawan
28 Oktober 2020	Rumah Chunggat, Munggu Ubah, Kabo, Sarawak

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh YB Tuan Willie Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).



Majlis penyerahan bantuan PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) Prihatin dan Skim Tanaman Baharu Lada

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA SARAWAK

Sepanjang tahun 2020, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Sarawak telah melaksanakan beberapa program antaranya ialah Pensijilan Minyak Sawit Mampan atau Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO). Pensijilan Minyak Sawit Mampan merupakan Skim Pensijilan Nasional di Malaysia untuk semua ladang kelapa sawit, pekebun kecil dan kilang pemprosesan minyak sawit. Bilangan Latihan MSPO ialah sebanyak 23 latihan dan telah melibatkan 3780 orang peserta yang terdiri daripada pekebun kecil di Sarawak.

Program Memperkasakan MSPO bersama-sama pekebun kecil Sarawak atau lebih dikenali sebagai Program Jom MSPO Negeri Sarawak telah berjaya dilaksanakan pada 3 September 2020 bertempat di Dewan Pulapol Kuching dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Willie Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Manakala pada 26 September 2020, Program Jom MSPO Negeri Sarawak telah diadakan pula Dewan Muhibah Ladang 3, Niah, Miri dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Willie Mongin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Berikut merupakan Status Pensijilan MSPO di Negeri Sarawak sehingga 30 November 2020:

NEGERI	KESELURUHAN BERLESEN (A)			DISIJILKAN (B)				TELAH DIAUDIT TAHUN 2020 MASIH BELUM DIPERSIJILKAN				
	BIL SP OC	BIL PK	LUAS (Ha)	BIL PK	%	LUAS (Ha)	%	BIL SPOC	BIL PK	%	LUAS (Ha)	%
SARAWAK	32	39,491	280,939.03	20,772	52.6	118,049.70	51.12	6	1,308	3.31	7,291.42	3.16

*SPOC=Sustainable Palm Oli Cluster

Lembaga Minyak Sawit Malaysia turut terlibat dengan dua program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Program Agri Cop dan Mini Limbang Agrofest 2020 #pertaniandihatiku pada 27-28 September 2020 di Dewan Suarah Limbang yang telah dirasmikan oleh Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail. Program yang kedua ialah Program Agri Cap yang dianjurkan oleh

Jabatan Pertanian Belaga pada 16-17 Disember 2020 di Uma Sambop, Belaga dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Liwan Lagang, Menteri Muda Utiliti (Elektrik Luar Bandar) Sarawak merangkap ADUN N.65 Belaga.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan salah sebuah agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab memungut dan mentadbir cukai langsung negara. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kaki tangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian. Dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN), ia diperbadankan pada 1 Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Sepanjang tahun 2020, LHDNM Cawangan Kuching bersama-sama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak terlibat sebagai agensi dalam penyaluran bayaran tunai kepada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan BPN di kawasan pedalaman Bahagian Betong yang tidak mempunyai akaun bank. Program ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II dalam lawatan kerja rasmi beliau di Sarawak dan dirangi oleh YBrs. Encik Mohd Saiful Sungkiah bin Abdullah, Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak bersama delegasi daripada Kementerian Kewangan dan pegawai kerajaan negeri.

Manakala pada 24 Julai 2020, LHDNM Cawangan Bintulu bersama-sama agensi kerajaan negeri dan persekutuan, Bank Simpanan Nasional serta pihak berkuasa tempatan telah berkolaborasi dalam penyaluran bantuan kepada penerima



YB Menteri Kewangan II dalam lawatan kerja bersama-sama delegasi Kementerian Kewangan dan Pejabat Perbendaharaan Persekutuan Sarawak

BSH dan BPN. Program yang diadakan sepanjang bulan ini turut dipantau oleh YB Datuk Talip Zulpilip, Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) Sarawak dan YB Encik Kennedy Chukpai Ugon, (DUN N66 Murum) serta melibatkan seramai 4,471 orang pemohon.

Pada bulan Ogos hingga Oktober 2020, LHDNM Cawangan Sibu bergandingan bersama Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak menjayakan satu program khas dalam misi menaiktaraf usahawan bumiputera khasnya wanita ke suatu tahap yang lebih dinamik dalam cabaran baharu perniagaan menangani cabaran pandemik Covid-19. Program yang dilaksanakan secara berkala sepanjang Ogos hingga Oktober 2020 di Bahagian Sibu, Daerah Sarikei dan Daerah Dalat turut dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Bin Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan, Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak dan program berkenaan telah disertai oleh seramai 1,250 orang peserta.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Miri pula telah melaksanakan program tanggungjawab sosial bantuan cermin mata kepada pelajar-pelajar sekolah yang memerlukan di sekitar bandar raya Miri. LHDNM Cawangan Miri juga berkolaborasi bersama-sama agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri serta penguatkuasa tempatan dalam membantu menjayakan penyaluran BSH dan BPN kepada penerima di Zon Utara yang meliputi Miri dan Limbang.



YB Datuk Talip Zulpilip dan YB Encik Kennedy Chukpai Ugon bersama-sama petugas dan penerima bantuan

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR BANDAR

Sophia Taha Holdings Sdn. Bhd.

Sophia Taha Holdings Sdn. Bhd. (STHSB) ditubuhkan pada 14 Januari 2009 dalam bidang pembuatan dan perundingan. Pada tahun 2014, STHSB telah menyedari potensi madu lebah tanpa lemak sebagai produk makanan super. STHSB juga terlibat dalam pembiakan lebah kelulut dan memulakan pembahagian asas tani. STHSB melihat potensi besar dalam bidang produk pertanian hiliran.

Jenama MELIPONI diperkenalkan untuk merangkumi produk kosmetik dan penjagaan kulit diikuti oleh jenama MELII untuk produk madu lebah kelulut tanpa lemak, propolis madu dan produk berasaskan minuman pada tahun 2015. Selain itu juga, STHSB memperkenalkan jenama baharu dan dinamakan KUMANG (produk kosmetik) yang diformulakan dari Switzerland bermula pada tahun 2019.

Pada tahun 2015, STHSB menyertai EXPO pertamanya, Hari Penternak, Peladang dan Nelayan HPPNK Kebangsaan EXPO. STHSB mencatatkan jualan terbesar kategori IAT untuk madu lebah kelulut sahaja. Pada tahun 2016, STHSB mengambil bahagian dalam pertandingan National Rural Business Challenge (RBC) dan memenangi tempat kedua dengan geran RM950,000 dalam bentuk projek menaik taraf kilang. STHSB sejak itu menyertai pelbagai EXPO di luar negara melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Kini, STHSB beroperasi di kawasan Demak Laut Industrial Park, Kuching. Dengan kapasiti lebih daripada 4500 kaki persegi, STHSB mengendalikan dua buah kilang iaitu kilang pemprosesan F&B dan kilang kosmetik yang pertama di Sarawak. Pada tahun 2018, STHSB memiliki *dehumidifier* sendiri dan telah memperoleh pensijilan Halal daripada JAKIM. Produk STHSB akhirnya mendapat pasaran eksport pertama ke Jepun dan memperoleh sijil GMP pada tahun 2019.



Rosfaniaga Services Sdn. Bhd.

Rosfaniaga Services Sdn. Bhd. (RSSB) merupakan sebuah syarikat milik 100% bumiputera yang ditubuhkan pada 15 Oktober 2009. RSSB terlibat dalam pemprosesan makanan produk berasaskan ikan sejak Januari 2012 dan bertujuan untuk menjadi salah satu pemain industri makanan terkemuka. Melalui jenama "d-FRentz", syarikat ini telah mencapai kejayaan yang baik sejak penubuhannya. Syarikat ini telah memperoleh pensijilan Halal, JAKIM dan Sijil MeSTI pada tahun 2012 serta menyertai pelbagai pameran di luar negara melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang memudahkan RSSB dalam meneroka pasaran eksport ke Brunei, Singapura, Jepun, Korea dan negara ASEAN.

Syarikat RSSB menghasilkan pelbagai produk seperti lekor keping, bebola lekor, otak-otak, sata, keropok segera, keropok segera bersira, sate tahai, sos pencicah, acar timun udang kering, belacan dan ikan terubok masin. Pada tahun 2019, RSSB dicalonkan untuk menerima Anugerah Industri Ketua Menteri Sarawak dan telah memenangi Anugerah Perak. Selain itu, pemilik syarikat itu juga dicalonkan sebagai Usahawan Wanita Terbaik oleh Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak.



LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH

Stesen Pertanian Tanah Tinggi Bersepadu, Baram

Stesen Pertanian Tanah Tinggi Bersepadu (IHAS) disiapkan di Baram, wilayah yang dipantau oleh Badan Pembangunan Tanah Tinggi (HDA) di bawah RECODA pada bulan Februari 2020 selepas dua tahun pembinaan dengan kos berjumlah RM30.8 juta.

IHAS berfungsi sebagai pusat penyelidikan bio-teknologi yang mengembangkan pemprosesan dan pembuatan agro-makanan hiliran bernilai tinggi yang berkolaborasi dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam pasaran eksport. Pusat ini bertujuan untuk meningkatkan kemandirian makanan secara keseluruhan, menanam tanaman bernilai tinggi untuk eksport dan meningkatkan kecekapan sokongan logistik dan membantu pembasmian kemiskinan.

Program yang dilancarkan akan meningkatkan penyertaan daripada masyarakat luar bandar dan pengusaha agro. Tumpuan mereka meningkatkan perkhidmatan logistik yang cekap dengan adanya kemudahan pengendalian pasca panen yang baik, dan pasaran antarabangsa.

Selain menjadi pusat penyelidikan, IHAS juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan produk dengan kemudahan penyejukan dan pembungkusan untuk kawasan Long Banga, Long Beruang dan Long Peluan. Menerusi kira-kira 625 hektar tanah yang ditentukan oleh kerajaan Sarawak, IHAS akan dikembangkan sebagai inti untuk saranan Baram Agro-Park (BAP) yang memfokuskan hasil pertanian sub-sederhana dan bernilai tinggi. Objektifnya ialah IHAS dapat dibandingkan dengan Kundasang di Sabah atau Cameron Highland di Pahang.

IHAS menjalankan kegiatan pertanian bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan. Ia juga berfungsi sebagai pejabat dan pusat latihan Jabatan Pertanian (DOA) bagi kegiatan pembangunan pertanian di Ulu Baram.



Dewan Serbaguna



Pejabat



Pusat Pungutan

Rangkaian Jalan Raya Baleh

Jaringan jalan sepanjang 73km dari Nanga Mujong-Putai di Kapit ke Empangan Baleh dan Loji Hidroelektrik hampir siap dengan kemajuan pembinaan mencapai lebih daripada 90%.

Empangan 1,285 MW di Sungai Dapu, di tengah Sarawak dijadualkan siap pada tahun 2025. Jalan raya dibina untuk menghubungkan empangan dan kawasan sekitarnya. Oleh itu, kampung-kampung terpencil di kawasan itu akan dihubungkan dengan bandar Kapit menggunakan jalan tersebut.

Kerajaan Sarawak melalui Sarawak Energy Bhd. (SEB) melakukan pembinaan empangan, manakala jalan raya dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Pembinaan untuk jalan standard R3 bernilai RM1.419 bilion bermula pada Mei 2016 yang merangkumi 15 pakej dan melibatkan lima kontraktor. Jaringan jalan raya merangkumi 27 buah jambatan.



Pejabat Ladang/Stor Ladang



Rumah Tanaman/Tadahan Hujan



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Program Bagi Pejabat RISDA Negeri Sarawak Untuk Tahun 2020 - Sumber Bantuan Langsung Kerajaan (BLK)

BIL.	PROGRAM /PROJEK	PERUNTUKAN NEGERI	PERBELANJAAN NEGERI	PRESTASI
1.	Pembangunan Kawasan Tanam Semula	25,716,957.00	25,716,957.00	100.00
	a. Tanam Semula Getah ke Getah	21,745,269.00	21,745,269.00	100.00
	b. Prasarana Asas Pertanian (Awal)	2,500,000.00	2,500,000.00	100.00
	c. Khidmat Pengembangan dan Latihan Pekebun Kecil	271,688.00	271,688.00	100.00
	d. Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan	1,200,000.00	1,200,000.00	100.00
2.	Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan Pekebun	3,094,540.00	3,094,540.00	100.00
	a. Prasarana Asas Pertanian (Matang)	2,500,000.00	2,500,000.00	100.00
	b. Khidmat Pengembangan dan Latihan Pekebun Kecil	284,540.00	284,540.00	100.00
	c. Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)	260,000.00	260,000.00	100.00
	d. Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)	50,000.00	50,000.00	-
3.	Tanam Semula Getah Sambungan (TSGS)	3,012,364.00	3,012,364.00	100.00
	a. RMK 10	3,012,364.00	3,012,364.00	100.00
	b. RPK	-	-	#DIV/0!
4.	Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL)	-	-	#DIV/0!
	a. TSGL Berturut	-	-	#DIV/0!
JUMLAH PERBELANJAAN		31,823,861.00	31,823,861.00	100.00

Program Pembangunan Tanam Semula

Di bawah Pembangunan Tanam Semula, pejabat RISDA Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM31,823,861.00. Terdapat beberapa program pembangunan yang dilaksanakan bagi membantu dan memberi manfaat kepada pekebun kecil yang layak. Semua kebun getah tua yang tidak lagi ekonomik layak menerima bantuan untuk tujuan Program Tanam Semula.

Program Tanam Semula yang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- i) Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG)
- ii) Tanam Semula Getah Sambungan (TSGS)

Bagi pekebun kecil yang menyertai Program Tanam Semula, mereka layak menerima bantuan tambahan bagi menyokong dan membantu kejayaan Program Tanam Semula.

Program Tanam Semula Getah Ke Getah (TSGG) RMKE-11

Program TSGG merupakan program pembangunan utama RISDA yang menjadi teras kepada aktiviti RISDA. Bagi tahun 2020, negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM21,745,269.00 yang meliputi 1,800 hektar (TSGG Semasa) dan 6,168.66189 hektar (TSGG Berturut) untuk Program Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG). Program Tanam Semula adalah satu daripada beberapa fungsi RISDA yang termaktub dalam Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Akta 85) Tahun 1972. Di bawah fungsi ini RISDA bertanggungjawab melaksanakan program menanam semula pokok getah tua atau

yang tidak ekonomik dengan tanaman getah dengan menggunakan klon berpenghasilan tinggi yang telah disyorkan. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengekalkan keluasan getah negara pada kadar 1,200,000.00 hektar.

Kadar bantuan Tanam Semula sehektar adalah sebanyak RM9,230.00 di Semenanjung, RM13,500.00 di Sarawak dan RM14,000.00 di Sabah. Melalui program ini, pekebun kecil menerima bantuan dalam bentuk wang tunai bagi kegunaan kerja-kerja penyelenggaraan kebun, bekalan input pertanian seperti benih dan baja serta khidmat nasihat.

Bagi kebun-kebun yang musnah atau mengalami kerosakan akibat bencana alam, RISDA menyediakan program Rancangan Pemulihan Kebun (RPK). Program ini bertujuan membantu peserta tanam semula untuk memulihkan kebun mereka yang musnah dan seterusnya mengelakkan kebun tersebut daripada terus gagal dan terbiar. Program ini untuk membiayai kos benih, baja, melubang, menanam dan penyelenggaraan kebun dengan kelulusan tidak melebihi nilai maksimum kadar bayaran ansuran pertama.

Program Prasaranan Asas Pertanian (PAP)

Program PAP merupakan program sokongan kepada program Tanam Semula untuk membantu pekebun kecil menjayakan kebun mereka. PAP bertujuan untuk membantu peserta tanam semula supaya memudahkan kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan dan pengeluaran hasil kebun dilakukan.

Program ini terbahagi kepada dua kategori iaitu PAP Muda dan PAP Matang. Komponen di dalam program PAP ini adalah:

- i. Jalan pertanian iii. Parit
- ii. Pembentung iv. Jambatan

Program Prasarana Asa Pertanian (PAP) Muda

Program PAP Muda dilaksanakan untuk membantu peserta bagi mengatasi kekangan kos pembangunan dan pengurusan kebun. PAP Muda boleh dibina di dalam dan/atau di antara kebun/projek yang diusahakan.

Bagi tahun 2020, sejumlah RM2,500,000.00 telah dibelanjakan dengan melibatkan 2,673.54 hektar keluasan kebun di seluruh negeri Sarawak.

Program Prasarana Asas Pertanian (PAP) Matang

PAP Matang dilaksanakan di kawasan-kawasan kebun yang telah matang dan dalam peringkat penghasilan. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk membantu peserta supaya memudahkan kerja-kerja mengeluarkan hasil kebun, membuat penyelenggaraan kebun dan melaksanakan aktiviti ekonomi tambahan di dalam kebun seterusnya menjana pendapatan sampingan.

Bagi tahun 2020, sejumlah RM2,500,000.00 telah dibelanjakan dengan melibatkan 4,145.58 hektar keluasan kebun di seluruh negeri Sarawak.



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK

Seminar Pembangunan Pertanian Koperasi Sarawak 2020

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak telah menganjurkan Seminar Pembangunan Pertanian Koperasi Negeri Sarawak pada 12 September 2020 di Kuching. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia mensasarkan penglibatan lebih banyak koperasi menceburi bidang pertanian. Sektor pertanian dan industri asas tani merupakan salah satu daripada enam bidang utama di bawah Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

YB Dato Sri Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam ucapan perasmian menyatakan pertanian dilihat sebagai perniagaan yang memberi prospek besar kepada seluruh masyarakat Malaysia dalam membantu merapatkan jurang sosio-ekonomi dalam masyarakat dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain. Dengan menceburi bidang pertanian, secara tidak langsung koperasi dapat membantu negara memenuhi keperluan bahan makanan sekaligus mengelakkan krisis makanan daripada berlaku. Penglibatan koperasi dalam aktiviti pertanian dan industri asas tani adalah berkonsepkan “*members-owned, members produced, and members-traded*”. Koperasi yang dimiliki oleh anggota, bergabung tenaga dan modal mengeluarkan hasil pertanian untuk dipasarkan secara bersama. Dalam konteks ini, peranan orang tengah akan digantikan oleh koperasi yang bertindak sebagai pembekal input pertanian kepada petani dan memasarkan hasil pertanian.

Majlis ini juga turut menyaksikan penyerahan *mock cheque* kepada dua 21 buah Koperasi penerima bantuan Program Jualan Harga Patut yang keseluruhannya bernilai RM100,000.00 dan 39 buah Koperasi penerima Bantuan

Kecemasan Koperasi (TBKK) akibat Pandemik Covid-19 yang keseluruhannya bernilai RM110,000 serta satu Koperasi menerima pembiayaan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) berjumlah RM50,000.00.



Seminar Pembangunan Pertanian Koperasi Negeri Sarawak pada 12 September 2020

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha MEDAC ke Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad



Pada 14 Jun 2020, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengadakan lawatan kerja ke Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad.

Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad merupakan Koperasi terbaik di Sarawak dan menduduki tempat ke-16 daripada 100 Koperasi terbaik di Malaysia. Koperasi

ini mempunyai keanggotaan seramai 25,794 orang dengan jumlah syer bernilai RM34,685,074 dan modal yuran bernilai RM70,383,153. Koperasi ini menjalankan aktiviti kredit, perkhidmatan, pelaburan, ar-rahnu dan aktiviti pelancongan seperti Place 2Stay dan aktiviti-aktiviti kebajikan, latihan, sumbangan dan lain-lain.

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek berkata pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor koperasi sebagai sektor ketiga penyumbang ekonomi negara adalah sangat relevan. Gerakan koperasi harus keluar dari kepompong yang membelenggu gerakan koperasi dengan penglibatan dalam aktiviti yang bernilai tinggi dan berskala besar. Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bertanggungjawab untuk menyelia dan membangunkan koperasi ke arah menjadikan koperasi negara ini kompetitif serta mampu membina kawal selia kendiri (*self-regulation*) dan berintegriti.



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

Lawatan Rasmi Timbalan Menteri Kewangan II YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah ke JPPH Sarawak

Kementerian Kewangan Malaysia yang diwakili oleh Timbalan Menteri Kewangan II, iaitu YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah telah mengadakan lawatan rasmi ke JPPH Sarawak pada 9 Julai 2020 (Khamis). Beliau mengadakan lawatan bagi meninjau keadaan jabatan di bawah Kementerian Kewangan serta memberi amanat kepada kakitangan JPPH agar memberi komitmen serta kerja yang tulus dalam setiap tugas yang dilakukan. Perjumpaan yang amat singkat tapi amat bermakna bagi warga JPPH Sarawak serta JPPH Kuching.



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN

Acara Sambutan di Pintu-Pintu Masuk Utama Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020)

Tourism Malaysia membuka tirai tahun baru 2020 dengan mengadakan acara sambutan di pintu-pintu masuk utama dan lokasi terpilih untuk menyambut kedatangan para pelancong dari luar dan dalam negara bersempena dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) bermula 1 Januari 2020. Acara Sambutan di Sarawak diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAB KIA) dan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin, dan Keselamatan (ICQS) Sungai Tujuh, Miri. YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, turut menyertai acara sambutan yang diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) bersama-sama YBhg. Dato' Mohamed Razip Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Promosi) Tourism Malaysia. Manakala Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, menyertai acara sambutan yang diadakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin, dan Keselamatan (ICQS) Sungai Tujuh, Miri.

Acara sambutan ini diadakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan agensi korporat yang terlibat dalam industri pelancongan.

Pelancong domestik dan antarabangsa yang tiba di lokasi utama disambut dengan persembahan kebudayaan seperti tarian tradisional dan juga

muzik tradisional tempatan seperti sapè. Pelancong juga diberikan beg cenderamata berupa produk tempatan yang memperkenalkan ciri-ciri Malaysia dan kalungan istimewa bermotifkan VM2020 sebagai tanda penghargaan dan kemesraan orang Malaysia.



YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, mengalungkan kalungan bermotifkan VM2020 kepada pelancong yang tiba di LTAB KIA

Lawatan Media Digital ke Utara Sarawak Bersempena Dengan Program "Visit My Kampung" YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Lawatan media digital yang bersempena dengan Program "Visit My Kampung" melibatkan penyertaan para pencipta kandungan (content creator) dari platform media digital yang popular di Malaysia seperti yang berpusat di Kuala Lumpur dan juga di Sarawak. Program ini bertujuan merancakkan kembali industri pelancongan negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Pencipta kandungan dipilih berdasarkan kualiti kandungan yang dihasilkan, format dan kreativiti, maklumat yang disampaikan, jumlah pengikut atau views kandungan yang dimuatnaik serta demografi pada setiap platfrom sesuai dengan etika pengurusan media sosial di Malaysia. Lima orang pencipta kandungan dari Kuala Lumpur, iaitu Hazeman Huzir; Kaki Travel; Biliq Tidoo ; Projek Travel dan Cerita & Co serta lima pencipta kandungan dari Sarawak pula ialah Borneographers + Travel with Seth; Shirly & Nomi ; Mytravelicious dan Borneo Digital: I Love Borneo. Nilai publisiti bagi program ini berjumlah RM2 juta hasil daripada posting yang dimuatnaik, perkongsian kandungan dan penglibatan media sosial. Produk/tarikan pelancongan yang dilawati adalah Homestay Ba'kelalan; Punang Kelalan Salt Springs; Rumah Panjang Long Kumah, Buduk Nur, Ba'kelalan; Kampung Punang, Lawas; Piasau Nature Reserve, Miri; Taman Negara Niah dan Rumah Panjang Patrick Libau, Miri.



Sesi fotografi YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia bersama kumpulan media dan penduduk kampung di Ba'kelalan

Sektor Keselamatan

ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Pada 3 April 2020, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sarawak telah ditugaskan oleh Negeri Sarawak untuk semua rakyat Sarawak dari luar negara, Sabah dan Labuan di hotel selama 14 mereka melalui jalan laut. Tujuannya memisahkan orang atau berpotensi dijangkiti sihat dan juga menyekat pergerakan bagi menghentikan penyebaran Covid-19 sebelum mereka dibenarkan balik ke rumah masing-masing. Arahan ini berkuat kuasa pada 5 April 2020.

Bermula pada 5 April hingga 12 November 2020, seramai 30,889 orang individu yang telah menjalani kuarantin di 40 buah hotel yang telah diwartakan sebagai Pusat Kuarantin di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, seramai 98 orang pelajar yang balik dari luar negara, 9,739 orang pelajar yang balik dari Semenanjung, Sabah dan Labuan, 506 orang guru yang balik dari Semenanjung, Sabah dan Labuan. Manakala selebihnya adalah orang awam.

Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak selaku penyelaras pengurusan individu yang dikuarantin di hotel adalah bertanggungjawab dalam pengurusan pendaftaran masuk dan keluar, laporan yang merangkumi keperluan harian individu serta pengurusan aduan dan pengurusan kes-kes kecemasan yang melibatkan sakit tenat atau kematian ahli keluarga kepada Person Under Surveillance. Selain daripada APM, agensi lain yang bersama-sama membantu adalah seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan RELA.



Angkatan Pertahanan Sarawak Kerajaan memastikan yang balik Semenanjung, akan dikuarantin hari sama ada udara, darat dan adalah untuk yang dijangkiti daripada orang yang orang yang dijangkiti

dibenarkan dibalik ke rumah masing-masing. Arahan ini berkuat kuasa pada 5 April 2020.



PPE Level 4 bagi menghantar PUS yang positif dari hotel ke hospital



PPE Level 2 bagi mengiringi PUS ke acara pengebumian



Laporan harian



Proses pendaftaran keluar PUS setelah tamat tempoh kuarantin (14 hari)

AUDIT DALAM KEMENTERIAN DALAM NEGERI CAWANGAN SARAWAK

Aktiviti 2020

Selaras dengan perluasan skop pengauditan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mengukuhkan dan meningkatkan pengurusan kewangan jabatan/agensi di bawah Kementerian khususnya di Sabah dan Sarawak, KDN telah meluluskan penubuhan Unit Audit Dalam (UAD) Sabah dan Sarawak pada November 2017.

Pada bulan Februari 2018 UAD KDN Sarawak telah mula beroperasi melaksanakan tanggungjawab pengauditan bagi keseluruhan 62 Pusat Tanggungjawab (PTJ), 58 Pusat Kos (PK) dan 107 Pejabat Pemungut (PP) di bawah KDN.

Rancangan pengauditan tahunan dirangka berdasarkan objektif jenis dan skop pengauditan yang hendak dijalankan dengan mengambil kira beberapa faktor lain termasuklah *man hours* yang akan digunakan. Jika melibatkan pengauditan pengurusan kewangan maka akan mengambil kira tahun terakhir pengauditan lampau sesebuah PTJ telah digunakan. Rancangan pengauditan tahunan ini akan dikemukakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Kementerian yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian untuk kelulusan. Rancangan Pengauditan Audit Dalam KDN Bagi Tahun 2020 telah dibentangkan untuk kelulusan pada 9 Januari 2020.

Rancangan Audit UAD Sarawak Tahun 2020

Bil.	Pengauditan	Rancang	Laksana	Catatan
1.	Pengurusan Kewangan (PK)	10 PTJ	9 PTJ	1 Ganti Audit Baukar
2.	Program Anak Angkat (AA)	1 PTJ	1 PTJ	IPD Belaga, Sarawak
3.	Susulan Audit (SA)	3 PTJ	2 PTJ	1 Ganti Audit Baukar
4.	Pemeriksaan Mengejut (PM)	4 PTJ	1 PTJ	3 Ganti Audit Baukar
5.	Kajian Prestasi (Kajian)	6 PTJ	6 PTJ	Kajian Pengurusan Bangunan dan Fasiliti Bagi Kuarters dan Pos Kawalan PGA
6.	Arahan Pembayaran (Baukar)	0 PTJ	6 PTJ	Perlaksanaan semasa covid 19

01	<ul style="list-style-type: none"> • 9 Januari 2020 JKA Bil.4 – Putrajaya
02	<ul style="list-style-type: none"> • 3-7 Februari 2020 Pengurusan Kewangan Pejabat Imigresen Bahagian Sarikei • 24-28 Februari 2020 Pengurusan Kewangan IPD Betong
03	<ul style="list-style-type: none"> • 9-11 Mac 2020 MOPS Audit dan Mesyuarat - Putrajaya
04	Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
05	<ul style="list-style-type: none"> • 14 Mei-25 Jun 2020 Pengauditan Baukar AADK • 25 Mei-25 Jun 2020 Pengauditan Baukar PKK • 21 Mei-5 Jun 2020 Pengauditan Baukar RELA
06	<ul style="list-style-type: none"> • 10-12 Jun 2020 Pengauditan Baukar CCRC • 25 Jun 2020 Exit Kajian PGA KDN Putrajaya • 24-26 Jun 2020 Pengauditan Baukar ROS • 29 Jun-1 Julai 2020 Susulan Audit IPD Sri Aman
07	<ul style="list-style-type: none"> • 13-17 Julai 2020 Pengurusan Kewangan Pejabat Imigresen Bahagian Sibu • 13-14 Jul 2020 Mesyuarat Perbincangan Kajian PGA • 15 Julai 2020 Mesyuarat JKA Bil. 2 & 3 – KDN Putrajaya

08	<ul style="list-style-type: none"> 10-14 Ogos 2020 Pengurusan Kewangan IPD Bau 24-28 Ogos 2020 Pengurusan Kewangan Penjara Pusat Miri
09	<ul style="list-style-type: none"> 7-11 September 2020 Pengurusan Kewangan IPD Mukah 21-25 Sep 2020 Pengurusan Kewangan IPD Bintulu
10	<ul style="list-style-type: none"> 5-9 Oktober 2020 Pengurusan Kewangan IPD Julau 19-23 Oktober 2020 Program Anak Angkat IPD Belaga 19 Oktober 2020 <i>Session on International Professional Practices Framework (online)</i> 26-27 Oktober 2020 <i>COSO Internal Control for Auditor (online)</i>
11	<ul style="list-style-type: none"> 1-4 November 2020 Susulan Audit IPD Miri 5-6 November 2020 Pemeriksaan Mengejut Pejabat Imigresen Bahagian Miri 11 November 2020 Mesyuarat Perbincangan Rancangan Audit Dalam Tahun 2021 (<i>online</i>)
12	<ul style="list-style-type: none"> 7-11 Disember 2020 Pengurusan Kewangan APMM Wilayah Sarawak Jun-Disember 2020 Pengauditan Baucar Marin Polis

Perlaksanaan Pengauditan

Pada tahun 2020, UAD Sarawak telah merancang 10 pengauditan pengurusan kewangan, 1 Program Anak Angkat/Pejabat Angkat, 3 Susulan Audit, 4 Pemeriksaan Mengejut, dan Pembentangan Kajian Prestasi yang telah dilaksanakan pada Oktober - Disember 2019. Pelaksanaan pengauditan UAD Sarawak juga terkesan disebabkan oleh wabak Covid-19. Sebahagian pengauditan yang dirancang awal telah digantikan dengan pengauditan

baucar/Arahan Pembayaran (AP). melibatkan 6 PTJ yang terpilih. Pengauditan tersebut telah mendapat kerjasama PTJ untuk menyedia dan mengemukakan AP untuk pengauditan di pejabat UAD sendiri.




BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN NEGERI SARAWAK

Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan (PPK) Kementerian Dalam Negeri, Negeri Sarawak telah mengadakan Operasi Bersepadu Akta Agensi Persendirian (AAP 1971) bersama-sama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Sibu dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) Hospital Sibu pada 9 Julai 2020 bertempat di Hospital Sibu, Sarawak.



Manakala pada 10 September 2020, Operasi Bersepadu Akta Pencetakan Tekst Al-Quran 1986 (APQT 1986) telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bagi kawasan Kuching dan Samarahan.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Summer Camp Mulu

Program *Summer Camp Mulu* 2020, iaitu berkaitan dengan Keselamatan Kebakaran dan Keselamatan di Air anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Negeri Sarawak telah diadakan pada 24 hingga 28 September 2020. Program ini merupakan kolaboratif dengan Kementerian Utiliti Sarawak, Jabatan Laut Sarawak, PETRONAS, PETROS, Sarawak Energy

dan Mulu National Park. Program ini melibatkan seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada penduduk sekitar Mulu. Program tahun ini merupakan kali ke-6 diadakan. Majlis Perasmian Penutupan Program telah disempurnakan oleh YS PKPjB Khirudin bin Drahman@Hussaini, Pengarah JBPM Negeri Sarawak.

Terdapat empat program dalam *Summer Camp Mulu*, iaitu Bomba Komuniti, Majlis Keselamatan Aktiviti di Air (MKA), Celik SURI: Program Wanita dan Suri Rumah tangga dan Kelab Keselamatan Kanak-kanak (Kelab 3K).



Majlis Pentauliahan Pegawai Bomba Bantuan Siri 1/2020

Majlis Pentauliahan Pegawai Bomba Bantuan Siri 1/2020 telah disempurnakan oleh YB Dato Dr Sim Kui Hian, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak bertempat di Ibu Pejabat JBPM Negeri Sarawak pada 13 Julai 2020.

Seramai 36 orang Pegawai Bomba Bantuan telah dinauliahkan dan akan melapor bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah dan Balai Bomba dan Penyelamat Selangau.

Turut hadir YS PKPjB Khirudin Drahman@Hussaini, Pengarah JBPM Negeri Sarawak dan PgKB I Tiong Ling Hii, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat.



IBU PEJABAT PENJARA NEGERI SARAWAK

Majlis Perasmian dan Pelancaran Produk CantiKK@HG Seni Tekstil Tradisional Batik Motif Sarawak

Majlis Perasmian dan Pelancaran Produk CantiKK@HG, Seni Tekstil Tradisional Batik Motif Sarawak telah diadakan pada 1 Disember 2020 bertempat di Pejabat Pengarah Penjara Negeri Sarawak. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak. Program ini anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kuching serta kerjasama Jabatan Penjara Negeri Sarawak. Turut hadir Timbalan Komisioner Penjara Mohamad Rosidek Musa, Pengarah Penjara Negeri Sarawak, Penolong Kanan Komisioner Penjara Fathi Mursidi, Timbalan Pengarah Penjara Negeri Sarawak, Suharyati Sulaiman, Pengarah Kolej Komuniti Kuching mewakili Mohamad Amin Hamat Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Nurul Dafiqah Kamarulzaman, Timbalan Pengarah Akademik Kolej Komuniti Kuching merangkap Pengarah Program Keusahawanan Produk CantiKK@HG dan wakil daripada Majlis Kraftangan Sarawak serta Helmi Batik Craft.

Penghasilan Produk Kraf Seni Batik Motif Sarawak oleh 20 orang penghuni Sekolah Henry Gurney, Penjara Puncak Borneo dengan bimbingan tenaga pengajar Kolej Komuniti Kuching.



Majlis Anugerah Sarawak Civil Service Innovation Award (SCSICA)

Majlis Anugerah *Civil Service Innovation Award (SCSICA)* 2020 yang diadakan pada 16 Disember 2020 bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK) telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Pusat Koreksional Bintulu (Kumpulan CRANE) telah memenangi Anugerah URECA dengan tajuk Projek *Mobile Panic System* dan mendapat pengiktirafan 2 bintang beserta wang tunai RM2000.00. Penjara Pusat Miri (Kumpulan Matahari) dengan tajuk projek *Suicide Inmate Detector* dan Penjara Pusat Sibu (Kumpulan Black Olive) dengan tajuk projek *Panic Alarm Device* turut mendapat pengiktirafan 3 bintang dan masing-masing memenangi wang tunai RM3000.00. Turut hadir pada majlis tersebut adalah TKP Mohamad Rosidek bin Musa, Pengarah Penjara Negeri Sarawak, PKP Hamad bin Seman, Pengarah Penjara Pusat Sibu, PKP Achon anak Tadeng, Pengarah Penjara Pusat Miri dan PKP Wallace anak Nawon, Pengarah Pusat Koreksional Bintulu.



IBU PEJABAT POLIS KONTIJEN SARAWAK

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk membanteras aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah, khususnya di Sarawak.

Prestasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinen Sarawak pula telah menunjukkan peningkatan tangkapan sebanyak 21%, iaitu 10,294 bagi tahun 2020 berbanding 8506 tahun 2019.

Bagi keseluruhan tangkapan kategori bekalan (pengedar dadah) berbanding tahun 2019 menunjukkan penurunan sebanyak 4%, iaitu 711 tangkapan pada tahun 2019 berbanding 686 tangkapan pada tahun 2020.

Untuk kes tangkapan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi 2020 terdapat 155 tangkapan menunjukkan peningkatan sebanyak 30% berbanding tahun 2019 iaitu seramai 119 tangkapan. Bagi tangkapan kategori memiliki pula, telah meningkat sebanyak 6%, iaitu 2261 tangkapan pada tahun 2020 berbanding 2129 tangkapan bagi tahun 2019.

Bagi kategori tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 pula, menunjukkan penurunan sebanyak 47% bagi perbandingan tahun 2019 seramai 76 orang pengedar telah ditangkap berbanding seramai 42 tangkapan pada tempoh tahun 2020.



Tindakan kategori Perlucutan Harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 yang difokuskan kepada pengedar-pengedar dadah pula, bagi tempoh tahun 2020 telah mencatatkan sitaan sebanyak RM6,077,370.03, iaitu peningkatan sebanyak 36.34% berbanding RM4,457,411.99 bagi tahun 2019 terhadap harta-harta pengedar dadah setakat ini.

Sepanjang Januari hingga Disember 2020, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik telah berjaya



membuat tangkapan beberapa kes dan antara kes yang menarik ialah kes tangkapan di Miri pada 1 dan 3 Januari 2020. Rampasan 9,000 gm syabu, 16,250 biji pil ecstasy (54,166 gm), 349 gm ketamin, 1,830 gm, 449 gm serbuk ecstasy, 2,250 biji pil eramin 5, jumlah keseluruhan nilai dadah ialah RM1,021,200.00, tangkapan ke atas tujuh orang anggota sindiket dan sitaan dua (4) buah kenderaan kesemuanya bernilai RM270,000.00 (nilai sitaan kesemua harta).

Pada 3 Ogos 2020, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik di Miri telah berjaya merampas dadah pil ecstasy 2,530 biji, serbuk ecstasy 16,546 gram, syabu 233 gram, ketamin 998 gram, pil eramin 5 11,070 biji, sitaan dua (1) buah kenderaan, wang tunai dan seutas rantai emas kesemuanya bernilai RM43,000.00 (nilai sitaan kesemua harta) dan nilai keseluruhan rampasan dadah berjumlah RM2,080,890.00.

Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sarawak

Dalam situasi dunia dan negara diancam dengan pandemik Covid-19 terdapat sekumpulan penjenayah yang mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah terutamanya jenayah pecah kedai dan curi. Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sarawak melalui elemen Unit Risikan Jenayah (D4) telah melancarkan Op Pintu dalam usaha untuk membanteras jenayah ini.

Hasil operasi yang telah dilaksanakan berjaya menumpaskan satu kumpulan pecah kedai dan curi dengan tertangkapnya tujuh orang ahli kumpulan

termasuk *mastermind* yang merancang jenayah ini. Kumpulan ini terdiri daripada mereka yang berumur 19 hingga 40 tahun dan bergerak aktif melakukan jenayah pecah kedai di daerah Kuching serta Padawan sejak Julai 2020. Dua daripada suspek bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta di Muara Tabuan Light Industrial Park, Jalan Setia Raja, Kuching Sarawak. Manakala lima orang lagi tidak bekerja. Dengan tertangkapnya kumpulan ini sebanyak 9 kes telah diselesaikan iaitu 8 kes di Kuching dan 1 kes di Padawan.

Semakan rekod lampau terhadap tujuh orang suspek yang telah berjaya ditangkap mendapati tiga daripadanya mempunyai rekod berkaitan kes penyalahgunaan dadah, curi motosikal dan curi dalam bangunan.

Kes disiasat di bawah seksyen 457 Kanun Keseksaan sekiranya didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjarा sehingga 14 tahun dan denda atau sebat bagi kesalahan kedua atau seterusnya. Selain itu, tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 akan diambil bagi mengekang penjenayah ini daripada melakukan perbuatan jenayah dengan sewenang-wenangnya.



Barang-barang rampasan

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Program Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Sarawak Tahun 2020

Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang diadakan di seluruh Malaysia. Bersempena dengan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-38, JKDM Sarawak telah

SEKTOR KESELAMATAN

menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan JKDM Sarawak Tahun 2020 di AEON Mall, Kuching bermula 20 Januari 2020 sehingga 22 Januari 2020. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sharifah Halimah binti Tuanku Taha, Mantan Pengarah Kastam Negeri Sarawak.

Program ini bertujuan memberi penerangan kepada masyarakat tentang fungsi dan peranan JKDM. Antara pengisian program ialah pendaftaran baharu Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan serta pameran mini dan edaran info mengenai fungsi jabatan dan bahagian.

Pasukan (Dua Taruh)² Semong Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak sentiasa komited dalam usaha menambahbaik kualiti perkhidmatan kepada pelanggan sejajar dengan Misi dan Visi Jabatan. Projek Tongsil merupakan hasil garapan idea dan inovasi daripada Kumpulan KIK (Dua Taruh)² Semong bagi menyelesaikan masalah pemotongan sil yang mengambil masa agak lama semasa menjalankan pemeriksaan fizikal barang dalam kontena. Kumpulan (Dua Taruh)² Semong terdiri daripada pegawai-pegawai Cawangan Pelabuhan-Pelabuhan Kuching, Sarawak.



Pemotong sil kontena yang dinamakan Tongsil ini memberi kesan dan impak yang tinggi semasa pemeriksaan fizikal kontena dijalankan. Alat Tongsil ini mudah dikendalikan dan mempunyai kekuatan kuasa hidraulik yang dihasilkan oleh bateri *Li-ion* yang mampu memotong sil dalam masa yang singkat.

Keberhasilan Projek

1. Menjimatkan masa.

Penjimatan masa memotong sil yang memerlukan dua orang dari 2 minit ke 15 saat sahaja.

2. Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

Analisis kajian kepuasan pelanggan meningkat dengan impak dan keberkesanan alat Tongsil yang dapat dikendalikan dengan mudah.

3. Memberi impak terhadap pemeriksaan rapi

Pemeriksaan rapi dagangan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan lebih banyak kontena dapat diperiksa kerana lebih banyak sil dapat dipotong dengan mudah dan cepat. Secara tidak langsung, penggunaan Tongsil telah menyumbang kepada hasil yang diselamatkan berjumlah RM2,979,414.74 dari tempoh Januari hingga Oktober 2020.

Pencapaian

1. Anugerah Khas Projek Berimpak Tinggi dalam Konvensyen Inovatif & Kreatif anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 12 November 2020.
2. Anugerah *5 Star Award* dalam *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition 2020*.
3. *Gold Award* dalam MPC Regional Innovation Showcase On Team Excellent (RISTEx) 2020.
4. Menyertai konvensyen *Sarawak Civil Service Innovation Award (SCSICA) 2020*.



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA, SARAWAK

Mesyuarat Bersama-sama Pegawai Undang-Undang Negeri Sarawak



Ceramah oleh Pengarah Pendakwaan Negeri



Berkaitan Aspek Penyiasatan Berkualiti kepada Penguatkuasa Farmasi Negeri Sarawak



Berkaitan Aspek Siasatan/Pendakwaan ATIPSOM kepada PDRM Negeri Sarawak

PPN Sarawak menghadiri mesyuarat lembaga pengampunan bersama-sama TYT Yang di-Pertua Negeri dan Ketua Menteri Sarawak.



Kes-kes Kepentingan Awam yang Dilaporkan di Media

Kes bunuh isteri sendiri oleh ahli farmasi di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Penemuan satu kepala perempuan warganegara China di Sungai Batang Luper, Lingga, Sri Aman.



Ahli Farmasi didapati bersalah dan dihukum mati



Pasangan suami isteri dipenjarakan selama tempoh 43 Bulan kerana memalsukan Sijil Kematian si suami untuk mendapatkan faedah PERKESO berjumlah RM26,019.40

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Sepanjang tahun 2020, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah melaksanakan tiga program utama, iaitu Program Pemantapan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Sektor Pembalakan, Program Majlis Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*OSH Week*) Sarawak 2020 Secara dalam Talian dan Program *Sarawak Civil Service Innovation Convention Award (SCISCA)* Peringkat Akhir Prima IO: *Distance Alarm Device*.

Program Pemantapan KKP Sektor Pembalakan bertujuan meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja terutama pematuhan berkaitan KKP melalui pembangunan modul latihan KKP dalam sektor pembalakan, memberi kefahaman tentang KKP melalui latihan supaya majikan dapat melatih pekerja sendiri dan juga merancang hala tuju KKP sektor pembalakan dan perhutanan di Sarawak. Program ini telah melibatkan kerjasama antara JKKP, Jabatan Perhutanan, *Sarawak Timber Association (STA)* dan *Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC)* dengan melibatkan 12 buah syarikat utama pembalakan di Sarawak.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan turut mengadakan Program Majlis Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan



Program Pemantapan KKP Sektor Pembalakan

(*OSH Week*) Sarawak 2020 Secara dalam Talian bagi menyampaikan mesej tentang kepentingan KKP dengan mengamalkan budaya pencegahan bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Di samping itu juga, program ini dapat mempromosi dan memberi pendedahan konsep mengenal pasti hazard, menganalisis risiko bahaya tersebut serta membuat kawalan tentang bahaya (HIRARC) kepada pihak majikan dan pekerja. Program ini juga diharap dapat membantu mengintegrasikan Budaya KKP dalam situasi norma baharu. Pendekatan program ini berkonsepkan KKP Alaf 21 ke arah Peraturan Kendiri melibatkan 900 orang peserta dan dilakukan secara dalam talian (*Facebook Live Streaming*).



Program Majlis Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*OSH Week*) Sarawak 2020 Secara dalam Talian

Program Sarawak Civil Service Innovation Convention Award (SCISCA) Peringkat Akhir Prima IO: *Distance Alarm Device* dilaksanakan oleh JKKP bagi penambahbaikan kepada penjarakan fizikal 1 meter untuk mengekang jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelanggan seiring dengan misi jabatan iaitu memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terjamin. *Distance Alarm Device* merupakan alat yang mampu mengesan objek dalam jarak yang ditentukan. Alat ini diselaraskan untuk memberi amaran dan akan berbunyi jika terdapat pelanggan dalam ruang lingkup 1 meter.



Sarawak Civil Service Innovation Convention Award (SCISCA)- Peringkat Akhir Prima IO: *Distance Alarm Device*

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI SARAWAK

Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak telah mengadakan Latihan Menembak Muhibah antara JPJ Negeri Sarawak dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Sarawak pada 4 November 2020 di Pusat Latihan Polis Sarawak (Pulapol Kuching).

Setiausaha Persekutuan Sarawak YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar serta Pengarah JPJ Negeri Sarawak, iaitu YBrs. Tuan Mohd Syafiq Anas Abdulah merupakan tetamu jemputan bagi program tersebut. Latihan tersebut dihadiri oleh kira-kira 30 orang Ahli Persatuan PTD dan

SEKTOR KESELAMATAN

Pegawai Kanan JPJ Negeri serta beberapa orang Ketua Cawangan dari JPJ Miri dan Sibu.

Latihan tersebut bertujuan memupuk semangat berpasukan serta memberi pendedahan kepada peserta yang terlibat mengenai cara serta kaedah yang betul digunakan oleh JPJ Negeri Sarawak serta Persatuan PTD Sarawak dalam urusan serta program-program rasmi luar jabatan.

Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Betong telah membuat ziarah ke atas keluarga mangsa kebakaran pada 14 Oktober 2020 di Kampung Melayu Dit, Debak.

Seramai tujuh orang anggota JPJ Cawangan Betong telah hadir pada ziarah di rumah keluarga tersebut yang diketuai oleh Ketua Cawangan JPJ Betong Tuan Jefry Alfrida dan Timbalannya Puan Evelyn Anak Albert Nuja.



Ketua Cawangan JPJ Betong, Tuan Jefry Alfrida menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa

Kebakaran yang berlaku pada penghujung September lepas telah meragut nyawa empat orang mangsa, iaitu nenek, ibu saudara dan dua orang kanak-kanak.

Pihak JPJ Cawangan Betong juga telah membuat kutipan derma dalam kalangan pegawai dan kakitangan bagi membantu meringankan beban keluarga tersebut. Sumbangan telah disampaikan kepada salah seorang anak arwah Syirin Yusuf.



MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

Pengaktifan/Pengoperasian Bilik Gerakan Negeri Sarawak

Berikutan penularan Wabak Covid-19, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah mengaktifkan Bilik Gerakan Negeri Sarawak sebagai pusat penyiaran maklumat kepada orang ramai. Terdapat 6 talian telefon dan 1 talian WhatsApp telah disediakan untuk dihubungi.

Bilik Gerakan ini beroperasi selama 24 jam setiap hari. Beberapa buah agensi lain juga telah dilantik untuk bertugas di Bilik Gerakan ini termasuk Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri Sarawak (UKPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Peranan utama Bilik Gerakan ini adalah untuk memberi panduan mengenai SOP baharu, pusat informasi dan maklumat, penguatkuasaan SOP dan juga sebagai sumber rujukan mengenai pengurusan dan penularan wabak Covid-19 di Sarawak.



Pelancaran Program *Community Policing* di Negeri Sarawak

Program *Community Policing* telah dilancarkan dan diadakan secara berperingkat di seluruh negeri Sarawak mulai Julai 2020 dengan penglibatan pelbagai agensi termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sarawak, Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri Sarawak (UKPN), Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak (JPNIN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Veterinar Negeri Sarawak (JPV).

Program ini bertujuan memperkasakan keupayaan masyarakat di peringkat komuniti untuk menilai keterdedahan (*vulnerability*) komuniti terhadap risiko atau ancaman dan seterusnya membina kapasiti komuniti melalui strategi dan sumber-sumber untuk mengurangkan risiko bencana. Program ini memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan masyarakat yang dipimpin oleh komuniti dan penduduk setempat seperti Ketua Kampung, Tuai Rumah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) agar penduduk dapat mengambil tindakan awal sekiranya berlaku sebarang bencana di kawasan setempat.



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

Pengarah Maritim Negeri Sarawak yang Baharu

Sejarah terpahat di Maritim Negeri Sarawak Sapabila Kepten Maritim Zin Azman bin Md Yunus, Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Sarawak secara rasminya memangku tugas sebagai Pengarah Maritim Negeri Sarawak daripada Laksamana Pertama Maritim Robert Teh Geok Chuan yang berpindah ke ibu pejabat, Putrajaya bermula pada 21 September 2020. Beliau secara rasmi dilantik sebagai pengarah pada 6 Oktober 2020.

Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Maritim Malaysia Negeri Sarawak telah disaksikan oleh Ketua Pengarah Agensi Penguatuasaan Maritim, YBhg. Laksamana Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som, bertempat di Pejabat Pengarah Maritim Negeri Sarawak, Kompleks Maritim Tun Abang Salahuddin (KOMTAS), Muara Tebas, Kuching, Sarawak.



SEKTOR KESELAMATAN

Dalam ucapan Ketua Pengarah Agensi Penguatuasaan Maritim, YBhg. Laksamana Maritim Dato' Mohd Zubil bin Mat Som menasihati pegawai dan anggota Maritim Negeri Sarawak agar sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen kepada kepimpinan yang baharu bagi mencapai visi serta misi Maritim Negeri Sarawak ke arah kecemerlangan pada masa depan.

Laksamana Pertama Maritim Robert Teh Geok Chuan memegang tampuk pimpinan sebagai Pengarah Maritim Negeri bermula 2018 sehingga 2020. Maritim Negeri Sarawak merangkumi Ibu Pejabat Maritim Negeri Sarawak, Zon Maritim Tanjung Manis, Zon Maritim Bintulu dan Zon Maritim Miri telah mencapai jumlah pemeriksaan ke atas vesel sebanyak 26,000 pemeriksaan dan dengan jumlah tangkapan sebanyak 175 buah vesel atas pelbagai kesalahan.



Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Maritim Negeri Sarawak

Pencapaian Maritim Negeri Sarawak Sepanjang Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, Agensi Penguatuasaan Maritim Negeri Sarawak telah mencatatkan pemeriksaan ke atas 15,450 buah vesel dan melibatkan 71 buah vesel ditahan atas pelbagai kesalahan.

Menerusi Operasi OP Naga Timur dan OP Khas Kuda Laut, Maritim Negeri Sarawak telah berjaya menahan 11 buah bot nelayan asing beserta 97 orang kru dengan jumlah rampasan keseluruhan bernilai RM10,000,000.00.

OP Naga Timur diwujudkan bagi memerangi pencerobohan nelayan asing di perairan Laut China Selatan dan telah dilancarkan pada bulan Julai 2019, manakala OP Khas Kuda Laut pula dilancarkan pada bulan Jun 2020 bagi memerangi dan menahan bot nelayan asing Vietnam di Laut China Selatan termasuk perairan Sabah dan Sarawak.

Maritim Negeri Sarawak turut merekodkan sebanyak 21 pengusiran bot nelayan asing, berikutan penularan pandemik Covid-19 dan kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.

Pada 10 Disember 2020, tangkapan ke atas bot nelayan asing telah dikuatkuasakan serta merta kerana sebelum ini hanya pengusiran dilaksanakan oleh Maritim Malaysia.

Menerusi statistik Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR)/OP Cari Lamat yang dikoordinasi oleh Maritime Rescue Sub Center (MRSC) Kuching pula, sepanjang tahun 2020 sebanyak 20 kejadian telah direkodkan dan melibatkan 225 orang mangsa.

Seramai 210 orang mangsa berjaya diselamatkan, 12 orang telah ditemui mati dan tiga orang masih belum ditemui. Kejadian MV Dayang Topaz pada bulan Oktober 2020 mencatatkan jumlah mangsa yang paling ramai, iaitu seramai 187 orang dan 185 orang mangsa ditemui selamat manakala dua orang mangsa ditemui mati.



Tangkapan ke Atas Vesel Nelayan Asing



Penahanan kru vesel nelayan asing

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK

Pejabat Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak (KPCS) pada saban tahun mengadakan pelbagai program mulai bulan Januari hingga Disember. Penularan wabak pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia pada tahun 2020 telah merencatkan segala program seperti yang dirancang.

Namun begitu, penularan wabak pandemik Covid-19 ini tidak mematahkan semangat Pejabat KPCS menjalankan program pada tahun 2020 dengan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Program *Building High Performing Team* yang merupakan aktiviti pembentukan kerja berpasukan dalam kalangan kakitangan Pejabat KPCS telah diadakan pada 8 hingga 11 Disember 2020 bertempat di Pejabat MINDEF Cawangan Sarawak, Bangunan Sultan Iskandar, Simpang Tiga, Kuching. Antara objektif yang ditekankan dalam program ini adalah:

1. Memupuk semangat berpasukan dan kerjasama di antara rakan sekerja.
2. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri dan rakan sekerja.
3. Meningkatkan kesedaran bahawa perlunya semangat bekerjasama.
4. Mengaplikasikan analisis "SWOT" di dalam penyelesaian masalah.
5. Mewujudkan persekitaran harmoni di dalam organisasi.

Program telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang disasarkan. Perubahan ke atas sikap, cara bekerja dan jalinan kerjasama dapat dilihat dalam kebanyakan kakitangan Pejabat KPCS setelah menghadiri program ini. Pencapaian dan perubahan ini adalah amat perlu bagi menggerakkan Pejabat KPCS ke satu lagi tahap yang membanggakan.



Aktiviti Program Building High Performing Team yang dianjurkan

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Penugasan Sempena Perintah Kawalan Pergerakan

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Negeri Sarawak bersama-sama agensi *frontliners* yang lain telah berganding bahu dengan hampir 2,000 orang anggota sukarelawan dan pegawai bertugas bagi menangani penularan wabak Covid-19 menerusi lapan penugasan utama, iaitu:

1. Penugasan di lebih 30 buah stesen atau pusat kuarantin yang diwujudkan di seluruh Sarawak yang melibatkan hotel, Kem Belia, pusat latihan dan lain-lain yang menempatkan *Person in Surveillance (PUS)* meliputi Kuching, Miri, Sibu Sri Aman dan Samarahan .
2. Penugasan di pusat saringan kesihatan untuk membantu petugas kesihatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi saringan yang dijalankan ke atas orang awam yang terdapat di pintu masuk sempadan seperti di ICQS Panduan dan Tedungan di Limbang serta ICQS Merapok dan Dataran Lawas serta jeti bot ekspres di Song dan Kapit.
3. Penugasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Pegawai RELA yang diberikan kuasa tertakluk kepada Akta Kawalan Pencegahan Penyakit Berjangkit (342) telah menjalankan rondaan dan pemantauan di kawasan kampung, taman perumahan dan premis perniagaan bagi memberikan kesedaran dan pematuhan PKP yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan di semua kawasan di bawah 33 buah Pejabat RELA Daerah.
4. Penugasan Rondaan Pemantauan Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bersama PDRM/ATM/KKM/PBT turut dijalankan bagi pemantauan pematuhan arahan PKP supaya dipatuhi oleh orang awam dari masa ke semasa di kawasan yang dikenal pasti oleh PDRM selaku *lead agency*.
5. Penugasan Sekatan Jalan Raya Bersama-sama PDRM dan ATM bagi menguatkuasakan pematuhan arahan semasa di semua fasa PKP terutamanya mengehadkan pergerakan antara daerah melibatkan kawasan sempadan antara daerah.
6. Penugasan di kawasan tumpuan seperti pasar awam dan bank serta premis perniagaan bagi mengawal pergerakan orang ramai dalam menjaga penjarakan sosial sebagaimana peraturan terkini PKP seperti Wisma Satok di Kuching dan Pasar Petanak di Padawan.
7. Penugasan Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam pengagihan bantuan barang keperluan kepada rakyat yang terjejas akibat wabak Covid-19, terutamanya kampung-kampung di pedalaman yang terputus bekalan.
8. Penugasan anggota seramai 40 orang anggota sukarelawan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Haji Baki, Kuching bermula pada 28 Oktober 2020 hingga 13 November 2020 membabitkan kawalan dan pemantauan bagi 4,386 orang penduduk termasuk saringan kesihatan yang dijalankan di Masjid Kampung Haji Baki, Kuching.



Penugasan sekatan jalan raya



Penugasan di kawasan tumpuan di premis perniagaan



Penugasan di pusat kuarantin



Penugasan semasa pengagihan bantuan barang keperluan kepada rakyat yang terjejas

Kursus *Crisis Response Team (CRT)* Rela Sarawak Tahun 2020

Kursus *Crisis Response Team (CRT)* RELA Sarawak Tahun 2020 telah diadakan pada 25 September 2020 hingga 1 Oktober 2020 bertempat di Adis Buan Resort, Segong, Bau yang diselaraskan oleh Pejabat RELA Daerah Bau selaku tuan rumah dengan kerjasama Unit Latihan, Ibu Pejabat RELA Negeri Sarawak. Kursus ini berlangsung selama lima hari dan dihadiri oleh 40 orang anggota RELA meliputi sembilan buah daerah, iaitu Asajaya, Kuching Utara, Kuching Selatan, Padawan, Samarahan, Simunjan, Lundu, Serian dan Bau.

Kursus ini dijalankan bertujuan memberikan pendedahan yang jelas kepada pegawai dan anggota sukarelawan berkaitan pengurusan krisis serta memantapkan lagi pengurusan dan penyelarasan semasa pengurusan pada peringkat daerah.

Aktiviti yang dijalankan semasa Kursus *Crisis Response Team (CRT)*



Pelbagai ilmu dan kemahiran diberikan kepada peserta kursus bagi memantapkan *skill* dan kebolehan mereka dalam melaksanakan tugas seperti teknik menyelamat dalam hutan tanpa sebarang peralatan kesihatan yang mencukupi serta teknik menyelamat *Monkey Jump* dan *River Crossing* daripada Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM). Selain itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Daerah Bau mendedahkan peserta dengan latihan teori dan praktikal ikatan tali sebagai asas dalam penyelamatan. Setiap peserta diuji dan tahap kecekapan serta keberkesanan kursus tersebut untuk menilai tahap kemahiran yang telah dipelajari.

Majlis Perasmian dan Penutup Kursus CRT telah disempurnakan oleh Dato' Henry Harry Jinep Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru dan beliau mengucapkan penghargaan kepada RELA sebagai barisan hadapan membantu mengekang pandemik Covid-19 serta berharap RELA terus mantap seiring dengan agensi keselamatan yang lain.

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Program "Sempadan Kita, Maruah Kita"

Program ini merupakan usaha sama antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Sarawak. Program tersebut menyasarkan agensi penguatkuasa yang bertugas di pintu masuk sempadan negara, iaitu antara Malaysia dan Indonesia. Program tersebut telah diadakan pada 15 Oktober 2020 bertempat di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Tebedu, Serian, Sarawak. Peserta terdiri daripada 100 orang pegawai dan anggota penguatkuasa daripada agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta beberapa buah agensi yang menjalankan tugas penguatkuasaan di sempadan negara. Selain mengetengahkan isu rasuah dalam kalangan penguatkuasa, peserta juga didedahkan tentang isu integriti dan cabaran keselamatan sempadan dan pintu masuk negara terutamanya melalui jalan darat. Papan tanda amaran berkaitan jenayah rasuah turut dipamerkan di pintu masuk Malaysia/Indonesia. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. KPKPj. Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah SPRM Sarawak. Turut hadir ialah YBhg. Datu Ken Laben, Pengarah Imigresen Sarawak, dan YBrs. Tuan Herman Shah bin Abdullah, Pengarah Kastam Sarawak.



Kempen "Sik Mok Rasuah"

"Sik Mok Rasuah" atau lebih sinonim dengan "Tidak Mahu Rasuah" merupakan inisiatif SPRM Sarawak untuk mendekati masyarakat tempatan agar bersama-sama memerangi rasuah. Kempen ini telah dilancarkan pada 17 Oktober 2020 bertempat di City One Mega Mall, Kuching, Sarawak. Mesej pencegahan rasuah berbentuk pelekat cermin kereta telah diagihkan kepada pengunjung pasar raya pada hari tersebut. Selain dapat bertemu masyarakat setempat, pihak SPRM Sarawak juga berpeluang menyampaikan nasihat berkaitan isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kempen ini disempurnakan oleh YBrs. KPKPj. Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah SPRM Sarawak. Penerima pelekat cermin kereta berpeluang mengambil bahagian dalam Pertandingan "Sik Mok Rasuah" dengan menjawab soalan melalui Kod aplikasi QR. Sepuluh orang peserta yang berjaya telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Pengarah SPRM Sarawak pada 7 November 2020.



Sektor Pembangunan

PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK, UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)

Kunjungan Hormat Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak kepada YAB Ketua Menteri Sarawak

Pada 16 Mac 2020, YBhg. Dato' Hasnul bin Mohamed, Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak di Pejabat Ketua Menteri, Petra Jaya, Kuching.

Agenda utama kunjungan hormat tersebut ialah perkongsian tentang pelaksanaan Arahan No.1 2020 ICU JPM, iaitu Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara. Arahan ini bertujuan menjelaskan dan menambah baik mekanisme penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) serta inisiatif-inisiatif semasa kerajaan pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Mekanisme penyelarasan ini juga bermatlamat menyokong dan merealisasikan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang membawa maksud pertumbuhan yang lebih saksama, memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif, berintegriti dan bermaruah.



Lawatan Kerja Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak Bersama-sama Setiausaha Persekutuan Sarawak ke Bahagian Mukah dan Tanjung Manis

Pada 18 dan 19 Ogos 2020, YBhg. Dato' Hasnul bin Mohamed, Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak bersama-sama YBhg. Datuk Haji Mohd. Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak membuat lawatan kerja rasmi ke bahagian Mukah dan Tanjung Manis.

Dalam lawatan kerja tersebut antara kawasan dan projek yang dilawati adalah Projek Naik taraf Bangunan Kecemasan Hospital Mukah, Projek Pembinaan Sekolah Daif Pakej 6 dengan peruntukan RM100 juta, Projek Pembinaan Lapangan Terbang Mukah dan juga lain-lain projek. Lebih banyak kemudahan prasarana akan dibina di kawasan ini berikutan penyusunan semula pelan pembangunan bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Wilayah Tengah Sarawak.



Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak Mengiringi Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) di Bahagian Sibu, Kanowit dan Sarikei

Pada 17 dan 18 September 2020, YBhg. Dato' Hasnul bin Mohamed, Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak mengiringi lawatan kerja YB Dato Hajjah Hanipah Hajar Taib, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) di Bahagian Sibu, Kanowit dan Sarikei. Antara tapak yang dilawati termasuk Projek Jalan Menalun Sungai Poi Kanowit, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sibu Fasa 3 Lembangan Batang Rajang Sibu, SMK Meradong, SK Sungai Mador Sarikei, SK Abang Amin Meradong dan SK Kampung Banyok Sibu.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak Dipengerusikan oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak telah diadakan pada 26 Oktober 2020, di Bilik Mesyuarat Pejabat Setiausaha Persekutuan, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd. Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak.

Mesyuarat ini diadakan bagi memantau dan membincangkan isu-isu pemantauan projek Persekutuan di Negeri Sarawak serta langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian dalam memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan jadual yang telah ditetapkan.



Semasa mesyuarat tersebut, YBhg. Datuk Haji Mohd. Shahabuddin menekankan dan memberi perhatian penuh terhadap prestasi pencapaian projek agar pembangunan Negeri Sarawak tidak jauh ketinggalan dan sebarang permasalahan dapat diatasi dengan segera.



JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SARAWAK

Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2018 Siri 3

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 tentang pengurusan Aktiviti Jabatan dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak telah dibentangkan di Parlimen pada 14 Julai 2020. Laporan ini mengandungi tiga pengauditan Prestasi dan dua pengauditan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak.

Pengauditan Prestasi bertujuan menilai sama ada aktiviti kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti ini tercapai. Pengauditan Syarikat Kerajaan Negeri dilakukan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui aspek tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat. Pengauditan Prestasi dan Pengurusan Akta


Syarikat Kerajaan dijalankan selaras dengan Audit 1957 dan standard pengauditan antarabangsa, iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.



Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Negeri Sarawak Tahun 2019

Laporan ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 tentang Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Prestasi Kewangan Jabatan dan Pengauditan Pematuhan Negeri Sarawak telah dibentangkan di Parlimen pada 5 November 2020. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diberi Sijil Tanpa Teguran.

Selain itu, Pengauditan Pematuhan bagi lima jabatan negeri telah dilaporkan dalam LKAN ini. Pengauditan Pematuhan yang mula diperkenal pada tahun 2019 memberi tumpuan secara mendalam terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area) berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan di setiap kementerian dan jabatan negeri. Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P 1K, iaitu elemen Pembaziran, Pemborosan, Penyelewengan dan Ketirisan wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan.



JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) merupakan Penggerak Utama Pengurusan Tadbiran Tanah Negara, iaitu penyelaras dan penasihat berkaitan urusan tanah kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pemegang (*custodian*) tanah Persekutuan.

Selama 16 tahun di Negeri Sarawak, JKPTG Sarawak telah mempunyai maklumat asas pentadbiran tanah berserta maklumat tanah Persekutuan yang sesuai dijadikan bahan rujukan oleh pelbagai pihak. Urusan tanah merupakan kuasa Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan, namun Perkara 94(2) membenarkan Jabatan ini menjalankan fungsi-fungsinya selepas Merdeka.

Sejak tahun 2012, JKPTG Sarawak melalui Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957, penetapan di bawah perenggan 5(1)(b), iaitu menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 5(1)(b) Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 [Akta 349], Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah menetapkan Pengarah dan Penolong Pengarah JKPTG Sarawak untuk menyaksikan peletakan meterai Perbadanan pada semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan dan untuk menandatangani semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain itu bagi maksud subseksyen 5 (1) Akta selama tempoh pegawai itu berkhidmat di JKPTG Sarawak.

Sepanjang tahun 2020, dua kali Lawatan Kerja telah diadakan oleh YB Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli ke JKPTG Sarawak, iaitu pada 28 Mei 2020 dan 13 November 2020 bertujuan memantau tanah Persekutuan merupakan sumber terpenting dalam mempergiatkan pelaksanaan pembangunan negara. Segala bentuk pembangunan sama ada pembangunan sosio ekonomi ataupun pembangunan fizikal memerlukan tanah sebagai aset utama.



Lawatan kerja YB Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli ke JKPTG Sarawak,
pada 28 Mei dan 13 November 2020

Sehingga kini Jumlah keseluruhan tanah kegunaan Persekutuan di Sarawak adalah seperti yang berikut:

PERKARA	TANAH PTP	TANAH PTP DISERAH BALIK	PROGRAM PEMUTIHAN	RUANG PEJABAT BUKAN MILIK PTP	PERMOHONAN PERTAPAKAN RMK 11 DAN SAMBUNGAN
Jumlah Keseluruhan Lot	1976	170	1046	500	200
Cukai Tahunan	RM1,089,109.90 melibatkan 533 lot tanah bercukai	RM175,704.50	Proses pertapakan sedia ada	Dibayar oleh pemohon pajakan kecil	Proses pertapakan sedia ada
Agensi yang bekerjasama	Jabatan Tanah dan Survei	Kerajaan Negeri Sarawak	Jabatan Pengguna	Jawatankuasa Ruang Pejabat	Jabatan Pengguna

Sektor Pendidikan

INSTITUT KEMAHIRAN MARA BINTULU

Mesra Bomba dan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Bintulu

Program ini dianjurkan oleh Institut Kemahiran Mara (IKM) Bintulu dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Open University Malaysia (OUM), Bintulu Development Authority (BDA) dan Pejabat MARA Daerah (PMD) bertempat di Rh. Raymond Plen, Sg. Gelam, Sebauh pada tarikh 15 Februari 2020.

Program ini diadakan berlandaskan kluster khidmat masyarakat (teknikal), inovasi dan reka cipta, sukan dan rekreasi serta promosi institusi pendidikan MARA (IPMA) kepada komuniti rumah panjang. Program ini dianjurkan untuk mengasah bakat kepimpinan MPP dan memberikan kesedaran tentang keselamatan kebakaran kepada komuniti penduduk rumah panjang. Program ini dirasmikan oleh Ketua Balai Bomba Zon 5 Bintulu, Pgkb. II Tn. Unjar Lum. Turut hadir sama adalah Ts. Dr Haji Mohd Nawawi bin Omar, Pengarah IKM Bintulu, ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan penduduk setempat.

Antara aktiviti-aktiviti diadakan termasuk kerja-kerja pemasangan papan tanda rumah panjang, membersihkan kawasan sekeliling rumah dan longkang, memotong pokok di bahu

jalan dan menebas rumput. Bagi kluster inovasi dan reka cipta, IKM Bintulu menyalurkan sumbangan projek inovasi EzyHusk untuk keperluan penduduk mengupas sabut buah kelapa. Projek ini dibangunkan oleh pelajar dan gimik perasmian bertajuk *Longhouse Fire Fighting System Powered by Solar Energy*. Bagi kluster sukan dan rekreasi, senamrobiik dikendalikan oleh pihak BDA. Manakala pertandingan memancing udang dianjurkan oleh barisan MPP. Seterusnya, pihak Bomba pula menganjurkan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, taklimat keselamatan kebakaran, membuat demonstrasi pemadam api dapur dan cara penggunaan alat pemadam api (APA).

Program ini telah memberikan impak yang tinggi kepada komuniti setempat dari segi kesedaran pendidikan dan teknologi, kebersihan kawasan rumah dan keselamatan kebakaran.

Program ini turut disiarkan di RTM1 pada 17 Februari 2020 dalam rancangan Berita Pagi Sarawak dan dipaparkan pada surat khabar Sin Chew dan Suara Sarawak.

1. RTM1 – Berita Pagi Sarawak
https://m.youtube.com/watch?v=DaYyET8_WqM&feature=youtu.be
2. Akhbar Suara Sarawak
<https://suarasarawak.my/2020/02/22/program-mesra-bomba-dan-kepimpinan-mpp-ikm-bintulu-bersama-komuniti-rumah-raymond-plen/>



Program dan aktiviti yang dijalankan di Rumah Raymond Plen, Sungai Galam, Sebauh



Pertandingan Inovasi IPITEX 2020 di Bangkok, Thailand

Institut Kemahiran Mara Bintulu telah beroleh kejayaan buat julung kalinya dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa pada 2 hingga 6 Februari 2020 dengan membawa pulang dua pingat perak dalam pertandingan *Thailand Inventor's Day 2020 and Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX)* di Bangkok, Thailand. Tajuk projek inovasi yang dipertandingkan ialah *Pyrolysis: From Plastic Waste to Petroleum Product and Adjustable Welders Arm Support (AWAS)*.

Projek *Pyrolysis* merupakan proses memecahkan rantai polimer ke dalam sebatian yang lebih mudah melalui proses pemanasan atau pembakaran tanpa kehadiran oksigen. Sisa plastik diuraikan dan ditukar menjadi bahan bakar dalam bentuk cecair melalui proses Pyrolysis. Manakala, projek AWAS merupakan produk teknologi bantuan yang membantu pengimal untuk membuat lengan mereka tetap berada pada kedudukan yang sama. Selain itu, kedudukan dan sudut lengan dapat diselaraskan mengikut keselesaan pengguna. Kelebihan alat ini adalah untuk kebaikan otot, sendi dan fungsi sistem motor pengguna.

Kejayaan ini telah membanggakan IKM Bintulu dan mengharumkan organisasi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dipersada dunia. Hal ini membuktikan bahawa pelajar IKM Bintulu mampu bersaing dengan negara luar yang maju dalam bidang teknologi, berkeupayaan untuk

menjana idea dan mencipta inovasi yang bertaraf antarabangsa.

Projek ini telah mencapai objektif dengan memberikan impak yang tinggi kepada organisasi dengan mengekalkan kemampanan alam sekitar dan memudahkan para pekerja kimpalan dalam melaksanakan kerja-kerja kimpalan.

Laman sesawang:

1. *MARA Skills Institute Wins Silver Medals in Bangkok*
The Borneo Post & See Hua Daily News
2. *Pyrolysis from Plastic Waste to Petroleum Product*
<https://www.youtube.com/watch?v=rXxQQprhbw>
3. *Adjustable Welders Arm Support (AWAS)*
<https://www.youtube.com/watch?v=MTvHCqtYdU4>
4. *eBerita Pendidik*
<http://online.anyflip.com/dlvzw/mirw/mobile/index.html>

Lawatan Sambil Belajar dan Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar dan Pelajar Tahun Akhir ke Kuantan, Pahang

Lawatan Sambil Belajar dan Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pelajar Tahun Akhir (PTA) IKM Bintulu ke Kuantan, Pahang merupakan program 2 dalam 1 yang telah diadakan pada 11 hingga 15 Mac 2020. Seramai lima orang peserta yang terlibat terdiri daripada dua orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar IKM Bintulu, iaitu Jeremy Telajan Jana dan Nurul Fathihah Noriza binti Zahfri dan 2 orang pelajar Projek Tahun

Akhir daripada Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Petroleum (Operasi Loji), iaitu Wan Mohd Syafiq bin Wan Tuah dan Hisyam bin Abdul Hamid serta seorang pensyarah pengiring, iaitu Encik Michael Anak Jangi.

Tujuan program ini diadakan untuk memberikan pendedahan dan mendapatkan *firsthand information* dalam pembangunan Projek Tahun Akhir yang bertajuk *Lube Oil Film Evaporator Molecular Distillation* bagi program Lawatan Sambil Belajar PTA ke industri Greenverse Sdn. Bhd., MNR Multitech Sdn. Bhd., Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), UMP dan Boulevard Motor (Toyota) Sdn. Bhd.

Manakala, program Kunjungan Hormat MPP bertujuan memberi pendedahan dan *exchange knowledge and skills* kepada MPP mengenai cara kerja dan persekitaran MPP di UMP Kampus Pekan, UMP Kampus Gambang, IKM TSYA dan KKT M Kuantan. Melalui pertukaran idea dan pendapat ini secara tidak langsung dapat diperaktikkan dan diamalkan di IKM Bintulu untuk menjadikan pengurusan MPP IKM Bintulu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan pengurusan MPP di institusi lain.

Lawatan ini telah memberikan impak yang tinggi kepada barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pelajar Projek Tahun Akhir (PTA) dengan mengaplikasikan perkara yang telah dipelajari daripada pelbagai agensi di Kuantan, Pahang kepada IKM Bintulu.



INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

Graduan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) merupakan sebuah pusat pengajian akademik dan kemahiran dalam bidang pengajian Islam berperanan melahirkan modal insan yang berketrampilan sebagai pendakwah selaras dengan keperluan masyarakat setempat khususnya di Sarawak. Pada 3 Ogos 1994 pertemuan tidak rasmi menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura kali ke-5 di Pulau Langkawi, Kedah telah bersetuju menubuhkan sebuah pesantren ASEAN.

Pada 21 September 1994, mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju menubuhkan pesantren ASEAN dan dipersetujui pembinaannya di negeri Sarawak dengan dinamakan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS). IKMAS dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak.

Sepanjang 20 tahun di negeri Sarawak, IKMAS telah memenuhi keperluan guna tenaga dalam sektor agama seperti imam, bilal, guru KAFA, guru takmir, pendakwah, penggerak masyarakat dan kakitangan awam institusi awam dan swasta. Sehingga kini jumlah keseluruhan graduan sepanjang tempoh ini adalah seramai 1131 orang. Jadual graduasi IKMAS mengikut sesi pengajian adalah seperti yang berikut:

Bilangan Pelajar Ikmas yang Telah Bergraduasi Diploma Pengajian Islam dan Dakwah dan Diploma Dakwah Islamiyyah

BIL.	TAHUN	DIPLOMA	BILANGAN		
			LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1.	2000/2003	DPI	18	30	48
2.	2001/2004	DPI	17	21	38
3.	2002/2005	DPI	23	28	51
4.	2003/2006	DPI	12	17	29
5.	2004/2007	DPI	11	27	38
6.	2005/2008	DPI	22	26	48
7.	2006/2009	DPI	13	17	30
8.	2007/2010	DPI	18	23	41
9.	2008/2011	DPI	23	52	75
10.	2009/2012	DPI	32	48	80
11.	2010/2013	DPI	34	43	77
12.	2011/2014	DPI	37	42	79
13.	2012/2015	DPI	42	49	91
14.	2013/2016	DPI	37	57	94
15.	2014/2017	DPI	56	40	96
16.	2015/2018	DPI	48	67	115
17.	2016/2019	DPI	1	1	
		DDI	25	25	52
18.	2017/2020	DPI	1	-	
		DDI	18	30	49
Jumlah Keseluruhan			488	643	1131



Graduan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

Kursus Kepada Penjawat Awam/Swasta dan Masyarakat Awam

Jabatan Pembangunan Insan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kampus 2 juga menawarkan kursus kepada jabatan dan agensi persekutuan, negeri, NGO dan masyarakat awam di seluruh negeri Sarawak.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 17 kursus telah dijalankan dengan jumlah peserta sebanyak 913 orang membatikan penjawat awam 782 orang, pemimpin masyarakat 42 orang dan pelajar 89 orang. Berikut merupakan ringkasan jadual kursus yang telah dianjurkan pada tahun 2020.

BIL.	BIDANG KURSUS	JUMLAH KURSUS	PESERTA				JUMLAH
			Penjawat Awam	Masyarakat Awam	Swasta/ NGO	Pelajar	
	Dakwah	15	714	42	-	89	845
	Multimedia	2	68	-	-	-	68
	JUMLAH	17	782	42	-	89	913



Peserta kursus di Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Kampus 2

INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN SARAWAK

Institut Aminuddin Baki (IAB) adalah sebuah institusi latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan bagi membangunkan keupayaan pemimpin dan bakal pemimpin pendidikan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Bermula tahun 2018, IAB telah diamanahkan oleh KPM untuk melaksanakan semua program yang melibatkan latihan, konsultasi dan pembangunan organisasi sekolah, penyelidikan, serta mengukuhkan jaringan dan kolaboratif dengan pihak luar. Bagi meningkatkan kualiti kepimpinan pendidikan di Negeri Sarawak, IAB Cawangan Sarawak telah memberikan latihan pembangunan terhadap pemimpin dan bakal pemimpin utama sekolah dan pemimpin peringkat pertengahan bagi memastikan mereka terus kompeten dalam menerajui pendidikan di sekolah seperti yang telah dihasratkan dalam anjakan kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2035.

Institut Aminuddin Baki Cawangan Sarawak mula beroperasi pada 27 Disember 2005 dan menggunakan kemudahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Maong, Kuching. Pada 9 November 2013, IAB Cawangan Sarawak telah berpindah ke kampus tetapnya yang terletak di KM27 Jalan Sultan Tengah, Santubong. Terdapat banyak program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh IAB Cawangan

Sarawak sepanjang tahun 2020 bagi memastikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan tetap dilaksanakan dengan sebaiknya walaupun seluruh negara telah dilanda oleh wabak pandemik Covid-19. Antaranya ialah Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL), Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML) dan kursus konsultasi dan perundingan pemimpin pendidikan yang merupakan program utama yang dijalankan.



Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)

Pelaksanaan program NPQEL adalah bertujuan membangunkan pemimpin pelapis iaitu Pengetua dan Guru Besar (PGB) yang cekap dan kompeten melalui satu program latihan yang membawa perubahan kepada tahap pengetahuan, kefahaman kemahiran peserta serta keupayaan peserta menjalankan tugas pengurusan dan kepimpinan sekolah. Pada tahun 2020, terdapat dua ambilan peserta telah dilaksanakan iaitu ambilan pertama yang telah bermula pada bulan Februari 2020 melibatkan peserta program seramai 76 orang

dan para peserta telah tamat kursus pada bulan November 2020. Manakala ambilan kedua bagi tahun 2020 telah melibatkan seramai 83 orang peserta dan peserta tersebut akan menamatkan kursus pada bulan April 2021. Walaupun pandemik Covid-19 telah menular ke seluruh negara pada awal tahun 2020, program NPQEL tetap diteruskan dan peserta berjaya mengikuti program yang telah dirancang melalui medium dalam talian.



Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML)

Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (LCML) merupakan satu program yang dirangka dan dilaksanakan khusus bagi golongan pemimpin pertengahan di sekolah menengah dan sekolah rendah seluruh Malaysia. Kursus LCML dijalankan untuk membangunkan kompetensi kepimpinan pegawai daripada lapisan pertengahan yang terdiri daripada Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) atau Ketua Bidang (KB) di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Ketua Panita (KP) di Sekolah Kebangsaan. Kursus LCML bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin pertengahan dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan melalui peranannya dalam mensintesikan maklumat, menjuarai alternatif, melaksana strategi dan memudah cara penyesuaian berdasarkan tiga tema utama modul kursus iaitu mengurus kendiri, mengurus tugas utama dan mengurus pasukan. Terdapat tiga ambilan kursus LCML telah dilaksanakan bagi tahun 2020 yang melibatkan 90 orang peserta terdiri dari Bahagian Sarikei, Mukah dan Bintulu. Setiap bahagian diwakili oleh 30 orang peserta dan kursus telah berlangsung pada 3 hingga 8 Ogos di Bahagian Sarikei, 24 hingga 28 Ogos di Bahagian Mukah dan 7 hingga 11 September di Bahagian Bintulu.



Kursus Konsultasi dan Perundingan Pemimpin Pendidikan


Kursus konsultasi dan perundingan merupakan program kemahiran konsultasi dan runding cara kepada pemimpin pendidikan untuk membangunkan organisasi pendidikan. Para pemimpin pendidikan akan dibimbing dalam melaksanakan konsultasi terhadap keberkesanan program kelestarian kecemerlangan di organisasi pendidikan. Pada tahun 2020, pihak IAB Cawangan Sarawak telah melaksanakan beberapa kursus konsultasi dan perundingan dengan beberapa organisasi seperti Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan input latihan kepimpinan pendidikan.



INSTITUT KEMAHIRAN MARA KUCHING

1. Senarai Program dan pelajar yang bergraduat bagi tahun 2020

Program	Bilangan Pelajar
Diploma Kompetensi Elektrik (Pendawai Pw4)	17
Diploma Teknologi Automotif (4Wd)	22
Diploma Teknologi Automotif (4Wd)	19
Sijil Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)	18
Sijil Teknologi Kejuruteraan Marin	41
Sijil Teknologi Kimpalan	20
Jumlah Graduan	137



2. Status kebolehpasaran pelajar pada tahun 2020 adalah sebanyak 90.2%.
3. Program Separuh Masa Elektrik (PSME)

Peserta-peserta merupakan kakitangan agensi, syarikat, kontraktor serta perseorangan yang hendak mendapatkan Sijil Kompeten yang diiktiraf.

Tajuk	Program	Jumlah Peserta	Sijil Kompeten Diiktiraf
Program Separuh Masa Elektrik	WIREMAN G2 -Single Phase Wiring	11	Electrical Inspectorate Unit (EIU)
	WIREMAN G1-Single and Three Phase Wiring	8	
	CHARGEMAN L1-Main switch board and auxiliaries	20	
	CHARGEMAN L2-Overhead lines and auxiliaries	16	
	EIC- Electrical Installation Contractor	10	
	ATT- Authorised To Test	15	
	Jumlah	80	



4. Program Khidmat Masyarakat (CSR) 2020.

a. Kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching

Pihak kakitangan IKM Kuching telah bergotong-royong membuat serta menyiapkan *Face Shield* bagi kegunaan barisan hadapan (*Frontliners*). Sebanyak 450 keping *Face Shield* berjaya disiapkan dan penyerahan dibuat kepada Ketua Bahagian Pejabat Kesihatan Kuching pada bulan April 2020.



b. *Charity Ride* ke Kabong, Betong pada 29 hingga 31 Ogos 2020

Seramai 7 orang kakitangan IKM Kuching telah menyertai kembara bermotorsikal ke Kabong Sarawak bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia. Tujuan kembara tersebut ialah untuk menyampaikan sumbangan kepada penduduk kampung yang kurang berkemampuan. Sumbangan yang disampaikan seperti beras, tepung, minyak masak dan sebagainya. Dana sumbangan ini merupakan sumbangan daripada kakitangan IKM Kuching.



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN ABDUL RAZAK

Pembudayaan Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2020, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) telah berjaya mensasarkan 100% warganya menghasilkan inovasi. Kejayaan ini telah dijelmakan dalam Konvensyen Penyelidikan, Inovasi dan Kreativiti 2020 (PIK 2020) yang telah berlangsung pada 8 hingga 10 September 2020 secara maya dan fizikal anjuran IPGKTAR.

Kemuncak kepada konvensyen ini telah menyaksikan sebanyak 10 buah inovasi dihasilkan oleh Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), 22 buah inovasi dihasilkan oleh staf akademik dan 73 inovasi dihasilkan oleh pelajar IPGKTAR. Peserta juga berjaya membawa pulang 15 anugerah Platinum, 24 anugerah Emas, 28 anugerah Perak dan 14 anugerah Gangsa. Program ini telah dimulakan dengan memberi pendedahan tentang *Design Thinking* kepada semua staf akademik dan AKP, iaitu sebanyak tiga siri bengkel untuk AKP dan empat siri bengkel untuk staf akademik. Majlis penutupan konvensyen telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Sains dan Teknologi Penyelidikan Sarawak, Datuk Amar Michael Manyin Anak Jawong. Hasil pembudayaan inovasi di IPGKTAR turut diperlihat melalui kejayaan yang telah dikecapi pada peringkat kebangsaan. Antaranya ialah Tempat Pertama Anugerah Inovasi Terbaik Keseluruhan dalam Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020 pada 26 hingga 28 Oktober 2020; dua buah Anugerah Pingat Perak untuk kategori gabungan, Anugerah Pingat Perak untuk kategori pensyarah, Naib Johan dan Tempat Ketiga Anugerah Citra Penyelidikan IPGM kategori individu dan Naib Johan Anugerah Citra Ilmu IPGM dalam pertandingan Minda Inovasi Dinamik Institut Pendidikan Guru 2020 (MInD IPG 2020) yang telah diadakan pada 6 Oktober 2020. Pada 25 Jun 2020, kumpulan SAF daripada IPGKTAR juga telah menempa nama apabila berjaya mendapat Anugerah Emas dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTEX) 2020 Wilayah Tengah dan turut mendapat Anugerah Emas dalam *Regional Innovation Showcase Team*

Excellence (Ristex) Sarawak 2020 pada 18 September 2020. Pada Persidangan *Malaysian English Language Teacher Association (MELTA 2020)* yang telah diadakan pada 7 November 2020 pula, pelajar semester 8 dan dibimbing oleh pensyarah Jabatan Bahasa telah memenangi *Silver Award* untuk *MELTA Excellence in Research Award for Undergraduates Teacher Trainees*.



Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Ke Arah Pengiktirafan Eco-Campus

Pada 31 Januari 2020, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) telah menandatangi *Certificate Of Collaboration* dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak dalam Majlis Pelancaran Program Mesra Alam 2.0 bertempat di IPGKTAR. Majlis ini merupakan titik permulaan kerjasama dua hala dalam pelaksanaan program

kesedaran alam sekitar antara kedua pihak. Dalam majlis ini, pelancaran bermula dengan kempen *NoPolystyrene@IPGKTAR* sebagai usaha berterusan para pendidik menuju ke arah *No Single Use Plastic* pada masa akan datang demi menjaga kelestarian alam sekitar. Beberapa program dan aktiviti lain juga telah dilaksanakan untuk merealisasikan objektif ke arah pengiktirafan Eco-Campus. Antaranya ialah sesi bicara Pengenalan Kepada Program Eco-Campus, *Foundation for*

Environmental Education (FEE) pada 14 Ogos 2020 anjuran *FEE, World Wide Fund (WWF), Malaysia* dan aktiviti plogging dan gotong royong di Taman Rimba Sama Jaya, Tabuan Jaya pada 12 Februari 2020 anjuran Jabatan Sains IPGKTAR. IPGKTAR turut menyokong aktiviti anjuran JAS dalam memberi ucapan *World Environment Day (WED)* 2020 pada 20 Mei 2020. Pada 31 Oktober 2020 pula, pusat Sambutan Hari Alam Sekitar Negara juga diadakan di IPGKTAR yang mana ia memperlihatkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam pengajuran majlis dan aktiviti yang berkaitan seperti kempen pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik (*e-waste*); pertandingan bertemakan alam sekitar dan sebagainya. Pada akhir sambutan tersebut, dua orang pelajar IPGKTAR, iaitu Evand Anak Dunstan telah diumumkan sebagai Johan dan Franeisca Larissa Anak Minggu sebagai Naib Johan dalam Pertandingan Mencipta Video Alam Sekitar bersama-sama pelajar Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta Peringkat Negeri Sarawak yang telah diadakan pada 8 hingga 25 Oktober 2020. Johan telah membawa pulang sijil, dan wang tunai RM1500 dan naib Johan mendapat sijil dan wang tunai RM700. Perancangan berikutnya ialah *Youth Green X-Change (YGXC) Sarawak's Online Workshop: Empowering Youths – Effective and Sustainable Waste Management Solutions amidst Covid-19 Pandemic* pada 20 November 2020 (9.00 – 11.45 pagi, 4 orang pelajar *zoom meeting*) anjuran Trienekens Sdn. Bhd. dan NREB serta Pertandingan Video Pendek Alam Sekitar pada 15 Disember 2020 anjuran NREB dan Sarawak Energy.



INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK, MIRI

Penganjuran e-Seminar Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan 2020 Peringkat Kebangsaan

Persatuan Kebajikan dan Rekreasi Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, dengan bantuan Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI), Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) telah menganjurkan Seminar Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan Peringkat Kebangsaan 2020 (SPeDIP2020) dengan tema Penyelidikan dan Inovasi: Pemacu ke Era Pendidikan Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). SPeDIP2020 merupakan platform perkongsian amalan kajian yang dijalankan dan inovasi yang dihasilkan dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, pendidik dan juga bakal guru akan dapat didedahkan dengan pelbagai ilmu kajian dan inovasi. Penyertaan daripada guru pelatih, pensyarah IPG dan pendidik dalam perkhidmatan menjadikan SPeDIP2020 sebagai satu platform untuk mereka mengetahui suasana dan cabaran dalam dunia pendidikan yang semakin berkembang maju selaras dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bagi meningkatkan keperibadian intelektual murid selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan SPeDIP2020 kepada e-SPeDIP2020 ekoran pandemik COVID-19. Sambutan penyertaan sangat baik di mana pihak pengajur telah menerima sebanyak 73 penyertaan dalam pertandingan inovasi pendidikan dan 61 kertas pembentangan lisan. 5 kategori inovasi yang dipertandingkan dan e-SPeDIP2020 telah berjaya menarik minat seramai 530 orang peserta seluruh negara.



Anugerah Emas Pasukan Inovasi SK Kampung Igan dengan Inovasi bertajuk Kit "SIM" 4GraJa



Ucap Utama 1 oleh Encik Jamirah bin Salam, Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dengan tajuk Education Development for Society 5.0

Penyertaan Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS), sebagai sebuah institusi pendidikan guru di utara Sarawak komited terhadap pembangunan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan. Usaha ini selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang komited terhadap kualiti pendidikan negara. Justeru, IPGKS telah menjalankan kajian dan menyertai beberapa pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2020.

Inovasi EzMath@IPGKS4.0 telah mendapat Anugerah Emas dalam pertandingan *International Invention, Innovation and Design Competition 2020* (3iDC 2020) secara dalam talian pada 31 Ogos 2020 anjuran Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. Selepas beberapa penambahbaikan inovasi tersebut, EzMath@IPGKS4.1 pula telah dihantar menyertai pertandingan MLnD INOVASI di Minda Inovasi Dinamik Institut Pendidikan Guru (MInD IPG) 2020 secara maya, pada 6 Oktober 2020 anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar. Inovasi EzMath@IPGKS4.1 telah mendapat Anugerah Gangsa.

Inovasi *Match It, Get The Light1.0* juga telah dipertandingkan di peringkat kebangsaan dalam Pertandingan Inovasi di e-Seminar Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan 2020 (e-SPeDIP2020) Peringkat Kebangsaan secara dalam talian pada 24 hingga 25 Jun 2020 anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) dan Persatuan Kebajikan Sosial dan Rekreasi (PKSR), IPGKS dan telah mendapat Anugerah Emas dalam Kategori A (IPTA /IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/Tingkatan 6/JPN/PPD/ SISC+/ SIP).

Inovasi Shapepod juga mendapat Anugerah Emas dalam Kategori A (IPTA/IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/Tingkatan 6/JPN/PPD/SISC+/ SIP) dalam Pertandingan Inovasi di e-Seminar Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan 2020 (e-SPeDIP2020) Peringkat Kebangsaan.

Inovasi VLoG Classroom1.0 juga telah mendapat Anugerah Emas dalam Kategori A (IPTA/IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/Tingkatan 6/JPN/ PPD/SISC+/SIP) dalam Pertandingan Inovasi di e-Seminar Penyelidikan dan

Inovasi dalam Pendidikan 2020 (e-SPeDIP2020) Peringkat Kebangsaan secara online, pada 24 hingga 25 Jun 2020 anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak (IPGKS) dan Persatuan Kebajikan Sosial Dan Rekreasi (PKSR), IPGKS.

Inovasi *My m-Learning Station* telah menyertai pertandingan MInD INOVASI di Minda Inovasi Dinamik Institut Pendidikan Guru (MInD IPG) 2020 secara dalam talian pada 6 Oktober 2020 anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar dan mendapat Anugerah Gangsa.



Sijil Anugerah Emas dalam pertandingan *International Invention, Innovation and design Competition 2020* (3iDC)

JEMAAH NAZIR NEGERI SARAWAK

Jemaah Nazir Negeri Sarawak (JNNS) bersama-sama Jemaah Nazir Cawangan Sibu dan Jemaah Nazir Cawangan Miri telah melaksanakan pemeriksaan di beberapa buah sekolah di Sarawak. Sepanjang tahun 2020, hanya empat pemeriksaan sahaja berjaya dilaksanakan akibat kekangan pandemik Covid-19. Pemeriksaan yang pertama ialah Pemeriksaan Hari Pertama Persekolahan yang telah dilaksanakan pada 2 Januari 2020 di 13 buah sekolah di seluruh Sarawak.



Pengawal Keselamatan mengawal lalu lintas



Murid berhimpun di tapak perhimpunan

Pemeriksaan Pengurusan Prasekolah ke Arah Pembentukan Akhlak Murid telah diadakan pada 4 hingga 5 Mac 2020 di SK Sampun Tebun. Pemeriksaan seterusnya ialah Pemeriksaan Penarafan Kokurikulum Tingkatan 6 yang dilaksanakan pada 22 September hingga 2 Oktober 2020. Pemeriksaan tersebut meliputi lima buah sekolah di Miri, Sibu, Saratok, Samarahan dan Bau.

Pemeriksaan yang terakhir ialah Pemeriksaan Sekolah Seni Malaysia Sarawak yang dilaksanakan pada 5 hingga 9 Oktober 2020. JNNS mengamalkan Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan telah mendapat sijil cemerlang dua kali berturut-turut. Visi EKSA JNNS ialah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang melalui persekitaran kerja yang kondusif dan ceria untuk keselesaan warga dan pelanggan, serta meningkatkan disiplin kerja yang cemerlang dan berterusan.



KOLEJ KOMUNITI MAS GADING

Kolej Komuniti Mas Gading ditubuhkan untuk memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir. Bagi golongan setempat pula, kolej ini berperanan memberi pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus pendek yang ditawarkan. Lulusan Kolej Komuniti berpeluang untuk mengisi keperluan tenaga kerja industri dalam bidang-bidang kemahiran yang berkaitan atau membuka perniagaan sendiri.



Pencapaian Pelajar Tahun 2020

Selain penglibatan pelajar di dalam kolej, pelajar KKM G juga turut terlibat dalam aktiviti luar yang dianjurkan oleh pelbagai agensi dan juga kolej komuniti lain di seluruh negara. Antara pencapaian luar pelajar KKM G adalah mengikuti Pertandingan Fotografi Sempena Hari Malaysia 2020 bertemakan "Uniknya Malaysia" anjuran Kolej Komuniti Jasin, Melaka pada 15 September 2020. Tempat pertama dimenangi oleh Nur Aini Nisrina binti Ismail dari Kolej Komuniti Mas Gading manakala tempat kedua ialah Saifulrahman bin Salinderi dari Kolej Komuniti Tawau. Tempat ketiga pula telah dimenangi oleh Muhamad Fikri bin Kamaruzaman dari Kolej Komuniti Kuantan.

Selain daripada itu juga pelajar KKM G telah menyertai Borneo Islamic Arts Festival – Tulisan Khart Tahun 2020 dan telah memenangi Naib Johan dalam pertandingan tersebut.





Pencapaian Aktiviti Luar

Selain aktiviti pembelajaran, KKMG banyak melakukan aktiviti luar bersama-sama agensi kerajaan, badan berkanun dan juga badan bukan kerajaan (*NGO*) bagi kerjasama dan rakan strategik. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2020 ialah menandatangani Nota Kerjasama dengan Sekolah Menengah Teknik Sejtingkat (SMTS) pada 8 Oktober 2020.

Nota Kerjasama tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah Kolej Komuniti Mas Gading (KKMG), Puan Nor Dalila binti Abdul Rahman dan Pengetua Sekolah Menengah Teknik Sejtingkat (SMTS), Encik Mohamad Shariff bin Mat Saad yang turut disaksikan oleh Dato' Ir. Janang Bongsu yang menjadi tetamu khas dalam majlis bersejarah tersebut.

Kolaborasi dan kerjasama ini adalah dalam bentuk perancangan, pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan dan kemahiran yang bersesuaian dengan kedua-dua belah pihak. Ini termasuklah dalam penggunaan dan perkongsian kemudahan dalam mana-mana bidang yang bermanfaat. Hasil daripada kolaborasi strategik ini, tiga kursus pendek telah dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Mas Gading bersama warga pendidik, kakitangan dan pelajar-pelajar SMT Sejtingkat iaitu Kursus *Microsoft Excel*, Kursus Penghasilan Aneka *Cheese Tart* dan Kursus Penghasilan Kerusi dan Meja Beraskan Simen Fero.



Nota Kerjasama selesai ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak

KOLEJ KOMUNITI MIRI

Kolej Komuniti Miri Prihatin dalam Membantu Golongan Terkesan Wabak Covid-19

Kolej Komuniti Miri turut menggembungkan tenaga dan memberi sumbangan dalam menangani kesan wabak Covid-19, terutamanya di bahagian Miri. Pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan telah disampaikan kepada golongan yang terkesan sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020.

Antara inisiatif yang telah diambil oleh Kolej Komuniti Miri adalah dengan menyampaikan sumbangan dalam bentuk bahan makanan asas serta cecair pembasmi kuman yang telah disampaikan kepada petugas Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) pada 8 April 2020.

Selain itu, bantuan kewangan dan makanan asas juga disampaikan kepada semua pelajar Kolej Komuniti Miri yang terkandas di bandar Miri yang turut disumbangkan oleh kakitangan Kolej Komuniti Miri serta Persatuan Alumni Kolej Komuniti Miri. Bantuan oleh Persatuan Alumni Kolej Komuniti Miri telah disampaikan oleh Pengurus Persatuan Alumni Kolej Komuniti Miri, saudara Michael Anak Sabing kepada Encik Hazatta bin Morshidi, Pengarah Kolej Komuniti Miri pada 6 April 2020.

Selain sumbangan dalam bentuk kewangan, bahan makanan asas serta cecair pembasmi

kuman, Kolej Komuniti Miri turut bekerjasama dengan pihak #Sew4FrontLiners dan i-IKRAM Cawangan Miri menyediakan PPE kepada barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia. Projek jahitan PPE ini telah berlangsung di Bilik Jahitan Kolej Komuniti Miri dan dijayakan oleh para suri rumah dan pengusaha butik jahitan sekitar daerah Miri. Projek jahitan PPE ini telah mendapat sumbangan daripada Syarikat Fibretex Sdn. Bhd dan disokong oleh YB Dato Sebastian Ting Chew Yew, Ahli Dewan Undangan Negeri N.73 Piasau.

Sebagai menghargai para petugas barisan hadapan, pelajar Kolej Komuniti Miri turut mengadakan program KKMS Give Back. Para pelajar telah mengambil inisiatif untuk menyediakan sendiri sebanyak 50 balang biskut yang telah disampaikan kepada Dr. Maurice Steve Utap, Pengarah Klinik Kesihatan Tudan Miri pada 13 November 2020.



Projek PPE

Program Intervensi Krisis Pasca Covid-19 Peringkat Kebangsaan

Program ini merupakan anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan dikelolakan oleh Kolej Komuniti Miri. Seramai 60 orang peserta telah menyertai program ini yang mewakili Kolej Komuniti Miri, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Santubong, Kolej Komuniti Sarikei dan Kolej Komuniti Cawangan Sibu. Program ini telah diadakan pada 3 Oktober 2020 di Dewan Kompleks Islam, Miri dan dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Rosey Binti Haji Yunus, Menteri Muda Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak.

Objektif utama program adalah untuk:

- Memberi pemahaman tentang pengurusan melalui kawalan kendiri.
- Meningkatkan kemahiran interpersonal dalam kalangan peserta.
- Mengaplikasikan kemahiran dan ilmu yang dipelajari semasa program.

Pandemik Covid-19 mencetuskan pelbagai bentuk emosi dalam kalangan masyarakat seperti keperluan kemahiran masa hadapan dan cabaran persekitaran serta cara adaptasi. Kesemua itu menyebabkan individu mengalami konflik, stres dan akhirnya menjelaskan tahap kesihatan. Oleh yang demikian kesejahteraan emosi perlu diberi penekanan terutamanya kawalan kendiri. Ia mampu menyediakan dan memperkasa mental setiap individu bagi menghadapi sebarang andaian psikologi pasca Covid-19.

Sehubungan itu, Program Intervensi Krisis (PINK) diharapkan dapat membantu pelajar untuk mengurus emosi, pemikiran dan tingkah laku dengan lebih berkesan. Ini merupakan langkah pencegahan awal untuk pelajar Kolej Komuniti di Malaysia yang majoritinya adalah remaja dan mereka juga antara golongan yang terkesan akibat pandemik ini.



Program Intervensi Krisis (PINK)

KOLEJ KOMUNITI SARIKEI

BriSK YES! We Care We Love

Pada 7 hingga 8 Mac 2020, Kolej Komuniti Sarikei (KKS), Sarawak dan Politeknik Muadzam Shah (PMS), Pahang telah menganjurkan sebuah program berbentuk kesukarelawanan yang bertemakan *BriSK, YES! We Care We Love* bertempat di Rh. Simanggang Anak Mijih, Sg. Sibadan, Nyelong, Sarikei. Program ini turut mendapat kerjasama daripada pihak Bank Rakyat Cawangan Sarikei. Seramai 75 orang pelajar yang terdiri daripada sukarelawan Briged Sukarelawan Kolej Komuniti (BriSK) KKS dan Yayasan Sukarelawan Siswa Politeknik (YES) PMS telah menyertai program ini. Objektif program adalah untuk memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar, membudayakan masyarakat penyayang yang bertanggungjawab dan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah kerja gotong-royong membersih halaman dan kawasan sekitar rumah panjang yang terdiri daripada 10 buah pintu bilik dan melukis mural bagi menceriakan kawasan ruai rumah panjang. Selain itu, aktiviti lain adalah penyampaian sumbangan panel lampu solar oleh pihak Bank Rakyat Cawangan Sarikei dan penyampaian sumbangan pakaian kepada penduduk rumah panjang oleh pihak PMS. Aktiviti lain adalah

sukaneka bersama kanak-kanak di rumah panjang dan aktiviti interaksi budaya. Aktiviti interaksi budaya bertujuan mendedahkan budaya masyarakat Iban khususnya mereka yang masih mendiami rumah panjang. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Rosilawati binti Mohd Rasol, Pengarah Kolej Komuniti Sarikei.



Aktiviti yang dilaksanakan dalam program kesukarelawan di Rh. Simanggang Anak Mijih, Sg. Sibadan, Nyelong, Sarikei

Kempen Derma Darah Siri 1 dan Siri 2

Pelaksanaan kempen derma darah telah dijadikan KPI bagi KKS sekurang-kurangnya sekali setahun dan merupakan sebuah program kerjasama dengan Unit Tabung Darah, Hospital Sarikei. Bagi tahun 2020 kempen ini telah diadakan pada 11 Januari 2020 dan 24 Oktober 2020 bertempat di Dewan Serbaguna KKS. Kempen ini bukan terhad kepada pelajar dan warga KKS sahaja malah turut mendapatsambutan daripada orang awam. Objektif program adalah bagi mewujudkan hubungan baik dengan agensi kerajaan terutamanya pihak hospital dan membudayakan aktiviti menderma darah dalam kalangan warga KKS.



MAKTAB RENDAH SAINS MARA BETONG, SARAWAK

Kejohanan Olahraga dan Balapan

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Betong telah mengadakan Kejohanan Olahraga dan Balapan MRSM Betong pada 2 Mac 2020. Program yang diselaraskan oleh Encik Mohd Hafizh bin Zainal (guru Pendidikan Jasmani) ini berlangsung di padang Kolej Vokasional Betong.

Program tersebut bermula pada pukul 7.00 pagi dan berakhir pada pukul 5.30 petang. Program rasmi tahunan ini melibatkan penyertaan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Pelajar-pelajar dibahagikan kepada empat buah rumah sukan, iaitu rumah merah, rumah biru, rumah kuning dan rumah hijau.

Pelbagai acara olahraga dan balapan telah dipertandingkan seperti larian pecut 100m, larian jarak sederhana 1500m, lari berganti-ganti, lompat tinggi, lompat jauh, lontar peluru dan merejam lembing.

Penganjuran Kejohanan Olahraga dan Balapan ini sangat memberi manfaat kepada organisasi dari segi pemupukan amalan gaya hidup sihat selain mencungkil bakat dan potensi pelajar dalam bidang olahraga dan balapan.



E-Nnovate Poland (Virtual Innovation Fair)

Maktab Rendah Sains Mara Betong telah menyertai satu program inovasi berteraskan sains dan teknologi secara dalam talian. Pertandingan yang bertaraf antarabangsa ini dinamakan *E-nnovate Poland (Virtual Innovation Fair)* yang dianjurkan oleh PAJAN, Poland/Innovative Business Solutions. Pertandingan ini telah diadakan pada 26 Jun 2020. MRSM Betong menerusi kumpulan inovasi tersebut tampil dengan projek inovasi yang bertajuk *Acid-Base pH indicator Using Black rice (*Oryza Sativa L*) waste water*. Muhammad Mizwar bin Mukhlis (guru Biologi)

menjadi pembimbing bagi projek ini. Empat orang pelajar tingkatan 4 iaitu Asmaul Afif bin Morny, Muhammad Azrin Fahmi bin Azri, Mohamad Nadsreen bin Abang Adrus dan Muhammad Najmi Fitri bin Norizam telah bekerjasama menghasilkan projek inovasi tersebut. Pihak pengajur telah mengiktiraf projek ini sehingga mencapai tahap pingat emas. Sesungguhnya kejayaan ini begitu manis buat warga MRSM Betong sekali gus membuktikan bahawa pelajar-pelajar MRSM Betong memiliki potensi dan bakat yang besar dalam bidang sains dan teknologi.



MAKTAB RENDAH SAINS MARA MUKAH, SARAWAK

Pertandingan Lomba Puisi (Malaysia Brunei Indonesia)

Pencapaian:

Pemuisi Terbaik Peringkat Antarabangsa

Pelajar Tingkatan 4 Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Mukah, Edrick Vyner bin Lawrence Jaya, telah dipilih antara tiga terbaik pemuisi pada peringkat antarabangsa. Puisi beliau bertajuk "Pemabuk Puisi" dan "Banjar Baru" karya Siti Salmah menambat hati juri yang terdiri daripada Drs. A. Mahrufin, M. Si, Aan Setiawan dan Ridha Novrihati. Pelajar ini menerima wang tunai 1,500.000 rupiah daripada pengajur negara Indonesia.



Pertandingan *International Invention and Innovative Competition Series 2 (2020)* Anjuran MNNF Network

Pencapaian:

SILVER Award for Category C (School student)

Tahniah kepada Natalie Anak Joseph dengan projek bertajuk *Go-Pure: Metroxylon sagu as water purifier* dan Priscilla Belayau Anak Nicholas Apit dengan projek bertajuk *Sago Coal*.



Natalie Anak Joseph



Priscilla Belayau Anak Nicholas Apit

Program Bantuan Pendidikan Budi Mara di Maktab Rendah Sains Mara Mukah

BUDI-MARA merupakan satu program yang memberikan bantuan kepada pelajar dalam kalangan kumpulan B40 dalam bentuk pakaian, buku dan alat tulis, perbelanjaan harian dan tambang. Di samping itu, pelajar diberikan bantuan sepenuhnya seperti wang saku, wang caruman, dan yuran asas persekolahan. Program ini bertujuan meringankan kos sara hidup isi rumah dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah B40 kemiskinan bandar dan luar Bandar khusus di Sarawak. Aktiviti Program BUDI -MARA telah dibuat di Daro, Pulau Beruit, Sibu dan Kapit. Penyelaras Mohamad Fardi bin Samah, (Kaunselor MRSM Mukah) dan Muhammad Azri bin Abdul Aziz (Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar) dan Harizan bin Abdullah telah bersama-sama menyantuni keluarga yang terpilih.



Program Tuisyen Yayasan Pelajaran Mara (YPM) dengan Kerjasama Maktab Rendah Sains Mara Mukah, SMK Agama Igan dan SMK Oya

Program Tuisyen YPM 2020 bermula pada bulan September hingga Disember 2020. Pelaksanaan tuisyen pada tahun ini memfokuskan kepada pelajar SPM dari dua buah sekolah terlibat iaitu 50 orang pelajar SMK Oya, 50 orang pelajar SMK Agama Igan. Jumlah peserta yang terlibat ialah 100 orang dari sekolah di sekitar Mukah.

Pada 23 September 2020, taklimat oleh Penyelaras Program Tuisyen Harapan YPM SMK Agama Igan, Kertina Naim dan dirasmikan oleh Morsalin bin Pawi, Pengetua SMK Agama Igan. Manakala pada 11 September 2020, Majlis Pelancaran Program Tuisyen YPM di SMK Oya telah dirasmikan oleh Zuraida binti Zaidi, Pengetua MRSM Mukah. Penyelaras program ini ialah Mohamad Fardi bin Samah dan Muhammad Azri Abdul Aziz, Kaunselor MRSM Mukah.



POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Anugerah Emas Asia Pacific Accreditation and Certification Commission

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) baru-baru ini diumumkan antara 10 institusi pendidikan TVET terbaik yang menerima anugerah emas daripada Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC). Pengiktirafan ini dianugerahkan kepada PKS pada 2 April 2020 oleh APACC di bawah Colombo Plan Staff College (CPSC) yang berpangkalan di Manila, Filipina. PKS merupakan satu-satunya institusi TVET di Borneo yang telah mendapat akreditasi daripada APACC.

APACC diwujudkan sebagai sebuah badan di bawah CPSC yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan kualiti TVET, menyeragamkan kemahiran yang diajar di institusi TVET di rantau ini, dan membantu dalam mobility tenaga kerja yang lebih besar di Asia dan wilayah Pasifik. Akreditasi APACC memberikan impak positif kepada Politeknik Malaysia kerana telah menunjukkan peningkatan yang besar serta memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efisien kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain setelah pentaulahan.

PKS berjaya mencapai tahap yang membanggakan bagi kesemua tujuh kriteria yang diperlukan untuk mendapat akreditasi daripada APACC. Kriteria yang telah dipenuhi adalah *governance and management, teaching and learning, human resource, research and development, image and sustainability, other resources, and support to students*. Pengiktirafan ini juga meletakkan PKS sebagai salah sebuah institusi TVET yang berprestij di rantau Asia Pasific yang menyediakan kandungan pembelajaran, kemudahan pembelajaran dan tenaga pengajar yang setanding malah lebih baik dari institusi yang lain.

Pengiktirafan tersebut juga merupakan hasil usaha dan dedikasi semua warga PKS yang komited dalam menawarkan 13 program pengajian TVET yang setaraf di peringkat wilayah, khususnya di 17 buah negara di Asia Pasifik. Selain itu, kejayaan ini juga dibantu oleh 42 rakan industri PKS yang aktif

menjadi penasihat dan pembimbing program pengajian yang ditawarkan. Di samping itu, terdapat lebih 4,000 pemain industri dan agensi kerajaan yang sentiasa bekerjasama menyediakan tempat kepada pelajar menjalani latihan industri selama enam bulan. Melalui pengiktirafan tersebut, PKS diharapkan menjadi tumpuan pemain industri dalam mencari tenaga kerja. Kepentingan TVET sebagai jalan untuk meningkatkan penawaran modal insan dan kecekapan untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia.



POLITEKNIK MUKAH SARAWAK

Sepanjang tahun 2020 terdapat beberapa pencapaian dan aktiviti penting di Politeknik Mukah. Antaranya ialah *Borneo Innovation Festival 2020* yang berlangsung pada 20 hingga 21 Oktober 2020 bertempat di Politeknik Kuching secara *virtual presentation*. Peserta yang terlibat dalam festival tersebut ialah Puan Norhayati Abd. Wahab@Dul Ahad (penyelia) dan tiga orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam.

Peserta telah mendapat Naib Juara dan pingat gangsa. (*construction and material/built environment design and interior category*). Keputusan Rasmi *Borneo Innovation Festival 2020* adalah seperti yang berikut:

1. *Champion No. 1, Lot Management Systems*- Mohammad Fardillah bin Wahi, Noraziah binti Abu Bakar dan Khawarizmi Rafie bin Tahir (JMSK- staf)
2. *2nd Runner Up Speech Pro* - Mohamad Sobri bin Suhaili, Katherine Livan Kehing binti Abdullah, Yong Hua Ying dan Melor Md Yunus (JPA-staf)
3. *2nd Runner Up Fopro Table* - Fitri Liyana binti Abdul Salam, Amira Dayana binti Ramlee, Mohd Yazid bin Mohd Amin dan Norhayati binti Abd. Wahab@Dul Ahad (JKA- pelajar)

JENDELA 2020 SOROTAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK

4. *Champion No. 1 Portable Plasma Cutter Table* - Rahmat Nor bin Mohd Sharif, Marlina Binti Mohamad, Che Susilawati binti Che Berahim & Redza Izwan bin Abdul Rahman (JKM- Staf)
5. *Champion No. 1 Kerusi Roda Menggunakan Kawalan Tanpa Wayar* - Melvin anak China, Muhammad Azim Arfan bin Razali, Alvin Raphael Roger Supi dan Noranhairul Ariffin bin Abdullah (JKE-pelajar)



The image displays three separate award certificates from the Borneo Innovation Festival 2020, each listing project titles, institutions, and ranks. The certificates are for different categories: Kelas 3: ICT & Multimedia, Kelas 6: Pengajaran & Pembelajaran, and Kelas 4: Elektrik, Elektronik & Telekomunikasi. The certificates are presented on a computer monitor.

PROJECT TITLE	INSTITUTION	RANK
IoT Management Systems	Politeknik Mukah Sarawak	1
Mypaperwork Software	Kolej Komuniti Beaufort	2
Smart Solah Digital Signage (SSDS)	Kolej Komuniti Rompin	3

PROJECT TITLE	INSTITUTION	RANK
PORTABLE PLASMA CUTTER TABLE	POLITEKNIK MUKAH	1
HYBIRD DIGITAL TRAINER	POLITEKNIK MELAKA	2
SPEECH PRO	POLITEKNIK MUKAH	3

PROJECT TITLE	INSTITUTION	RANK
Kerusi Roda Menggunakan Kawalan Tanpa Wayar	Politeknik Mukah Sarawak	1
Vibrating Pillow With Gsm Based Fire Alarm System For Deaf People	Politeknik Kuching Sarawak	2
3C's Bin	Smk Deshon	3

A photograph showing two students, a girl and a boy, sitting at a table. The girl is wearing glasses and a red top, while the boy is wearing a grey shirt. They are both looking at a wooden geometric model on the table and a laptop screen. The boy is also holding a smartphone. There are papers and a notebook on the table.

Mercu Tanda Sebagai Lambang dan Daya Tarikan #Pmugemilang

Mercu Tanda PMU yang baharu telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Mukah, iaitu Encik Dullah bin Muluk. Mercu Tanda tersebut merupakan lambang kemegahan serta kegemilangan PMU.

Objektif meletakkan Mercu Tanda tersebut adalah sebagai satu tempat untuk para pelajar serta pengunjung untuk mengabadikan kenangan apabila mereka menjelaskan kaki ke PMU.

Mercu Tanda itu juga merupakan daya tarikan kepada warga PMU untuk beriadah di waktu petang sambil menanamkan satu semangat “Bangga sebagai warga PMU” dalam kalangan pelajar dan pensyarah PMU.

Mercu Tanda ini menggambarkan kejayaan dan pencapaian PMU melalui #pmugemilang di antara Politeknik yang lain dan menjadi medan utama untuk menyampaikan dan menyalurkan informasi selari dengan moto PMU sendiri, iaitu “IT Teras Entiti”.

Gotong-royong Perdana

Gotong-royong Perdana Surau Ibadu Ar-Rahman Politeknik Mukah yang dihadiri oleh lebih kurang 50 orang kakitangan PMU telah diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik Politeknik, Mohd Sani Said.

Gotong-royong tersebut bertujuan untuk menyediakan suasana yang ceria, selesa, bersih dan harmoni bagi keselesaan semua pihak semasa mengerjakan solat.



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

Kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak pada awalnya ditubuhkan sekitar tahun 1973 hingga 1974 di Batu Lintang, Kuching. Selaras dengan perkembangan pendidikan, UiTM Cawangan Sarawak kini terbahagi kepada tiga kampus iaitu Kampus Samarahan, Kampus Samarahan 2 dan Kampus Mukah. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang besar, sudah pasti banyak kejayaan telah dicapai. Pada tahun 2020 sahaja, terdapat banyak kejayaan dan aktiviti yang mengukuhkan reputasi UiTM Cawangan Sarawak sebagai institusi pendidikan yang berprestasi tinggi, walaupun terpaksa berdepan dengan cabaran pandemik Covid-19. Pencapaian yang telah diperoleh kebanyakannya hasil daripada kerjasama antara pihak UiTM dengan agensi lain seperti Integrated Regional Samarahan Development Agency (IRSDA) dan Professional Mutawwif Development.

Program Pengurusan Mutawwif yang Pertama

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak ialah institusi pendidikan pertama di Malaysia yang memperkenalkan program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah atau Diploma Mutawwif Professional and Muslim Tour Leader. Program ini dilaksanakan sebagai Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan akan menerima kemasukan pelajar yang pertama pada bulan Januari 2021. Pelaksanaan program ini telah dipersetujui secara rasmi pada 30 September 2020 melalui Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM Cawangan Sarawak dan Professional Mutawwif Development Sdn. Bhd. yang dihadiri sendiri oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali dan Pengarah Urusan Professional Mutawwif Development Sdn. Bhd, Ustaz Abd. Halim Ikhsan.

Program ini mengkhususkan kualiti dan keperluan dalam Industri Umrah dan Pelancongan Islam di Malaysia. Namun demikian, modul yang dirangka

jugalah melibatkan aspek pelancongan, pemasaran, pengurusan, perniagaan dan pembangunan sahsiah diri. Program ini bakal membuka prospek kerjaya yang luas kepada pelajarnya yang merangkumi Mutawwif Professional, Muslim Tour Leader (seluruh dunia), Pengurus Agensi Umrah dan Pelancongan dan juga tenaga pelajar.



Rakan Strategik untuk Menjalankan Projek di Bawah Pembangunan Pelancongan IRSDA

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak telah dilantik oleh Jawatankuasa Pemandu Integrated Regional Samarahan Development Agency (IRSDA) sebagai rakan strategik untuk menjalankan projek di bawah pembangunan pelancongan IRSDA. Projek ini melibatkan kajian lapangan dan sesi makmal bagi DUN di Bahagian Samarahan.

Susulan daripada itu, UiTM Cawangan Sarawak telah melaksanakan Kajian Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan Pelancongan di Bahagian Samarahan dan Current Market Analysis of Sarawak's Domestic Tourist pada 17 dan 18 Oktober 2020. Kajian ini melibatkan 8 DUN di Bahagian Samarahan iaitu Muara Tuang (N.16), Stakan (N.17), Asajaya (N.15), Sebuyau (N.27), Gedong (N.26), Simunjan (N.25), Balai Ringin (N.30) dan Sadong Jaya (N.24).

Kajian lapangan ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendapatkan maklumat-maklumat awal berkenaan produk pelancongan yang sedia ada dan berpotensi untuk diketengahkan bagi kawasan DUN yang berkaitan. Hasil kajian ini akan dikongsikan semasa sesi makmal yang dijangkakan akan dilaksanakan pada awal tahun 2021. Kajian lapangan ini melibatkan lebih kurang 4000 orang responden yang terdiri daripada komuniti setempat dan dijalankan dengan pematuhan penuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa

Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC).

Projek ini juga telah mendapat sokongan daripada Pejabat Residen Bahagian Samarahan serta kerjasama erat daripada Pejabat Daerah dan Pusat Khidmat ADUN bagi kawasan-kawasan yang terlibat. Komuniti setempat juga telah memberi komitmen dan maklum balas positif dalam menjayakan projek ini. Semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini berharap agar produk-produk pelancongan yang telah dicadangkan dapat diperkenalkan dan direalisasikan untuk memartabatkan Samarahan sebagai destinasi pelancongan pada masa akan datang.

Program pengajian Diploma Kemahiran Pengurusan Mutawwif Umrah dan Ziarah yang bakal menerima kemasukan yang pertama awal tahun 2021 diharapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kerjasama dengan IRSDA pula semoga dapat membuka peluang kepada sektor pelancongan di Samarahan dan dapat memberikan manfaat kepada penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan. Dengan dua kejayaan ini, UiTM Cawangan Sarawak telah membuktikan bahawa universiti ini adalah amat komited dan proaktif dalam usaha untuk menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang berprestij dan berkualiti tinggi.

**Kajian Lapangan
Pembangunan **PRODUK**
Pelancongan**
Bahagian
Samarahan

17 & 18 Oktober 2020

Integrated Regional Samarahan Development Agency (IRSDA)
Pejabat Residen Bahagian Samarahan
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

Persidangan Antarabangsa Antropologi Linguistik Asia 2020

Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu Sarawak telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Antropologi Linguistik Asia pada 5 hingga 8 Februari 2020 bertempat di Hotel Everly Parkcity, Bintulu. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah. Berteraskan tema “*Asian Text, Global Content*” persidangan ini telah menghimpunkan seramai 128 orang pembentang dari seluruh pelusuk dunia, iaitu Malaysia, India, Indonesia, Korea Selatan, Jepun, Austria, Filipina, Hong Kong, China, USA, Poland, Kazakhstan, Timor-Leste, Vietnam, Itali, Singapura, Pakistan, Mexico, Nepal dan Bangladesh.

Usaha UPM Kampus Bintulu Sarawak ini melalui penubuhan Kursi Penyelidikan Pehin Sri Adnan Satem telah berjaya menganjurkan beberapa persidangan di peringkat antarabangsa terutamanya dalam memperkenalkan tentang budayamasyarakatBorneo.Melalui penganjuran kedua ini,persidangan CALA 2020 bertujuan untuk menyuntik idea-idea segar terutamanya yang melibatkan kajian antropologi di Sarawak. Melalui persidangan ini, pelbagai kaedah serta usaha inovasi dan strategik telah dibentangkan terutamanya tentang kajian bahasa, budaya, sosiologi dan antropologi di rantau ini. Khazanah yang berharga ini pastinya akan hilang sekiranya tiada pihak yang mengambil berat dan akan pupus ditelan zaman. Berdasarkan sejarah catatan zaman Rajah Brooke, Sarawak memiliki lebih daripada 60 etnik. Namun sehingga kini berdasarkan Perangkaan Negeri Sarawak hanya terdapat 27 etnik sahaja yang masih wujud. Nisbah tersebut amat membimbangkan para pencinta budaya dunia. Dengan adanya usaha seperti ini khazanah, budaya dan warisan negara akan terus terpelihara hingga ke masa akan datang.

Melalui usaha yang digarap melalui Kursi Penyelidikan Pehin Sri Adnan Satem di UPM Kampus Bintulu Sarawak ini, akan dijadikan sebagai hub penyelidikan etnik Borneo yang julung-julung kalinya diwujudkan di Sarawak. Malah usaha penubuhan hub penyelidikan ini akan dijadikan pusat rujukan para penyelidik. Selain itu, usaha untuk mendokumentasikan hasil khazanah negeri Sarawak ini juga adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak yang telah menyuntik dana permulaan berjumlah 2.5 juta terutamanya dalam usaha untuk merekodkan pelbagai khazanah yang berkaitan dengan kebudayaan, kesenian dan warisan yang menjadi identiti masyarakat di Sarawak.



Majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Antropologi Linguistik Asia oleh Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah

Sektor Sosial

JABATAN PENYIARAN NEGERI SARAWAK

Siaran Langsung TV 1 – Rancangan Bicara Naratif

Rancangan Bicara Naratif di TV1 menampilkan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 29 Mac 2020 dengan topik membincarakan tentang “Isu Covid-19 Pelan Tindakan Negeri Sarawak”, dan pada 9 November 2020 rancangan ini juga disiarkan membincarakan tentang topik “Perancangan Sarawak 2021” di Auditorium P. Ramlee, RTM Kuching. Rancangan ini disiarkan secara langsung menerusi siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Sarawak serta media sosial FB RTM Sarawak.



Program Juh Berambbeh RTM @ Miri

RTM Sarawak turun padang ke bandar raya Miri dengan membuat rakaman dan siaran langsung bagi rancangan terbitan seksyen TV dan Radio. bermula dari 31 Oktober 2020 hingga 3 November 2020, bertempat di Coco Cabana, Miri. Antara rancangan radio yang diterbitkan, ialah Juh bermukun, Jiran Sekampung, Showcase Pengingat ACSJ, Pentas Krismas, Persembahan Kebudayaan Orang Ulu, dan Pentas Malam Kebudayaan. Bagi rancangan TV pula yang diterbitkan secara rakaman dan siaran langsung ialah kuppakopi.

Program Juh Berambbeh RTM@Miri ini, telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Rosey Yunus, Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak.

Radio Televisyen Malaysia turut mengadakan Program Tanggungjawab Sosial (CSR) bertempat di Rumah Kebajikan, Persatuan Orang Cacat Sarawak Cawangan Miri. Program ini turut dihadiri oleh YB Dato Sebastian Ting Menteri Muda Pelancongan, Kesenian & Kebudayaan Sarawak.



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Pelancaran Sarawak Produktif

Program Sarawak Produktif telah dilancarkan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak pada 9 Jun 2020 dengan penyertaan seramai 80 ribu orang secara maya. Pengisian pelancaran program "Sarawak Produktif" termasuklah webinar bersiri tentang kepentingan transformasi digital kepada perniagaan seperti Webinar Transaksi Tanpa Tunai, Webinar Juh Terokai Perniagaan Secara Digital dan Webinar Pengurusan Bekalan Rantaian yang Produktif.

Selain itu, pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian sektor swasta telah dirangka dan dilaksanakan seperti, Perkhidmatan Nasihat Perniagaan atas Talian (*Business Virtual Advisory Services-BVAS*), latihan atas talian, webinar bagi membincangkan usaha untuk bangkit semula selepas Covid-19, dan program Transformasi Kecemerlangan Perniagaan (*Businesses Excellence*) untuk organisasi. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menjadikan negeri Sarawak bergerak seiring ke arah era teknologi 4.0 dan industri berimpak tinggi yang dapat melonjakkan produktiviti negeri ke peringkat yang lebih baik.



Pelancaran "Malaysia Mudah" #MYMudah

Malaysia Mudah atau MYMudah merupakan inisiatif yang ada dalam Sarawak Produktif bagi menyokong pemuliharaan ekonomi dengan mengurangkan beban pengawalseliaan yang tidak perlu terutama dalam keadaan pandemik pada masa ini. Objektif pelaksanaan MYMudah adalah untuk membantu syarikat dan perniagaan dibebani peraturan tidak wajar dan karenah birokrasi dan mengurangkan kos perniagaan (kos pematuhan kepada peraturan), merangsang pewujudan peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sarawak telah bekerjasama dengan Unit Perancangan Ekonomi Sarawak (EPU), bagi menganjurkan majlis pelancaran "Malaysia Mudah" #MYMudah pada 20 November 2020 yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan. Seramai 450 orang peserta telah menyertai pelancaran ini secara *hybrid* (gabungan bersemuka dan atas talian).

ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Pameran Pengurusan Rekod Rasmi Kerajaan

Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sarawak telah mengadakan program pameran Pengurusan Rekod Rasmi Kerajaan pada 9 hingga 12 Mac 2020. Di samping penganjuran Kursus Pengurusan Sistem Rekod yang Berkesan Siri 1/2020 oleh INTAN Kampus Sarawak. Pengisian program pameran tersebut adalah seperti Pameran Pengurusan Rekod Rasmi Kerajaan, Konsultansi Pengurusan Rekod dan Pelupusan Rekod, Demonstrasri Pemuliharaan Rekod dan Showcase bahan unik arkib.

Program ini merupakan “platform” kepada jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat serta konsultansi tentang tatacara pengurusan dan pelupusan rekod rasmi kerajaan. Program ini telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang amat baik daripada peserta kursus dan juga dari jabatan-jabatan di sekitar Kota Samarahan.

Pameran ‘Ba’kelalan’

Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak telah mengadakan pameran tentang Ba’kelalan pada 19 hingga 20 September 2020 di Dewan Serba Guna Ba’kelalan. Pameran ini bersempena dengan Lawatan Kerja Rasmi “Walk-About” YB Dato’ Sri Hajah Nancy Syukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, ke Ba’kelalan, Lawas pada 18 hingga 20 September 2020. Beberapa aktiviti lain dianjurkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Antaranya ialah pameran tentang “Ba’kelalan”, Demonstrasi Pemuliharaan Rekod, Pameran Bahan Arkib dan Kuiz.

Pameran ini secara tidak langsung dapat memasyarakatkan bahan-bahan arkib dan mendekatkan Arkib Negara dengan penduduk setempat. Program ini telah berlangsung dengan jayanya dan telah mendapat sambutan yang amat baik daripada penduduk di Ba’kelalan.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

Dekad Bahasa Kebangsaan 2020

Dekad Bahasa Kebangsaan merupakan kesinambungan kepada Bulan Bahasa dan Sastera Negara yang diperkenalkan pada tahun 1999. Semenjak 2009 BBSN dijenamakan semula sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan. Setelah sembilan tahun pelaksanaan BBK, pada tahun 2019 program ini dijenamakan semula sebagai Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan. Pada tahun 2020 program ini dijenamakan pula sebagai Dekad Bahasa Kebangsaan dengan melaksanakan program seperti yang berikut:

1. Pertandingan Lagu Puisi, 15 Oktober 2020
2. Pertandingan Video Pendek: Ulasan Makanan Sarawak, 15 Oktober 2020
3. Pertandingan Seni Khat Tulisan Jawi (Tradisional dan Grafik), 12 Oktober 2020
4. Wacana Karya dan Pelancaran Buku Karya Penulis Sarawak, 16 Oktober 2020
5. Kayuhan Bahasa, 17 Oktober 2020
6. Sayembara Monodrama, 8 Februari 2020
7. Sayembara DEKON Piala Ketua Menteri Sarawak, 8 Februari 2020
8. Bicara Tokoh SEA Write Award 2017: ABIZAI, 16 Oktober 2020
9. Syarahan Perdana, 21 Oktober 2020
10. Pengucapan Puisi Bandaraya Kuching, 18 Disember 2020

SEKTOR SOSIAL

11. Majlis Anugerah Tinta Kenyalang dan Malam Lestari Bahasa, 20-24 Disember 2020

Seminar Kearifan Tempatan dan Pelancaran Buku Daftar Kata Bahasa Peribumi Sarawak

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak telah menganjurkan Seminar Kearifan Tempatan dan Pelancaran Daftar Kata Bahasa Peribumi Sarawak pada 27 Oktober 2020 bertempat di Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS). Majlis

ini telah dirasmikan oleh YB Dr. Haji Annuar bin Haji Rapa'ee, Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi dan Menteri Muda Perumahan dan Kesihatan Awam Negeri Sarawak. Empat buah buku daftar kata terbitan DBP yang dilancarkan ialah *Daftar Kata Melayu-Melanau Dalat*, *Daftar Kata Melayu-Melanau Seduan*, *Daftar Kata Melayu-Tetaw* dan *Daftar Kata Melayu-Kenyah Cebub*.



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA WILAYAH SARAWAK

Pertandingan Mencipta Video Pendek

Majlis penutupan Pertandingan Mencipta Video Pendek bersempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak 2020 telah diadakan di Dewan Seminar INTAN Kampus Wilayah Sarawak pada 23 Oktober 2020. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak. Pertandingan tersebut telah berlangsung selama dua minggu bermula 14 September 2020 dan disertai oleh sembilan kumpulan daripada lapan jabatan. Pertandingan tersebut dimenangi oleh Jabatan Pendaftaran Negara negeri Sarawak selaku johan dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000. Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Kolej Matrikulasi Sarawak dan Rejimen Askar Wataniah. Pertandingan bertemakan "Kebiasaan Baharu Penyampaian Perkhidmatan" ini merupakan anjuran INTAN Kampus Wilayah Sarawak dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Jabatan Ketua Menteri Sarawak.



Pelaksanaan Kursus INTAN Kampus Wilayah Sarawak tahun 2020

Pada tahun 2020, INTAN Kampus Wilayah Sarawak telah menganjurkan 57 kursus melibatkan 1,153 orang peserta terdiri daripada 22 skim perkhidmatan. INTAN Kampus Wilayah Sarawak turut mengambil inisiatif dalam menangani pandemik Covid-19 dengan melaksanakan 5 kursus secara atas talian. INTAN Kampus Wilayah Sarawak telah menerima 6,544 permohonan dalam talian melalui INTAN Training and Information Management System (ITIMS) bagi kursus pada tahun 2020. Permohonan tertinggi adalah Kursus Imej dan Keterampilan diikuti Kursus Microsoft Office 2016: *Tips and Tricks*, Kursus Pengurusan Sistem Rekod yang Berkesan, Kursus Pelaksanaan Amalan Persekutaran Kerja Berkualiti Sektor Awam (Pembudayaan EKSA) dan Kursus Konflik di Tempat Kerja. INTAN telah memperkenalkan portal baharu untuk pendaftaran kursus bagi menggantikan sistem ITIMS sedia ada, iaitu *INTAN Training and Information Management System (DTIMS)* pada 5 November 2020. Portal ini boleh dilayari melalui <https://www.dtims.intan.my>. Permohonan kursus bagi tahun 2021 akan menggunakan portal baharu ini.

JABATAN BELIA DAN SUKAN

Anugerah Perdana Belia Negara

Majlis Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020 diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Sarawak pada 28 Ogos 2020 bertempat di Hotel Pullman, Kuching.

Tiga kategori anugerah telah dipertandingkan dengan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM 24,000.00. Anugerah disampaikan oleh YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan Menteri Belia dan Sukan Sarawak. Turut hadir ialah YB Datuk Snowdan Lawan, Menteri Muda Belia dan Sukan Sarawak, YBhg. Datuk Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak dan Puan Azura binti Haji Sarbin, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak.

Pertubuhan Belia Parlimen Mukah merangkul anugerah Johan bagi kategori pertubuhan belia dengan membawa pulang sebuah piala, sijil penganugerahan dan wang tunai sebanyak RM 10,000.00. Bagi kategori individu lelaki dan kategori individu wanita pula dimenangi oleh Encik Mohd. Shahrul bin Kamaruddin dan Cik Dayang Nur Maisarrah binti Abdul Razak dengan masing-masing membawa pulang sebuah piala,

sijil penganugerahan dan wang tunai sebanyak RM3,000.00.

Johan bagi setiap kategori tersebut secara automatik mewakili negeri Sarawak ke APBN peringkat kebangsaan. Cik Dayang Nur Maisarrah binti Abang Abdul Razak telah berjaya mendapat tempat ketiga keseluruhan bagi kategori individu wanita.

Anugerah Perdana Belia Negara mula diperkenalkan pada tahun 1988 bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada individu atau organisasi yang memberi sumbangan besar terhadap pembangunan belia di negara ini pada peringkat kebangsaan.



Majlis Perundingan Belia Negara

Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Sidang II, Penggal Ke-32 Peringkat Negeri Sarawak (Pasca Covid-19) telah berjaya dianjurkan oleh Cawangan Pembangunan Sosial, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak pada 29 Ogos 2020 bertempat di Hotel Pullman, Kuching.

Majlis Perundingan Belia Negara telah dipengerusikan oleh YB Datuk Haji Abdul Karim

Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan Menteri Belia dan Sukan Sarawak.

Hasil MPBN ini telah berjaya mengumpul usul-usul berkaitan pembangunan belia yang akan dibentangkan di MPBN peringkat kebangsaan nanti. Beberapa usul yang diperoleh melalui MPBN kali ini menjurus kepada kesan Covid-19 terhadap pembangunan belia di negeri Sarawak.

Turut hadir pada program MPBN ini ialah YB Datuk Snowdan Lawan, Menteri Muda Belia dan Sukan Sarawak, Puan Azura binti Haji Sarbin, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak, Puan Nancy binti Haji Jolhi, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Belia dan Sukan Sarawak, Encik Ronnie Boniface Nugi, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah, Pegawai Belia dan Sukan Bahagian di semua bahagian.



JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT

KEMAS - Pemangkin Pendidikan Sepanjang Hayat

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Kemajuan Masyarakat Sarawak (KEMAS) telah berjaya melaksanakan beberapa program, iaitu Wacana Ilmu-Wanita Inspirasiku (Wins) Dari Desa ke Global, Program Promosi Kesihatan dan Pemakanan: Healthy and Bright Kids Carnival dan Program Pengukuhan Kelas Pendidikan Literasi Fungsian Peringkat KEMAS Negeri Sarawak Tahun 2020.



SEKTOR SOSIAL

Wacana Ilmu - Wanita Inspirasiku (WINS) - Dari Desa ke Global

Program Wacana Ilmu-Wanita Inspirasiku telah dilaksanakan pada 20 Oktober 2020 bertempat di Grands Kingwood Resort, Mukah dan telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti dan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Program ini telah diisi dengan acara demonstrasi kraftangan, sulam reben, demonstrasi masakan, saringan kesihatan, pameran dan jualan hasil produk usahawan KEMAS, pertandingan gubahan bunga plastik, pertandingan mewarna untuk dewasa, ceramah motivasi dan wawancara ikon usahawan.

Program Pengukuhan Kelas Pendidikan Literasi Fungsian

Program ini telah diadakan pada 15 hingga 17 September 2020 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Lawas dan telah dirasmikan oleh YB Dato Henry Sum Agong, Timbalan Menteri II, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Pelaksanaan Program Pengukuhan Kelas Literasi KEMAS bagi negeri Sarawak ini dilaksanakan melalui beberapa kaedah, iaitu penglibatan bekas peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 dan penduduk setempat. Kaedah pelaksanaannya adalah melalui:

- i. Pertandingan ujian 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) kepada bekas peserta PLF, LEADS dan PLFV2.0.
- ii. Demonstrasi masakan sihat, dandanan diri dan "Komuniti Sihat Pembina Negara" (KOSPEN) dan pameran dan kerjasama bersama-sama agensi setempat.



JABATAN KIMIA MALAYSIA SARAWAK

Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Sarawak

Program Minggu Sains Negara (MSN) merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan tema "Keajaiban Sains". Program MSN peringkat negeri Sarawak telah diadakan di tiga lokasi utama, iaitu Kuching, Sibu dan Bintulu. Penganjuran Festival Sains Sarawak bersempena dengan MSN 2020, melalui dua aktiviti, iaitu "*The Young Scientist Program*" secara fizikal dan "*MSNLens: Short Video Competition*" secara atas talian. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak. Majlis Penutupan Festival Sains Sarawak telah diadakan pada 30 September 2020 bertempat di Auditorium Bangunan Chemsain, Kuching. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak (MESTR). Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Parang Abai@Thomas, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI, YBrs. Tuan Haji Mohamed Zaini bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia dan YBrs. Dr. John Chan, Pengerusi Institut Kimia Malaysia Cawangan Sarawak selaku rakan penganjur.



Anugerah Ikon STI MSN Negeri Sarawak

Pada majlis penutupan Festival Sains Sarawak satu anugerah telah diperkenalkan buat julung kalinya, iaitu Ikon Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) MSN Negeri Sarawak bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan tokoh anak jati Sarawak dalam bidang STI. YBrs. Prof. Dr. Kasing Anak Apun, Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sarawak telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon STI MSN Negeri Sarawak Tahun 2020. Acara penyampaian hadiah dan sagu hati kepada semua para pemenang bagi aktiviti "*The Young Scientist Program*" dan "*MSNLens: Short Video Competition*" telah diadakan. Berikut adalah senarai pemenang bagi aktiviti yang telah dianjurkan:

<i>"The Young Scientist Program"</i>		
Keputusan	Nama Sekolah	Agensi Kolaborasi
Johan	SMK Green Road	Chemsain Konsultant Sdn. Bhd.
Naib Johan	SMK Bandar Samariang	Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sarawak
Tempat Ketiga	Lodge National Secondary School	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Saguhati	SMK Sungai Tapang	Sarawak Biodiversity Centre
	SMK Siburan	Jabatan Pertanian Sarawak
	SMK St. Mary	Jabatan Alam Sekitar
<i>"MSNLens: Short Video Competition"</i>		
Tema: " <i>Appication Of Science In The Community</i> "		
Keputusan	Nama Sekolah	Tajuk Video Pendek
Juara	SMK Tinggi Sarikei Sarikei	"BPF Extract and Application"
Naib Johan	SMK St. Columba, Miri	"Chemistry of Love"
Tempat Ketiga	SMK Green Road, Kuching	"Achieving Clean Water"
Saguhati	SMK Tinggi Sarikei Sarikei	"Fuel Value"
Saguhati dan "Most Viewed Award"	SMK Tun Abdul Razak, Siburan	"The Traditional Kepayang Lamp"

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS

Penilaian Potensi Sumber Mineral Strategik Unsur Nadir Bumi Tak Radioaktif (NR-REE), Scandium (Sc) dan Thorium (Th)

Projek Penilaian Potensi Sumber Mineral Strategik Unsur Nadir Bumi Tak Radioaktif (Non-Radioactive Rare Earth Element (NR-REE), Skandium (Sc) dan Thorium (Th) merupakan projek baru dalam pembangunan sumber mineral negara. Projek ini bermula pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Kajian potensi sumber mineral strategik ini tertumpu di kawasan mengandungi batuan igneus dan batu kapur di seluruh Malaysia kerana jenis batuan tersebut telah identifikasi berpotensi sebagai sumber kepada kewujudan mineral strategik ini.

Projek ini diyakini akan menjadikan sektor perlombongan dan industri berkaitan mineral lebih berdaya saing dengan sektor lain dalam menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara kerana ia mampu menjadi penjana pendapatan baru negara di samping mempelbagaikan aktiviti industri berteknologi tinggi sebagai alternatif kepada industri yang sedia ada.

Kajian projek ini merangkumi penghasilan laporan teknikal yang komprehensif berkaitan analisa kualiti, peratusan konsentrasi (dalam ppm) kandungan unsur nadir bumi tak radioaktif (Non-Radioactive Rare Earth Element), Scandium

(Sc) dan Thorium (Th), peta tematik kawasan berpotensi dan menentukan nilai ekonomi sumber.

Di negeri Sarawak Kajian Potensi Sumber Mineral Strategik bermula pada tahun 2017. Sehingga 2020, kajian hanya tertumpu di Wilayah Sarawak Barat merangkumi kawasan seluas 100Km². Hasil daripada analisis makmal terhadap sampel-sampel yang dikutip sehingga kini telah dikenal pasti terdapat beberapa buah kawasan yang mempunyai jumlah nilai konsentrasi mineral unsur nadir bumi tak radioaktif mele过asi nilai minima ketetapan berpotensi sebanyak 300 ppm. Kawasan-kawasan tersebut adalah Munggu Belian di Sematan, Kampung Riih di Serian, Kampung Serikin di Bau dan Kampung Sorak Melayu di Serian.



Batu Andesit (Volkanik), Riih, Serian



“Pre-Test” di lapangan cairan sampel tanah tindak balas kimia berkeladak menunjukkan keberadaan mineral unsur nadir bumi yang terjerap

Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah Negara di Negeri Sarawak

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia Sarawak merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan membangunkan sumber air bawah tanah sebagai alternatif mendapatkan sumber air bersih bagi kawasan-kawasan yang bermasalah air terutama di kawasan-kawasan luar bandar, pesisir pantai atau kawasan pendalaman yang tidak ada sistem air graviti bukit.

Pada tahun 2020, JMG Malaysia Sarawak telah melaksanakan beberapa penggerudian telaga tiub di Kawasan Miri dan Sri Aman serta membangunkan sebuah sistem penapisan air tanah ringkas (SPATR) di Rumah Panjang Rawing, Repong, Engkilili, Sri Aman.

BIL.	PERKARA	KAWASAN
1.	Pembinaan telaga tiub	Rh. Repong, Tebarong, Engkilili, Sri Aman
2.	Pembinaan telaga tiub	Rh. Webster Rangkong, Sg. Puteh, Suai, Miri
3.	Pembinaan telaga tiub	Kg. Menjelin, Bekenu, Miri
4.	Pembinaan telaga tiub	Rh. Salwan, Beluru, Miri
5.	Pembinaan 6 buah telaga pemantau	Bekenu-Miri
6.	Pembinaan Sistem Penapisan Air Tanah Ringkas (SPATR)	Rh. Rawing, Tebarong, Engkilili, Sri Aman



Pembinaan Telaga Tiub di Rh. Webster Rangkong, Sg. Puteh, Suai, Miri, Sarawak



Pembinaan telaga tiub di Kg. Menjelin, Bekenu, Miri

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Pemeriksaan Rekod Pertubuhan dan Program Turun Padang

Bahagian Pengurusan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Sarawak telah mengadakan Program Pemeriksaan Rekod Pertubuhan dan Program Turun Padang pada 6 hingga 10 Julai 2020. Program ini menyasarkan beberapa pertubuhan yang berada di Bahagian Tengah Sarawak, iaitu Bahagian Betong dan Sri Aman. Program ini bertujuan memastikan pertubuhan mematuhi tatacara pengurusan pertubuhan yang cekap dan berkesan serta mematuhi Akta Pertubuhan 1966. Antara pengisianya ialah yang pertama, membuat Pemeriksaan Rekod Pertubuhan yang melibatkan 18 buah pertubuhan berdaftar bagi bahagian Betong dan Sri Aman yang merangkumi 3 kategori, iaitu Keagamaan, Kebajikan dan Rekreasi. Kedua, Program Turun Padang (Sesi Dialog) bersama-sama Puan Georgina Apphia Ngau, Pengarah JPPM Negeri Sarawak dan Pegawai Bahagian Pengurusan JPPM Negeri Sarawak bersama-sama pertubuhan bagi Kategori Keagamaan di Bahagian Sri Aman. Antara Pertubuhan yang terlibat ialah Persatuan Meninggikan Akhlak Che Chuan Khor Sri Aman, Persatuan Teochew Sri Aman dan Persatuan Hakka Sri Aman. Seterusnya Program Turun Padang ini diadakan di daerah

SEKTOR SOSIAL

kecil Sri Aman, iaitu Lingga. Antara Pertubuhan yang terlibat ialah Persatuan Faedah Bersama Soon Heng Lingga (Lingga Soon Heng Benevolent Society) dan Pertubuhan Kebajikan Pusat Aktiviti Warga Emas (Pawe) Lingga.

bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta mengerakkan silaturahim antara masyarakat setempat serta untuk memperkenalkan peranan dan fungsi jabatan dengan masyarakat setempat.

Program ini telah disertai oleh ahli Persatuan Penduduk Kampung Tebakang Melayu dan komuniti di Kampung Tebakang Melayu. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Verifikasi peralatan



Hari Bersama Persatuan Penduduk dan Komuniti #ros_care Komuniti Kampung Tebakang Melayu, Serian

Program Hari Bersama Persatuan Penduduk dan Komuniti #ros_care kali ini diadakan bersama-sama Persatuan Penduduk dan Komuniti Kampung Tebakang Melayu, Serian pada 18 Ogos 2020. Program ini merupakan komitmen jabatan

yang telah dibeli menggunakan Geran Komuniti 2019 oleh Pengarah JPPM Negeri Sarawak, *Walkabout* di sekitar Kampung Tebakang Melayu dan aktiviti bersama komuniti Kampung Tebakang Melayu dan Sesi Dialog Ringkas bersama Puan Georgina Apphia Ngau, Pengarah JPPM Negeri Sarawak berkenaan isu Pengurusan Pertubuhan.

JABATAN PENERANGAN

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Sarawak

Program Pelancaran Bulan Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2020 telah diadakan di Atrium Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 28 Julai 2020 dengan tema Program Bulan Kebangsaan 2020, Malaysia Prihatin. Pengisian program adalah amanat YAB Perdana Menteri yang disiarkan secara *cross over* dari Putrajaya melalui saluran TV1, amanat YAB Ketua Menteri Sarawak, penyampaian Jalur Gemilang kepada Setiausaha Negeri Sarawak dan Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Pelepasan Konvoi Jalur Gemilang.



Lawatan Kerja YB Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) ke Sarawak

Menteri KKMM, YB Dato' Saifuddin Abdullah telah mengadakan lawatan kerja tiga hari bermula 9 hingga 11 Julai 2020 ke Negeri Sarawak. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Lawatan tersebut bertujuan mempengerusikan bersama Mesyuarat Sambutan Hari Malaysia pada 10 Julai 2020, menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (JKP KKMM) Negeri Sarawak yang dianggotai oleh Ketua Jabatan/Agensi dibawah KKMM di JaPen Malaysia Sarawak, perasmian bangunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan melakukan Kunjungan Hormat kepada YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Haji Abang Openg, Ketua Menteri Sarawak, YB Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Menteri Belia dan Sukan Sarawak dan YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri Utiliti Sarawak.



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK

Anugerah Khas Agensi

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Sarawak menerima Anugerah Khas Agensi sempena Majlis Penghargaan Khas Majlis Islam Sarawak dan Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M Peringkat Negeri Sarawak pada 30 Oktober 2020. Pengiktirafan tersebut merupakan penghargaan yang amat membanggakan JAKIM Sarawak selaku Agensi Persekutuan yang sentiasa bersama-sama agensi negeri dalam menyampaikan sumbangan dan menyantuni golongan yang memerlukan bantuan terutamanya sepanjang pandemik Covid-19.

Majlis yang disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam & DBKU) dan Menteri Muda Utiliti (Air). Turut hadir, YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan seluruh Ketua Agensi Islam di Sarawak.

YBrs. Al-Fadhil Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak mewakili JAKIM Sarawak menerima anugerah tersebut yang berupa sebuah cenderamata khas serta wang tunai berjumlah RM5,000.00.



Majlis Penyampaian Sumbangan Musa'adah Covid-19

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Musa'adah Covid-19 kepada 250 orang komuniti setempat yang terdiri daripada golongan B40 yang memerlukan bantuan pada 16 September 2020. Majlis yang dilaksanakan di Masjid Babussalam, Kampung Jeriah, Sibu ini telah disempurnakan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat-MAIWP dan Puan Parihah Hasan, Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM.


JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI SARAWAK

Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR)

Program turun padang atau program perkhidmatan bergerak telah dimulakan sejak tahun 2002. Program ini dikenali sebagai program *Outreach* pada tahun 2014. Dijenamakan semula sebagai Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) pada tahun 2018. Program-program yang dilaksanakan seperti Bas Mobile, Mobile Ehsan (warga emas, orang kelainan upaya) serta perkhidmatan kaunter pendaftaran bergerak. Program ini menjalankan pendaftaran kelahiran, kematian dan kad pengenalan di kawasan-kawasan bandar, luar bandar serta pedalaman Sarawak yang sukar dihubungi.



Jumlah Operasi MEKAR Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak dari Januari hingga Disember 2020



Majlis Perasmian Penutupan Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2020, Pertandingan Mencipta Video Pendek “Kebiasaan Baru Penyampaian Perkhidmatan”

Pertandingan video pendek “Kebiasaan Baru Penyampaian Perkhidmatan” dan Majlis Perasmian Penutupan Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam tahun 2020 telah diadakan di Kampus INTAN Sarawak pada 23 Oktober 2020. Pertandingan ini merupakan salah satu cara kerajaan menyediakan perkhidmatan penyampaian dengan norma baharu. Tajuk video berkonsepkan *MyJanji Temu*. Dalam pertandingan tersebut Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak telah menjadi johan, Kolej Matrikulasi Sarawak, selaku naib johan dan Regimen Askar Wataniah tempat ketiga.



JPN SARAWAK Johan mencipta Video Pendek anjuran INTAN Sarawak



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia merupakan aktiviti statistik yang sangat penting untuk dilaksanakan oleh negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Selain menyediakan statistik penduduk dan perumahan yang terperinci dan komprehensif mengikut ciri-ciri demografi dan sosioekonomi penduduk. Banci ini juga menyediakan maklumat asas untuk memantau Agenda Pembangunan Lestari 2030 yang merangkumi komitmen untuk membasmi kemiskinan, kesamarataan, kelestarian alam sekitar dan memastikan semua penduduk disantuni.

Pada tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang ke-6 bermula pada 7 Julai 2020. Banci pada kali ini telah dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu:

- i. Fasa pertama: 7 Julai hingga 21 Disember 2020 (e-Census)
- ii. Fasa kedua: 20 Januari hingga 6 Februari 2021 (Bersemuka)



Kunjungan Hormat kepada Ketua Menteri Sarawak bagi Menerangkan Pembancian Secara e-Census

Hari Statistik Negara 2020

United Nations General Assembly (UNGA) telah mengisytiharkan Hari Statistik Sedunia disambut pada 20 Oktober 2010. Hari Statistik Sedunia diraikan setiap lima tahun pada 20 Oktober. Sambutan Hari Statistik Sedunia di Malaysia telah disambut bermula pada tahun 2010 dengan mengadakan aktiviti yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Pada tahun 2017, sambutan Hari Statistik Sedunia di Malaysia buat julung kalinya disambut secara tahunan.

Sambutan Hari Statistik Negara 2020 sangat bermakna kerana disambut bersempena dengan Hari Statistik Sedunia yang juga diadakan pada 20 Oktober 2020. Tema sambutan pada kali ini adalah “*Connecting The World With Data We Can Trust*”.

Jabatan Perangkaan Malaysia Sarawak turut menyertai program-program yang dianjurkan secara maya serta mengadakan pertandingan mencipta poster bersempena dengan Hari Statistik Negara dan Sedunia 2020.

MAHKAMAH TINGGI SABAH DAN SARAWAK

Pelancaran Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI)

Sudah menjadi tradisi tahunan bagi seluruh warga kehakiman, perundangan dan pengamal undang-undang di Sabah dan Sarawak untuk mengadakan Majlis Pembukaan Tahun Perundangan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Majlis ini dianjurkan secara penggiliran antara Negeri Sabah dan Sarawak sejak tahun 2001. Pada tahun 2020, Majlis Pembukaan Tahun Perundangan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak telah diadakan di Kompleks Mahkamah Kuching pada 17 Januari 2020. Majlis Pembukaan Tahun Perundangan tersebut telah dilancarkan oleh Yang Amat Arif Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara Malaysia.

Pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan tersebut, Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah, Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah melancarkan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) bagi Data Jatuh Hukum untuk Mahkamah Sabah dan Sarawak.

Teknologi ini diperkenalkan untuk membantu Hakim Mahkamah Seksyen dan Majistret membuat analisis hukuman yang sesuai dijatuhkan kepada tertuduh. Aplikasi AI ini dapat membantu mengurangkan jurang hukuman dan memastikan kesamarataan dan konsistensi dalam hukuman yang diberikan terhadap tertuduh.

Pada peringkat ini, aplikasi AI telah digunakan di seluruh Mahkamah Sabah dan Sarawak untuk kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dada Berbahaya 1952 dan Seksyen 376 Kanun Keseksaan. Mahkamah Sabah dan Sarawak mempunyai perancangan untuk memperluaskan lagi penggunaan aplikasi AI ini untuk kesalahan-kesalahan lain seperti yang termaktub dalam peruntukan undang-undang.



Kolokium Kebangsaan dalam Capaian Keadilan

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNDP*) Malaysia telah dengan jayanya mengadakan "Kolokium Kebangsaan dalam Capaian Keadilan". Program berimpak besar ini telah diadakan pada 16 Januari 2020 bertempat di Hotel Hilton, Kuching.

Program ini telah dilangsungkan bersempena dengan Sambutan Majlis Pembukaan Tahun Perundangan Sabah dan Sarawak bagi tahun 2020 yang menjadikan Kuching sebagai tuan rumah untuk sambutan tersebut. Sambutan ini telah diserikan dengan kehadiran Yang Amat Arif, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat. Sekitar 200 orang tetamu telah menghadiri program ini yang terdiri daripada Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, Pegawai Undang-undang dan Pegawai Kehakiman serta Pengamal Undang-Undang dari Negeri Sabah dan Sarawak.



Sebanyak empat sesi forum dan ceramah telah dijalankan sepanjang program ini, iaitu:

- a) Capaian Keadilan kepada Penduduk Kawasan Kampung dan Luar Bandar
- b) Memperkasa Jabatan Bantuan Guaman dari Struktur Perundangan dan Kewangan
- c) Menyebarluaskan "*Self-Represented Litigants*"
- d) Memajukan Teknologi bagi kemudahan capaian keadilan

Penceramah terdiri daripada mantan Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia, wakil daripada Persatuan Peguambela-Peguambela Sarawak, wakil daripada Pertubuhan Undang-Undang Sabah, Badan Kehakiman Syariah, Pengurus Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNDP*) Pakistan, Persatuan Undang-Undang Taiwan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta para pelajar fakulti undang-undang dari pelbagai universiti awam dan swasta di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya menghasilkan perbincangan yang tuntas, relevan serta berkesan hasil kerjasama dan gabungan idea ahli-ahli panel jemputan bersama-sama barisan peserta yang terlibat. Pihak pengajur berharap agar program ini dapat memicu kemajuan dalam sistem perundangan dan kehakiman negara sejajar dengan misi menjamin keadilan untuk semua rakyat Malaysia yang memerlukan.

PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN NEGERI SARAWAK

Program Taklimat Badan Sukan Baharu Berdaftar merupakan program pendidikan yang menyasarkan pemegang jawatan badan sukan di Sarawak. Program ini dirangka dengan sistematik dan komprehensif agar memenuhi keperluan semasa pembangunan sukan negara selari dengan Pelan Strategik Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Program ini bertujuan:

1. Memberi pendedahan kepada peserta tentang pengurusan dalaman badan sukan
2. Memberi pendedahan kepada peserta tentang peranan Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia
3. Meningkatkan pemahaman peserta tentang peranan dan tanggungjawab pemegang jawatan dalam badan sukan
4. Mengetahui tatacara pengurusan mesyuarat, kaedah penyediaan laporan kewangan secara asas yang perlu dipatuhi dan tanggungjawab terhadap Pejabat Pesuruhjaya Sukan
5. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh badan sukan terutamanya berkaitan penghantaran MYKB melalui sistem eROSA
6. Memastikan badan sukan berkaitan ditadbir berdasarkan perlumbagaan yang telah diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan

Program ini telah dilaksanakan pada 26 September 2020 bertempat di Bilik Kuliah, Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sarawak.

Seramai 25 orang peserta yang merupakan wakil badan sukan dari bahagian Kuching, Samarahan dan Serian telah menghadiri program ini.

Secara keseluruhan, program ini telah memberi impak positif kepada badan sukan di negeri Sarawak dan memberi kesan terhadap pemahaman Akta Pembangunan Sukan 1997 dan memperbaiki sistem pengurusan yang lebih berkesan kepada badan sukan khususnya di negeri Sarawak. Selain itu para peserta juga lebih memahami penggunaan sistem eROSA.



SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Negeri Sarawak kini sudah mencapai 108% kadar penembusan jalur lebar bagi kawasan berpenduduk pada suku pertama 2020. Pencapaian ini merupakan hasil usaha kerajaan negeri dan pusat selain pemain-pemain industri berkaitan. Sebagai sebuah organisasi yang mengawal selia sektor komunikasi dan multimedia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bertanggungjawab dalam mewujudkan suatu industri komunikasi dan multimedia yang berdaya saing dan cekap untuk memenuhi keperluan ekonomi dan sosial negara.

Inisiatif peluasan liputan komunikasi merupakan usaha berterusan MCMC sejak dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) mula diperkenalkan pada tahun 2003 untuk menyediakan akses telekomunikasi kepada kawasan yang kurang mendapat liputan bagi memastikan jurang digital dihubungkan antara komuniti bandar dan luar bandar.

Pada tahun 2020, sebanyak 25 buah menara telekomunikasi telah siap dibina manakala enam lagi menara sedang dalam pelaksanaan yang dijangka akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih pada suku tahun kedua 2021. Kesemua menara

ini terletak di kawasan luar bandar antaranya, di Kampung Bario Asal, Pa Lungan, Pa Umor, Long Liam, Buduk Bui, Long Luteng, Long Rayah dan Ba Muboi.

Menara baharu yang terletak di Taman Negara Mulu telah siap dibina pada November 2020 dan dijangka akan dapat menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G yang menggunakan teknologi *microwave* pada suku tahun pertama 2021. Adanya perkhidmatan komunikasi di kawasan pelancongan akan dapat memberikan pengalaman perkhidmatan komunikasi terbaik kepada pelancong yang datang dari dalam dan luar negara. Manakala, sektor sosial dan ekonomi komuniti setempat juga akan bertambah maju dan lebih berkembang.

Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau, laluan masuk yang sukar dan ketiadaan bekalan elektrik yang stabil adalah cabaran utama yang harus didepani dalam menyediakan perkhidmatan komunikasi di kawasan pedalaman Sarawak.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan MCMC sentiasa komited dalam usaha memperluas dan mempertingkatkan



perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah merancang dan akan melaksanakan pembangunan infrastruktur digital melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada Ogos 2020.

Antara inisiatif JENDELA yang akan dilaksanakan di Sarawak termasuklah pembinaan 636 buah menara komunikasi baharu dan menaik taraf kelajuan jalur lebar mudah alih di 1,811 buah stesen pemancar sedia ada serta memperluaskan akses kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi bagi 59,713 premis yang dijangka siap pada tahun 2022. Inisiatif pelan JENDELA, akan memberikan impak liputan 4G negara yang di sasar merangkumi 96.9% kawasan berpenduduk daripada tahap 91.8% sekarang. Selain itu, purata kelajuan 4G juga akan dipertingkatkan kepada 33Mbps daripada 25Mbps sebelum ini. Pelan JENDELA juga merangkumi usaha melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir 2021.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia negeri Sarawak sentiasa berusaha dan membuat perancangan berterusan bagi memastikan penduduk di negeri Sarawak mempunyai akses kepada perkhidmatan komunikasi jalur lebar berkelajuan tinggi yang berkualiti dan menyeluruh sejajar dengan Matlamat Dasar Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

Wawancara Radio Siaran di Red FM91.9 Kuching Sarawak (Saluran Bahasa Inggeris)

Wawancara radio tersebut telah diadakan di studio RED FM91.9 Kuching Sarawak di Jalan P. Ramlee, Kuching pada 17 Februari 2020.

Wawancara radio tersebut bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan tentang Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia kepada *stakeholder* termasuk majikan, pekerja, kesatuan sekerja pekerja, kesatuan sekerja majikan, persatuan-persatuan dan agensi-agensi lain.

Melalui wawancara radio ini juga, Pegawai Jabatan, Aung Anak Lumong telah memberi penerangan berkaitan dengan peranan Jabatan, iaitu objektif, fungsi dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan, Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Penamatan Kerja dan Proses Kerja Pengendalian Representasi Pemuliharaan Kerja.

Operasi Sanitasi

Jabatan Perhubungan Perusahaan Sarawak telah menjemput pihak Bomba untuk menjalankan proses sanitasi di jabatan ini berikutan peningkatan kes pandemik Covid-19. Operasi tersebut dilakukan pada 14 Ogos 2020 dan seramai tujuh orang anggota yang terlibat dalam melakukan proses sanitasi di seluruh kawasan pejabat.



TELEKOM MALAYSIA

Telekom Malaysia (TM) berperanan menghubungkan rakyat Malaysia telah menjadi rakan penyedia utama kerajaan dalam memastikan infrastruktur telekomunikasi negara berada di tahap yang tinggi. Cabaran ini walau bagaimanapun selari dengan usaha berterusan TM tentang kesedaran pengguna terhadap keperluan Internet yang stabil di negara ini. TM Sarawak memikul tanggungjawab serta menjadi pemain utama dalam penyediaan perkhidmatan Internet jalur lebar utama di negeri ini.

Telekom Malaysia Sarawak turut menggalas amanah untuk merealisasikan Digital Malaysia selari dengan aspirasi kerajaan dalam Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Peningkatan pengguna jalur lebar berkelajuan tinggi berasarkan gentian optik dari tahun 2019 hingga 2020 telah meningkat dari 74% ke 85%. Penembusan jalur lebar berkelajuan tinggi berasaskan kadar isi rumah di Sarawak mencapai tahap 24% bagi tahun 2020 berbanding 22% tahun sebelumnya. Terdapat pertambahan 25 lagi kawasan di luar bandar yang telah dan akan mendapat perkhidmatan unifi sehingga bulan Disember 2020 dan ini menjadikannya 51 buah kawasan daerah luar bandar kesemuanya di Sarawak.

Telekom Malaysia Sarawak berperanan sebagai penyedia infrastruktur gentian optik bagi stesen TV Sarawak untuk menyiaran siarannya dan juga menaik taraf infrastruktur berasaskan gentian optik untuk SAINS bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Internet kerajaan berada pada tahap yang tinggi. TM Sarawak memikul tanggungjawab sosial sebagai penyedia infrastruktur telekomunikasi utama di pusat kuarantin, pusat pemeriksaan dan pejabat kawalan di Sarawak seperti di Samalaju dengan sumbangan berjumlah RM110 ribu. Sumbangan CSR bernilai RM80 ribu disalurkan kepada mereka yang terjejas dengan penularan virus Covid-19 di seluruh Sarawak melalui Baitulmal, UiTM, MBKS, Rotary, Yayasan Salam dan sebagainya. Sumbangan bernilai lebih RM22 ribu kutipan daripada warga TM Sarawak kepada kakitangan kontraktor TM yang bergaji harian dan yang terjejas akibat wabak Covid-19.



JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Pandemik Covid-19 merupakan cabaran yang cukup besar dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang tahun 2020. Penularan wabak ini bukan sahaja menguji kekuatan individu tetapi juga daya ketahanan negara dan masyarakat. Bagi menambahbaik perkhidmatan kepada masyarakat KKM telah mewujudkan perkhidmatan baharu, iaitu Perkhidmatan Klinik Virtual (maya) dan Perkhidmatan Farmasi Pandu lalu.

Perkhidmatan Klinik Virtual (Maya)

Pada tahun 2020, perkhidmatan Klinik Virtual dapat direalisasikan untuk memberi perkhidmatan kesihatan melalui konsultasi termasuk pelan rawatan secara maya, langsung dan interaktif oleh anggota kesihatan. Perkhidmatan ini meliputi keskeskronik, kesihatan ibu mengandung, pemakluman keputusan ujian makmal, perkhidmatan berhenti merokok, pendidikan kesihatan dan kaunseling pemakanan menggunakan aplikasi BookDoc. Perkhidmatan ini dimulakan di Klinik Kesihatan (KK) Tudan, Miri sebagai projek *Proof of Concept (POC)* dan diperluaskan ke KK Kota Sentosa (Kuching), KK Lanang (Sibu) dan KK Bintulu (Bintulu).



Pegawai Perubatan sedang memberi konsultasi melalui Klinik Virtual

Perkhidmatan Farmasi Pandu Lalu

Perkhidmatan ini ditawarkan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pesakit untuk mendapatkan bekalan ubat susulan terutama kesukaran mendapat ruang parkir kenderaan, kesesakan dan masa menunggu yang lama di farmasi. Pesakit yang telah berdaftar dengan perkhidmatan ini hanya perlu memaklumkan tentang tarikh untuk datang mendapatkan bekalan ubat susulan (ubat akan disediakan terlebih dahulu). Setakat 31 Disember 2020, terdapat empat perkhidmatan disediakan di seluruh Sarawak, iaitu Pandu Lalu di Hospital Sibu, Hospital Umum Sarawak (HUS), KK Kota Samarahan dan KK Bintulu.



Penerimaan perkakasan ICT untuk perkhidmatan Klinik Virtual



Pandu Lalu di Kozi Square Mall bersebelahan dengan HUS



Pandu Lalu di Hospital Sibu



Pandu Lalu di KK Kota Samarahan



Pandu Lalu di KK Bintulu

Projek-projek Khas

Pada 8 Disember 2020, Hospital Umum Sarawak (HUS) telah menerima dua penyerahan projek khas yang disaksikan oleh YB Dato Sri Profesor Dr. Sim Kui Hian, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak bersama-sama YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pertama adalah "Penyerahan Separa" bagi Pusat Jagaan Harian, HUS di bawah Projek Perkongsian Swasta Awam, iaitu *Build-Lease-Manage-Transfer* melalui kaedah perolehan secara *Swiss Challenge*. Kedua, penyerahan CT Scan baharu melalui *Replacement Through Maintenance (RTM)* yang dilaksanakan oleh OMSB melalui kelulusan KKM.



Penyerahan replika kunci Pusat Jagaan Harian, HUS



Gimik menekan butang bagi penyerahan CT Scan HUS

**SENARAI JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN
DI SARAWAK**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN SARAWAK
IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA KONTIJEN
SARAWAK
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK
PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK
MARKAS PEMERINTAHAN MEDAN TIMUR
TENTERA DARAT
MAHKAMAH TINGGI SABAH DAN SARAWAK
JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI SARAWAK
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI
SARAWAK
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SARAWAK
JABATAN TENAGA KERJA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI SARAWAK
CAWANGAN SARAWAK
LEMBAGA LADA MALAYSIA
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
CAWANGAN SARAWAK
MARKAS 1 DIVISYEN KEM MUARA TUANG
PEJABAT MARA NEGERI SARAWAK
PEJABAT SURUHANJAYA PILIHANRAYA NEGERI
SARAWAK

PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
JABATAN PEGUAM NEGARA
FELCRA BERHAD WILAYAH SARAWAK
TELEKOM MALAYSIA BERHAD
REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT
AUTHORITY (RECODA)
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA NEGERI
SARAWAK
BAHAGIAN PEMBANGUNAN CAWANGAN
SARAWAK, BAHAGIAN PEMBANGUNAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM
MALAYSIA
BAHAGIAN PEMETAAN TOPOGRAFI SARAWAK
JABATAN UKUR & PEMETAAN MALAYSIA
(JUPEM)
CIDB NEGERI SARAWAK
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN
SARAWAK
IBU PEJABAT JABATAN BOMBA &
PENYELAMAT NEGERI SARAWAK
IBU PEJABAT PENJARA SARAWAK
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KAMPUS SARAWAK MIRI
INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA
SARAWAK (IKMAS)
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUN
ABDUL RAZAK

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA KAMPUS RAJANG
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
(INTAN) KAMPUS WILAYAH SARAWAK
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK
JABATAN ALAM SEKITAR, NEGERI
SARAWAK
JABATAN BELIA & SUKAN NEGERI
SARAWAK
JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN
PEKERJAAN (KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA)
JABATAN KIMIA MALAYSIA SIBU
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
CAWANGAN SARAWAK
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS
MALAYSIA (JMG) SARAWAK
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
NEGERI SARAWAK
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
NEGERI SARAWAK
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)
NEGERI SARAWAK
JABATAN PENYIARAN KAWASAN
SARAWAK
JABATAN PERIKANAN LAUT SARAWAK,
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

KOLEJ MATRIKULASI SARAWAK	(MAMPU) CAWANGAN SARAWAK	JABATAN LAUT MALAYSIA, KUCHING
LEMBAGA GETAH MALAYSIA WILAYAH SARAWAK	MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) MUKAH	JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SARAWAK
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK	JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA PERSEKUTUAN (JPPH)
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA NEGERI SARAWAK	INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN SARAWAK	JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK
PEJABAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK	BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA), BHGN PASCA PERKHIDMATAN CAWAGAN SARAWAK
PEJABAT KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (PKPDNHEP) NEGERI SARAWAK	AKADEMI KASTAM CAWANGAN SARAWAK	JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL (PERPADUAN)
PERBADANAN PRODUCTIVITI MALAYSIA (MPC)	AMANAH RAYA BERHAD	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) KALAKA SARIBAS
PIHAK BERKUASA PENERBANGAN JABATAN PENERBANGAN AWAM (CAAM) LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA NEGERI SARAWAK	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK
POLITEKNIK KUCHING	INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KUCHING	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) SAMARAHAN
POLITEKNIK MUKAH SARAWAK	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) NEGERI SARAWAK	KEMENTERIAN PERTAHANAN CAWANGAN SARAWAK
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) BINTULU	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SARAWAK	LEMBAGA KOKO MALAYSIA
SIRIM SARAWAK	JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM CAWANGAN NEGERI SARAWAK	INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA MIRI, SARAWAK
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA KAMPUS BATU LINTANG	JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT PERSEKUTUAN KEMAS NEGERI SARAWAK	BANK NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA	JABATAN KIMIA MALAYSIA NEGERI SARAWAK, KUCHING	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA	JABATAN KIMIA MALAYSIA, CAWANGAN BINTULU, SARAWAK	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN SARAWAK (FAMA) PEJABAT FAMA NEGERI SARAWAK
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA		

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA NEGARA (LPPKN)

PEJABAT WILAYAH SARAWAK, KEM LUAR
NEGERI MALAYSIA

SME BANK

SME CORPORATION MALAYSIA NEGERI
SARAWAK

INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM)

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
(PERKESO)

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
GETAH PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH) SARAWAK

POS MALAYSIA BHD SARAWAK

TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA (TUDM)

JEMAAH NAZIR DAN JAMINAN KUALITI
SARAWAK

MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)
KUCHING

MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)
BETONG

INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) BINTULU

AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI
SARAWAK

ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK

BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN
BAJA, SARAWAK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN
USAHAWAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DAN USAHAWAN

BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU CAWANGAN
SARAWAK

BANK SIMPANAN NASIONAL

BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)
KUCHING

BIRO PENGADUAN AWAM (BPA) NEGERI
SARAWAK

INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA) CAWANGAN
SARAWAK

INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (KEJURURAWATAN) SIBU

INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA (KESIHATAN AWAM) KUCHING

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA
SAMARAHAN

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) MIRI

JABATAN BANTUAN GUAMAN

JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA
SARAWAK

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA CAWANGAN
SARAWAK

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
CAWANGAN SARAWAK

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH & GALIAN
NEGERI SARAWAK

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)

JABATAN PENDAFTAR PERTUBUHAN NEGERI
SARAWAK

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
SARAWAK

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN
BERSEPADU(IADA) BATANG LUPAR

KEM WAWASAN NEGARA SAMPADI

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN
BUDAYA MALAYSIA, NEGERI SARAWAK

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
& INDUSTRI (MITI)

KOLEJ KOMUNITI MAS GADING BAU

KOLEJ KOMUNITI MIRI

KOLEJ KOMUNITI SARIKEI

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN
PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

LEMBAGA PENGGALAKKAN PELANCONGAN
MALAYSIA

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN
MALAYSIA (MIDA)

PEJABAT GIATMARA NEGERI SARAWAK

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN
LUAR MALAYSIA (MATRADE)

UNIT AUDIT DALAM SARAWAK ZON SABAH DAN SARAWAK
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)

PEJABAT PEGAWAI WAKIL TENTERA LAUT

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA ZON SARAWAK

PERCETAKAN NASIONAL BERHAD

POLITEKNIK METRO BETONG

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA SARAWAK (TERAJU)

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

FGV PLANTATIONS WILAYAH SAMPADI

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SARAWAK

KOLEJ KOMUNITI BETONG

KOLEJ KOMUNITI SANTUBONG

KOLEJ KOMUNITI KUCHING

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB) WILAYAH SARAWAK

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA NEGERI SARAWAK

PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN NEGERI SARAWAK

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM PEJABAT ZON SABAH DAN SARAWAK

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD PEJABAT CAWANGAN SARAWAK

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO) CAWANGAN SARAWAK

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) CAWANGAN SARAWAK

PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) KUCHING

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) CAWANGAN SARAWAK

PEJABAT PTPTN NEGERI SARAWAK

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN SARAWAK, KDN

BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KAWAL SELIA PADI DAN BERAS KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

BAHAGIAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA CAWANGAN SARAWAK



PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK



ISBN 978-967-19593-0-5

9 7 8 9 6 7 1 9 5 9 3 0 5

